

LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT

2011



Kandungan *Contents*

Perutusan Pengerusi FAMA <i>FAMA Chairman's Statement</i>	01
Latar Belakang FAMA <i>Background of FAMA</i>	05
Piagam Pelanggan FAMA <i>FAMA Client's Charter</i>	07
Ahli Lembaga Pengarah FAMA <i>FAMA Board of Directors</i>	08
Profil Ahli Lembaga Pengarah <i>Profile of Members of the Board of Directors</i>	11
Penyata Tadbir Urus Korporat <i>Corporate Governance Statement</i>	18
Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah FAMA <i>Committees under the FAMA Board of Directors</i>	19
Pengurusan Kanan FAMA <i>FAMA Senior Management</i>	23
Struktur Organisasi FAMA 2011 <i>FAMA Organisational Structure 2011</i>	26
Analisis Pasaran Pertanian bagi Tahun 2011 <i>Agriculture Market Analysis for 2011</i>	30
Pencapaian FAMA Sepanjang Tahun 2011 <i>FAMA's Achievements in 2011</i>	41
Pengurusan Rantaian Bekalan <i>Supply Chain Management</i>	42
Pembangunan Pemasaran Produk Segar <i>Fresh Product Marketing Development</i>	53
Pembangunan Pemasaran Produk Industri Asas Tani <i>Agro-Based Industry Marketing Development</i>	73
Regulatori <i>Regulatory</i>	86

Maklumat Pasaran <i>Market Information</i>	90
Promosi dan Eksport <i>Promotion and Export</i>	94
Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan <i>Increasing Management Effectiveness</i>	99
Perancangan Strategik <i>Strategic Management</i>	100
Khidmat Pengurusan <i>Management Services</i>	108
Komunikasi Korporat <i>Corporate Communications</i>	111
Pembangunan Modal Insan <i>Human Capital Development</i>	115
Audit Dalam <i>Internal Audit</i>	121
Institut Latihan FAMA <i>FAMA Training Institute</i>	123
FAMA Corporation (FAMACo)	126
Kalendar Peristiwa FAMA 2011 <i>FAMA Calendar of Events in 2011</i>	127
Laporan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 <i>Report and Financial Statement for Federal Agricultural Marketing Authority for Year Ending 31 December 2011</i>	155
Laporan Kewangan <i>Financial Statement</i>	156
Pejabat-Pejabat FAMA <i>FAMA Offices</i>	193

Perutusan Pengerusi *Chairman's Statement*



Assalamualaikum Warahmatullah Hi Ta'ala Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya juga saya bagi pihak Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membentangkan Laporan Tahunan FAMA bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan warga kerja FAMA yang telah banyak menyumbang kejayaan kepada FAMA sepanjang tahun 2011. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Y.B. Datuk Seri Noh bin Hj. Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di atas dorongan dan sokongan yang diberikan untuk FAMA terus maju dalam bidang pertanian.

In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful. All praise be for Allah, Lord of the Worlds. Peace and blessings be upon our Prophet Muhammad SAW.

Alhamdulillah, I express sincere gratitude to the Almighty, for with His leave, on behalf of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), I can present the FAMA Annual Report for the Financial Year Ending 31 December 2011.

My highest gratitude and appreciation go to all the different parties and FAMA staff, who contributed to the success of FAMA in 2011. Appreciation and thanks are also due to Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, the Prime Minister of Malaysia, and Y.B. Datuk Seri Noh bin Hj. Omar, the Minister of Agriculture and Agro-based Industry, for their encouragement and support for the continued progress of FAMA in the field of agriculture.

FAMA telah diluluskan siling berjumlah RM16.72 juta bagi Rolling Plan Pertama tahun 2011 hingga 2012 di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan daripada jumlah siling tersebut peruntukan yang diterima bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM5.92 juta bagi melaksanakan 23 projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34 peratus telah diagihkan kepada Projek Penyediaan dan Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tani dan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) kerana ianya melibatkan pembangunan Pasar Tani dan GBBS di seluruh Malaysia dan projek Pengukuhan Pemasaran dan Pembangunan Pusat Pengedaran Agromakanan Antarabangsa sebanyak 13 peratus. FAMA juga telah menerima peruntukan daripada sumber lain berjumlah RM8.97 juta bagi menjalankan empat program iaitu Program Azam Tani, Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) dan Motosikal Tiga Roda; Majlis Pembangunan Pertanian kawasan Parlimen (MPPP) di Sarawak dan program promosi luar negara.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, FAMA terus memperkukuhkan program pemasaran produk segar seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Pada tahun 2011, nilai urusniaga bagi buah-buahan adalah sebanyak RM21.98 juta manakala nilai jualan sayur-sayuran adalah sebanyak RM19.49 juta. Sepanjang tahun 2011, FAMA juga telah mengatur pelbagai program bagi membantu petani dan peladang memasarkan hasil tanaman mereka bagi mengawal harga buah-buahan bermusim daripada menjadi terlalu rendah atau tidak mempunyai nilai. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 seperti Durian Party, Jom Makan Buah@Muzium Telekom & Taman Warisan, Program Karnival Buah-buahan di Pasar Tani dan *Malaysian Fresh Fruits Fiesta* (M3F) yang telah diadakan di Singapura. Selain itu, FAMA juga telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para petani dan usahawan meningkatkan pendapatan mereka seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka seperti program ladang kontrak, Jimat Belanja Dapur (JBD), ekspo serta promosi jualan produk-produk Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS). Di samping itu, pengguna turut mendapat faedah di mana mereka juga mendapat bekalan hasil pertanian yang berkualiti dengan harga yang berpatutan.

Pada tahun 2011 menyaksikan kolaborasi yang telah diwujudkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Kementerian Pengajian Tinggi melalui agensi masing-masing termasuk FAMA. Ini membuktikan bahawa agensi kerajaan boleh bergandingan dalam menjayakan agenda pembangunan keusahawanan di negara ini. Perkara ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan dibawah dasar *National Blue Ocean Strategy*

FAMA was approved a fund ceiling of RM16.72 million under the First Rolling Plan for the two-year period of 2011 to 2012 under the 10th Malaysia Plan, and from this total ceiling, the allocation which was received for 2011 was RM5.92 million to implement 23 development projects. Out of this total, 34 percent was allocated to the Project for Providing and Strengthening the Retailing Networks of Farmers' Markets and Fresh Fruit Stalls (GBBS) because it involved the development of Farmers' Markets and Fresh Fruit Stalls throughout Malaysia, and 13 percent to the Project for the Enhancement of Marketing and Development of International Agro-food Distribution Centres. FAMA also received allocations of RM8.97 million from other sources to carry out four programmes, i.e., the Azam Tani Programme, Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) and Three-wheeled Motorcycles; Parliamentary Area Agricultural Development Council in Sarawak and International Market Promotion Programme.

As in previous years, FAMA continued to strengthen programmes for the marketing of fresh produce such as vegetables and fruits. In 2011, the value of transactions for fruits was RM21.98 million while the sales value of vegetables was RM19.49 million. Throughout 2011, FAMA also arranged various programmes to assist farmers to market their produce in order to prevent prices of seasonal fruits from falling too low and becoming valueless. Among the programmes implemented in 2011 were Durian Party, Let's Eat Fruits@Telecoms Muzium & Heritage Garden, Fruit Carnival at Farmers' Markets and Malaysian Fresh Fruits Fiesta (M3F) which was held in Singapore. Apart from that, FAMA also implemented various programmes to assist farmers and entrepreneurs to increase their incomes and, in turn, improve their standards of living. Some of the programmes were contract farming, Save Household Expenditure Programme, as well as expos and sales promotion of Small and Medium Enterprises (SMEs) products. At the same time, consumers benefitted from the availability of high quality agricultural produce at reasonable prices.

In 2011, collaborative efforts were made between the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry and the Ministry of Higher Learning, through their respective agencies, including FAMA. This effort proves that government agencies could cooperate in making a success of the entrepreneur development agenda of the nation. Such efforts are in line with the government's wish under the National Blue Ocean Strategy to optimize the utilization of government resources in ensuring an efficient government delivery system to the public.

yang ingin mengoptimalkan penggunaan sumber sumber kerajaan dalam sistem penyampaian dasar kerajaan yang lebih efisien kepada rakyat.

Pelancaran Kelab Usahawan Siswazah Tani atau MYAGROSIS merupakan idea YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri yang bertujuan untuk menarik minat golongan siswazah menceburi sektor pertanian. Pihak FAMA bersama pihak UiTM Kedah mengambil inisiatif bersama bagi membantu golongan siswazah yang berminat dalam usahawan tani untuk memulakan usaha mereka di peringkat kampus lagi. Inisiatif bersama ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dibawah program *National Blue Ocean Strategy* untuk memaksimumkan penggunaan sumber kerajaan dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan atau dasar-dasar kerajaan kepada golongan sasaran. Oleh yang demikian, pihak FAMA telah mengambil langkah proaktif dibawah program kerjasama dengan IPTA dan menjadikan UiTM Kedah sebagai rakan '*strategic*' pertama sebelum dilanjutkan kesemua UiTM diseluruh negara.

Sesungguhnya saya mengharapkan golongan usahawan siswazah adalah merupakan *Transformation Ambassador* yang bersama-sama dengan kerajaan untuk terus memacu negara tercinta ini bagi mencapai wawasan negara yang dirancang. *Transformation Ambassador* yang saya maksudkan ialah siswazah ini sebagai pelapis dan penggerak yang gigih, kreatif, berinovasi tinggi dan membawa anjakan perubahan positif dalam mengusahakan bidang perniagaan pertanian, seperti pengurangan kos pengeluaran melalui input atau kaedah kerja baru yang lebih menjimatkan (teknologi baru) dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil keluaran mereka. Ini akan mempercepatkan proses mentransformasikan sektor ini menjadi sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing dan menjadi antara penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara seterusnya menjadi pengeluar agro-makanan dunia.

Sektor pertanian bukan sahaja berperanan sebagai satu sektor yang dapat membantu rakyat meningkatkan pendapatan ekonomi malah negara kita juga sangat memerlukan masyarakat usahawan dari kalangan siswazah yang berdaya saing. Masyarakat usahawan siswazah yang berdaya saing diharapkan adalah satu Komuniti Usahawan Siswazah yang Komersial dan Dinamik dengan jumlah dan bilangan yang besar serta berjaya menembusi pasaran global. Sehubungan dengan itu, FAMA turut menyahut seruan Kerajaan menuju ke arah transformasi untuk mendahulukan rakyat selaras dengan slogan yang dilaungkan oleh kerajaan iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

The launching of the Agriculture Graduates Entrepreneur Club or Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) is the brainchild of the YB Minister of Agriculture and Agro-based Industry as a means to attract graduates to participate in the agricultural sector. FAMA together with Kedah UiTM took joint initiatives to assist graduates who were interested in agri-preneurship to start their efforts at campus level. This joint initiative is in accordance with the government's desire under the National Blue Ocean Strategy to maximize the utilization of government resources and increasing the effectiveness of the service or policy delivery system to target groups. As such, FAMA took proactive steps under the cooperation programmes with Institutes of Higher Learning and made Kedah UiTM as the first strategic partner before expanding to other UiTM branches all over the country.

I sincerely hope that the graduate entrepreneurs will be the transformation ambassadors who will be with the government to lead our beloved nation to achieve the country's vision. Transformation ambassadors as I mean are graduates who will be the intermediaries and motivators who are persistent, creative, innovative, and able to bring about a positive shift in the agricultural ventures, such as reducing production costs through inputs or new work approaches which lead to savings (new technology) and at the same time, enhance quality and quantity of their output. This will accelerate the transformation process of the sector to a modern, dynamic and competitive sector and at the same time, become the main driving force of economic development, as well as becoming an agro-food producer in the world.

The agricultural sector not only plays the role of a sector which assists the people to increase their economic incomes, but our country also greatly needs entrepreneur communities from graduates who are competitive. The graduate entrepreneur community that is able to compete will become a commercial and dynamic force with strength in numbers and ability to enter global markets. In line with this, FAMA also responded to the government's call of transformation to put the people first, according to the government's slogan of "People First, Performance Now".

In addition, FAMA also constantly ensure that agricultural produce could be marketed and commercialized to provide a channel for the younger generation to involve in agriculture towards a transformation era for creating agri-preneurs from the younger generation. As such, a consistent supply will ensure the ability to meet the food needs of the population in tandem with the wish

Selain itu, FAMA juga sentiasa memastikan hasil keluaran yang dikeluarkan dapat dipasarkan dan dikomersilkan bagi memberi laluan kepada generasi muda untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian dalam menuju era transformasi bagi melahirkan usahawan tani di kalangan generasi muda. Justeru itu, dengan pengeluaran bekalan hasil pertanian yang konsisten pasti akan dapat menampung keperluan bekalan makanan negara selari dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak seterusnya memenuhi kehendak rakyat. Di samping itu juga, kita dapat mengurangkan import makanan dan kebergantungan bekalan makanan dari negara luar. Sehubungan itu, dalam merealisasikan hasrat Y.A.B Perdana Menteri Malaysia yang amat kita kasihi, harapan saya agar semua wargakerja FAMA berganding bahu dalam menuju ke dimensi baru untuk membawa FAMA menjadi sebuah agensi yang penting dalam pemasaran hasil pertanian negara dalam usaha membantu rakyat di Malaysia.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, semua Ahli Lembaga Pengarah, YBrs. Ketua Pengarah FAMA, pihak pengurusan, pegawai serta seluruh warga kerja FAMA di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah yang telah melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Ucapan terima kasih juga kepada pihak Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan-badan Bukan Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan program FAMA sepanjang tahun 2011. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua usahawan dan petani FAMA di seluruh negara yang telah bersama-sama menggalas amanah yang diberikan dan tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang sentiasa menyokong FAMA bagi menjayakan matlamat yang diamanahkan.

of the Prime Minister of Malaysia, Y.A.B Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, and in turn, meet the expectations of the population. Apart from that, we could reduce the imports of food and dependence on food supplies from other countries. In relation to this, towards the realization of the aspiration of our beloved Most Honourable Prime Minister of Malaysia, my hope is that all FAMA staff cooperate towards a new dimension to make FAMA as an agency which is important in the marketing of the agricultural produce of the nation as part of efforts to provide assistance to the population of Malaysia.

Lastly, I would like to express my deepest appreciation and gratitude to the Honourable Minister of Agriculture and Agro-based Industry, all members of the FAMA Board of Directors, the Director-General of FAMA, the management, officers, and the entire staff of FAMA at headquarters, states and districts, who have carried out their duties as entrusted. My thanks are also due to the ministry, departments, agencies, non-governmental organizations, and the private sector, that were involved either directly or indirectly, in the implementation of FAMA's programmes throughout 2011. A million thanks to all entrepreneurs and farmers under FAMA's guidance all over the country, who have jointly taken on the responsibilities entrusted, and not forgetting to express my appreciation to all Malaysians who have continually supported FAMA to achieve our goals.



RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN
PEOPLE FIRST, PERFORMANCE NOW

Sekian, salam hormat,
With best regards,

(Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Bin Amiruddin)
Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
FAMA Chairman

LATAR BELAKANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

BACKGROUND OF THE FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY (FAMA)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau lebih dikenali sebagai FAMA (*Federal Agricultural Marketing Authority*) adalah sebuah badan berkanun yang telah dipertanggungjawabkan di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141] dengan tujuan untuk menyelia, menyelaraskan, mengawalselia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian di Malaysia, termasuk pengimportan dan pengeksportannya serta untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasarannya dan juga untuk apa-apa perkara bersangkutan dengan keluaran pertanian.

Penubuhan FAMA telah direalisasikan pada 30 September 1965 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pemasaran keluaran pertanian yang terdiri daripada hasil tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta produk-produk yang dihasilkan daripadanya.

Visi

Peneraju utama pemasaran makanan dan hasil pertanian.

Misi

Membangunkan rantaian pemasaran makanan dan hasil pertanian yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan nilai kepada pelanggan.

Objektif

- i. Merealisasikan Wawasan Negara dan Dasar Pertanian Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama makanan dunia melalui kecekapan dan keberkesanan produk pertanian dan makanan.
- ii. Pembangunan infrastruktur pemasaran dan sistem rantaian bekalan yang cekap dan berkesan.
- iii. Pembangunan pemasaran dan peningkatan permintaan hasil pertanian dan makanan dalam dan luar negara.
- iv. Pemacuan keupayaan sumber manusia dalam pemasaran pertanian berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini.

Fungsi-Fungsi Utama

- i. Menyelaraskan aktiviti-aktiviti pemasaran pertanian sama ada yang melibatkan pihak swasta atau jabatan/agensi kerajaan.
- ii. Memperbaiki sistem pemasaran dan memperluas serta memajukan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian Malaysia.

The Federal Agricultural Marketing Authority, better known as FAMA, is a statutory body incorporated under the Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965 [Act 141] for the purpose of supervising, coordinating, regulating and developing the marketing of agricultural produce in Malaysia, including import and export, as well as providing credit facilities for its marketing and also any matters relating to agricultural products.

The establishment of FAMA was realized on 30 September 1965 as an agency under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry of Malaysia which was responsible for any matters relating to marketing for agricultural products, consisting of crops such as vegetables and fruits, as well as products made from them.

Vision

The leading authority on food and agricultural marketing.

Mission

To develop an efficient and effective food and agricultural marketing chain to increase customer value.

Objectives

- i. *Realisation of the National Vision and National Agricultural Policy to make Malaysia a major world producer of food through the efficient and effective marketing of food and agricultural products.*
- ii. *Development of marketing infrastructure and a supply chain system that is efficient and effective.*
- iii. *Development of marketing and increasing demand for food and agricultural produce domestically and internationally.*
- iv. *Leading human resource capacity building in agricultural marketing based on knowledge and the latest technology.*

Main Functions

- i. *To coordinate agricultural marketing activities, either involving the private sector or government departments/agencies.*
- ii. *To improve the marketing system and to expand as well as develop new markets for Malaysian agricultural produce.*
- iii. *To collaborate with the private sector and government departments/agencies in setting up an efficient and effective agricultural marketing system.*

- iii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan jabatan/ agensi kerajaan bagi mewujudkan pemasaran pertanian yang cekap dan berkesan.
- iv. Membangun dan memajukan pengurusan yang cekap dalam industri pertanian berkaitan dengan aktiviti pemasaran atau pemprosesan hasil-hasil pertanian.
- v. Melibatkan secara langsung dalam industri pertanian terutama aktiviti pemasaran atau pemprosesan hasil-hasil pertanian.

Strategi

Strategi-strategi FAMA adalah seperti berikut:-

- Memperbaiki kecekapan dan keberkesanan pengurusan rantai bekalan.
- Kecemerlangan perisikan pasaran.
- Pengiktirafan jenama di pasaran domestik dan antarabangsa.
- Pembangunan keupayaan.

- iv. *To develop and enhance efficient management in the agricultural industry related to marketing activities or processing of agricultural products.*
- v. *To be directly involved in the agricultural industry, especially in marketing activities or processing of agricultural products.*

Strategies

FAMA's strategies are as follows:-

- *Improve efficiency and effectiveness of supply chain management.*
- *Excellence in market intelligence.*
- *Domestic and international brand recognition.*
- *Capacity building.*

PIAGAM PELANGGAN FAMA CLIENT'S CHARTER OF FAMA

	<p>Jam bekerja bagi setiap Permohonan e-Permit dari masa penerimaan permohonan, kami berusaha untuk memproses secara online permit import dan eksport komoditi yang dipertanggungjawabkan kepada FAMA.</p> <p><i>Working hour for each e-Permit Application from the time of receipt of the application, we strive to process online permits for import and export of commodities under the purview of FAMA.</i></p>
	<p>Jam bekerja bagi setiap Permohonan e-Grading dari masa penerimaan permohonan, kami berusaha untuk memproses bagi pengedaran hasil pertanian tersebut.</p> <p><i>Working hour for each e-Grading Application from the time of receipt of the application, we strive to process for the grading of the agricultural produce.</i></p>
	<p>Hari bekerja bagi Khidmat Pemasaran dari tarikh penerimaan permohonan, kami berusaha mengaturkan jadual pemasaran hasil-hasil pertanian berkualiti yang dipertanggungjawabkan kepada FAMA bagi pihak pekebun kecil mengikut harga pasaran.</p> <p><i>Working day for Marketing Services from the date of receipt of the application, we strive to arrange the marketing schedule of quality agricultural produce entrusted to FAMA on behalf of small farmers according to market prices.</i></p>
	<p>Hari bekerja bagi Khidmat Maklumat Pasaran, kami berusaha membekalkan maklumat terkini bagi hasil-hasil pertanian terpilih untuk memenuhi keperluan kumpulan sasar semasa membuat keputusan pemasaran.</p> <p><i>Working day for Market Information Services, we strive to provide the latest information for selected agricultural produce to meet the requirements of the target groups when making marketing decisions.</i></p>
	<p>Hari bekerja bagi Jawapan Balas Aduan dan Pertanyaan Awam dari tarikh diterima, kami berusaha memastikan semua pertanyaan dan aduan awam dijawab dan dimaklumkan tindakan susulan selanjutnya.</p> <p><i>Working day to Answer Public Queries and Complaints from the date of receipt, we strive to ensure that all public enquiries and complaints are answered and informed of further action.</i></p>
	<p>Minggu hari bekerja bagi Permohonan Penyertaan Pasar Tani dari tarikh permohonan diterima, kami berusaha memproses penyertaan Pasar Tani atau pembaharuan permit berniaga Pasar Tani.</p> <p><i>Week of working days for Application of Participation in Farmers' Markets from the date the application is received, we strive to process applications to participate or renewal of permits to trade in Farmers' Markets.</i></p>
	<p>Bulan hari bekerja bagi Permohonan Sebagai Vendor Agromas/Olemas dari tarikh permohonan diterima, kami berusaha memproses permohonan sebagai vendor Agromas dan Olemas.</p> <p><i>Month of working days for Agromas/Olemas Vendor Applications from the date the application is received, we strive to process applications to be Agromas and Olemas vendors.</i></p>

“Pertanian Adalah Perniagaan”
“Agriculture Is Business”

AHLI LEMBAGA PENGARAH FAMA 2011
FAMA BOARD OF DIRECTOR 2011



YBhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin
Pengerusi FAMA
FAMA Chairman



YBhg. Dato' Haji Mohamed Shariff bin Abdul Aziz
Ketua Pengarah FAMA
sehingga 24 Mac 2011
*FAMA Director-General
until 24 March 2011*



YBrs. Tn. Haji Ahmad bin Ishak
Dilantik sebagai Ketua Pengarah FAMA
mulai 20 Jun 2011
*Appointed as FAMA Director-General
beginning 20 June 2011*



En. Ravidran a/l Palaniappan
Pengarah Kanan
 Bahagian Kerjasama Ekonomi ASEAN
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa
 dan Industri Malaysia (MITI)
Senior Director
ASEAN Economic Cooperation Division
Ministry of International Trade and
Industry Malaysia (MITI)



YBhg. Dato' Dr. Baharom bin Jani
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan)
 Kementerian Pertanian dan Industri
 Asas Tani Malaysia
Deputy Chief Secretary
(Development)
Ministry of Agriculture and Agro-
based Industry Malaysia



YBhg. Datuk Roseley bin Dato' Haji Khalid
Ketua Pengarah
 Jabatan Pertanian Malaysia
 sehingga 7 Februari 2011
Director-General
Department of Agriculture Malaysia
until 7 February 2011



YH Dato' Sulaiman bin Md Zain
Ketua Pengarah
 Jabatan Pertanian Malaysia
 mulai 1 Mei 2011
Director-General
Department of Agriculture Malaysia
beginning 1 May 2011



En. Wan Mazlan bin Wan Mahmood
Setiausaha Bahagian
 Bahagian Perhubungan Antarabangsa
 Kementerian Perusahaan Perladangan
 dan Komoditi
Under Secretary
International Relations Division
Ministry of Plantation Industries and
Commodities



En. Hasan bin Ismail
Pengarah Kanan
 Seksyen Pertanian, Unit Perancang
 Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Senior Director
Agriculture Section, Economic
Planning Unit, Prime Minister's
Department



YH Dato' Haji Arpan Shah bin Satu
Ketua Pengarah
 Lembaga Pertubuhan Peladang
Director-General
Farmers' Organisation Authority



YH Dato' Zuraidah binti Atan, DIMP
Ahli Lembaga
 sehingga 14 Januari 2011
Board Member
until 14 January 2011



YM Raja Datuk Ropiaah
binti Raja Abdullah
Ahli Lembaga
 mulai 15 Januari 2011
Board Member
beginning 15 January 2011



YBhg. Datuk Rahim bin Baba
Ahli Lembaga
Board Member



**YB Dato' Shamsul Anuar
bin Haji Nasarah**
Ahli Parlimen Lenggong
Member of Parliament for Lenggong



**YB Tn. Haji Sulaiman
bin Haji Abdul Razak**
Ahli Dewan Undangan Permatang
*Member of Legislative Assembly
for Permatang*



**YB Datuk Haji Sapawi
bin Haji Ahmad Wasali**
Ahli Parlimen Sipitang
Member of Parliament for Sipitang



En. Nik Ab. Kadir bin Nik Mat
Wakil Perbendaharaan
mulai 1 Jun 2011
*Treasury Representative
beginning 1 June 2011*

PROFIL AHLI LEMBAGA PENGARAH PROFILES OF MEMBERS OF THE BOARD OF DIRECTORS



YBhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin

Pengerusi FAMA

FAMA Chairman

YBhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin dilantik sebagai Pengerusi FAMA pada 1 Jun 2008 hingga kini. Beliau juga memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji Malaysia mulai tahun 2004 hingga kini. Selain itu, YBhg. Dato' juga menyandang jawatan Pengerusi Tetap UMNO dari tahun 2009 hingga 2011.

YBhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin was appointed FAMA Chairman on 1 June 2008 to-date. He is also a Member of the Board of Directors for Tabung Haji Malaysia, a position he has held from 2004 to-date. Apart from that, YBhg. Dato' has also held the position of the UMNO Permanent Chairman from 2009 to 2011.

YBhg. Dato' Haji Mohamed Shariff bin Abdul Aziz

Ketua Pengarah FAMA – sehingga 24 Mac 2011

FAMA Director-General – until 24 March 2011

YBhg. Dato' Haji Mohamed Shariff bin Abdul Aziz memulakan perkhidmatan di FAMA pada tahun 1975. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Pada 27 Disember 2006, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah FAMA sehingga 24 Mac 2011.

YBhg. Dato' Haji Mohamed Shariff bin Abdul Aziz started his career in FAMA in 1975. He holds a Bachelor of Economics (Honours) degree from the University of Malaya. On 27 December 2006, he was appointed as the FAMA Director-General, a post he held until 24 March 2011.



YBrs. Tn. Haji Ahmad bin Ishak

Dilantik sebagai Ketua Pengarah FAMA – mulai 20 Jun 2011

Appointed as FAMA Director - General – beginning 20 June 2011

YBrs. Tn. Haji Ahmad bin Ishak memulakan perkhidmatan di FAMA pada 1 September 1983. Beliau memiliki Bachelor Sains (Ekonomi Sumber) dari Universiti Pertanian Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah FAMA bermula pada 20 Jun 2011.

YBrs. Tn. Haji Ahmad bin Ishak started his career in FAMA on 1 September 1983. He obtained a Bachelor of Science (Resource Economics) from Universiti Pertanian Malaysia. He was appointed as the FAMA Director-General since 20 June 2011.



En. Ravidran a/l Palaniappan

Pengarah Kanan

Bahagian Kerjasama Ekonomi ASEAN Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI)

Senior Director

ASEAN Economic Cooperation Division

Ministry of International Trade and Industry Malaysia (MITI)

En. Ravidran a/l Palaniappan mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA mulai 15 April 2007 hingga 14 April 2009 dan dilantik semula pada 15 April 2009 hingga 14 April 2011. Beliau dilantik semula sebagai ahli lembaga mulai 15 April 2011 hingga 14 April 2013. Beliau memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Birmingham, United Kingdom. Kini, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Kanan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Mr. Ravidran a/l Palaniappan was first appointed as a member of the FAMA Board of Directors from 15 April 2007 to 14 April 2009 and was subsequently reappointed from 15 April 2009 to 14 April 2011. His term of appointment was then extended from 15 April 2011 to 14 April 2013. He holds a Masters in Business Administration (MBA) from the University of Birmingham, United Kingdom and is currently a Senior Director in the Ministry of International Trade and Industry Malaysia (MITI).

YBhg. Dato' Dr. Baharom bin Jani

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Deputy Chief Secretary (Development)

Ministry of Agriculture and Agro-based Industry Malaysia



YBhg. Dato' Dr. Baharom bin Jani dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 November 2009 dan disambung lantikan mulai 1 November 2011 sehingga 31 Oktober 2012. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, Sarjana Ekonomi dari Shiga, Jepun dan Ijazah Doktor Falsafah dalam jurusan ekonomi dari Universiti Nagoya, Jepun. Pada masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

YBhg. Dato' Dr. Baharom bin Jani was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 November 2009 and his term appointment was extended from 1 November 2011 to 31 October 2012. He holds a Bachelor of Economics (Honours) degree from the University of Malaya, Masters in Economics from Shiga, Japan, and Doctor of Philosophy in Economics from the University of Nagoya, Japan. He is currently the Deputy Chief Secretary (Development) in the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry.



YBhg. Datuk Roseley bin Dato' Haji Khalid

Ketua Pengarah

Jabatan Pertanian Malaysia – sehingga 7 Februari 2011

Director-General

Department of Agriculture, Malaysia – until 7 February 2011

YBhg. Datuk Roseley bin Dato' Haji Khalid dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 April 2009 sehingga 7 Februari 2011 kerana bersara wajib dalam perkhidmatan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1977 dan Sarjana Sains Ekonomi Pertanian dari Texas A & M Universiti Amerika Syarikat pada tahun 1983. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia pada 19 Januari 2008 dan bersara wajib pada 7 Februari 2011.

YBhg. Datuk Roseley bin Dato' Haji Khalid was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 April 2009 and his appointment ended on 7 February 2011 due to mandatory retirement from the service. He obtained a Masters in Agricultural Science from Universiti Pertanian Malaysia in 1977 and a Masters Science in Agricultural Economics from Texas A & M University, United States, in 1983. He was appointed as the Director-General of the Department of Agriculture Malaysia on 19 January 2008 and retired on 7 February 2011.



YH Dato' Sulaiman bin Md Zain

Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian Malaysia – mulai 1 Mei 2011

*Director-General
Department of Agriculture, Malaysia – beginning 1 Mei 2011*

YH Dato' Sulaiman bin Md Zain dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Mei 2011 sehingga 12 Disember 2011. Beliau memiliki kelulusan Sarjana di University of Illinois @ Urbana-Champaign, Amerika Syarikat dalam bidang Sarjana Kejuruteraan Pertanian. Beliau turut memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Pertanian dari National College of Agricultural Engineering, Silsoe, Bedford, England. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia pada 1 April 2011 dan bersara wajib pada 12 Disember 2011.

YH Dato' Sulaiman bin Md Zain was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 May 2011 to 12 December 2011. He has a Masters in Agricultural Engineering from the University of Illinois @ Urbana-Champaign, United States and a Bachelor of Science (Honours) in Agricultural Engineering from the National College of Agricultural Engineering, Silsoe, Bedford, England. He was appointed as the Director-General of the Department of Agriculture Malaysia on 1 April 2011 and retired on 12 December 2011.

En. Wan Mazlan bin Wan Mahmood
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perhubungan Antarabangsa
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
*Under Secretary
International Relations Division
Ministry of Plantation Industries and Commodities*



En. Wan Mazlan bin Wan Mahmood dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 15 Januari 2009 dan disambung lantikan sehingga 31 Mac 2014. Beliau memiliki Sarjana Muda Sains (Kepujian) Geologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara pada tahun 1988. Beliau memiliki Sarjana Sains (Mineral Economics), Colorado School of Mine, Amerika Syarikat pada tahun 1994. Beliau kini bertugas sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Mr. Wan Mazlan bin Wan Mahmood was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 15 January 2009 and his term appointment was extended until 31 March 2014. He obtained a Bachelor of Science (Honours) in Geology from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1985 and a Diploma in Public Administration from the Public Administration Institute (INTAN) Bukit Kiara in 1988. He also obtained a Masters Science (Mineral Economics) from the Colorado School Of Mine, United States, in 1994. He is currently serving as Under Secretary at the Ministry of Plantation Industries and Commodities.



En. Hasan bin Ismail

Pengarah Kanan
Seksyen Pertanian, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
*Senior Director
Economic Section, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department*

En. Hasan bin Ismail dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 15 April 2007 dan disambung lantikan sehingga 14 April 2013. Beliau menerima pendidikan Sarjana di Australia National University dalam bidang Sarjana Ekonomi Pembangunan Pertanian. Pada masa ini, beliau bertugas sebagai Pengarah Kanan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Mr. Hasan bin Ismail was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 15 April 2007 and his term appointment was extended until 14 April 2013. He holds a Masters in Economics in Agricultural Development from the Australian National University. He is currently a Senior Director in the Economic Planning Unit at the Prime Minister's Department.



YH Dato' Haji Arpan Shah bin Satu

Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Director-General
Farmers' Organisation Authority

YH Dato' Haji Arpan Shah bin Satu dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Ogos 2008 dan disambung lantikan sehingga 31 Julai 2014. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 1978 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Pada masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah di Lembaga Pertubuhan Peladang.

YH Dato' Haji Arpan Shah bin Satu was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 August 2008 and his term appointment was extended until 31 July 2014. He obtained a Bachelor of Agricultural Science from Universiti Putra Malaysia in 1978 and a Masters in Business Administration from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1993. He is currently the Director-General at the Farmers' Organisation Authority.

YH Dato' Zuraidah binti Atan, DIMP

Ahli Lembaga – sehingga 14 Januari 2011
Board Member – until 14 January 2011



YH Dato' Zuraidah binti Atan dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Januari 2006 dan tempoh lantikan beliau sehingga 14 Januari 2011. Beliau merupakan seorang Peguambela dan Peguamcara dalam firma guaman beliau sendiri iaitu *Chambers of Zuraidah Atan* yang telah ditubuhkan pada tahun 2004. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Buckingham, England pada tahun 1984 dan diterima menganggotai *Malaysian Bar Council* pada tahun 2004. Sepanjang kerjayanya, banyak pencapaian telah diperolehi antaranya sebagai wanita pertama dilantik sebagai Presiden/Ketua Eksekutif Affin Merchant Bank Berhad dan Ahli Lembaga Pengarah HSBC Bank Malaysia Berhad. Selain itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi FAMA Corporation Sdn. Bhd. sehingga 8 Februari 2010.

YH Dato' Zuraidah binti Atan was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 January 2006 her appointment was until 14 January 2011. She is an Advocate and Solicitor in her own law firm, "Chambers of Zuraidah Atan", which was set up in 2004. She graduated with a Bachelor of Law (Honours) from the University of Buckingham, England, in 1984 and was admitted as a member of the Malaysian Bar in 2004. Throughout her career, she has achieved many distinctions, including being the first woman appointed as President/Chief Executive of Affin Merchant Bank Berhad and a member of the Board of Directors of HSBC Bank Malaysia Berhad. Dato' Zuraidah was previously the Chairman of FAMA Corporation Sdn. Bhd., a post she held until 8 February 2010.



YM Raja Datuk Ropiaah binti Raja Abdullah

Ahli Lembaga – mulai 15 Januari 2011
Board Member – beginning 15 January 2011

YM Raja Datuk Ropiaah binti Raja Abdullah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 15 Januari 2011 sehingga 14 Januari 2013. Beliau menerima pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1973. Pada masa kini, beliau merupakan Ketua Wanita UMNO Negeri Selangor dan juga Exco Wanita UMNO Malaysia.

YM Raja Datuk Ropiaah binti Raja Abdullah was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 15 January 2011 until 14 January 2013. She graduated with a Bachelor of Arts (Honours) from the University of Malaya in 1973. She is currently the Selangor Wanita UMNO Chief and Wanita UMNO Malaysia EXCO member.



YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah

Ahli Parlimen Lenggong

Member of Parliament for Lenggong

YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Ogos 2009 dan disambung lantikan sehingga 31 Julai 2013. Beliau merupakan Ahli Parlimen Lenggong dan pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Aziz di Kementerian Pembangunan Usahawan (1999 – 2004) dan Setiausaha Sulit Kanan di Jabatan Perdana Menteri (2004 – 2007). Beliau juga merupakan bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) dan EXCO Pemuda UMNO Malaysia. Kini beliau memegang jawatan Presiden Alumni Majlis Belia Malaysia (Alumni MBM). Beliau telah dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Pingat Pangkuan Negara oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Mahkota Selangor oleh DYMM Sultan Selangor atas segala jasa yang telah disumbangkan.

YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 August 2009 and his term appointment was extended until 31 July 2013. He is the Member of Parliament for Lenggong and was previously the Private Secretary to YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Aziz at the Ministry of Entrepreneur Development (1999 – 2004) and Senior Private Secretary at the Prime Minister's Department (2004 – 2007). He is also the former President of the Malaysian Youth Council (MYC) and an UMNO Youth EXCO member. He is currently the President of the Malaysian Youth Council Alumni (MYC Alumni). He was awarded the Pingat Pekerti Terpilih and Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak Medals by His Royal Highness DYMM Paduka Seri Sultan Perak, the Pingat Pangkuan Negara Medal by His Royal Highness DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, and the Seri Mahkota Selangor Medal by His Royal Highness DYMM Sultan Selangor, in recognition of his services.

YBhg. Datuk Rahim bin Baba

Ahli Lembaga

Board Member

YBhg. Datuk Rahim bin Baba dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Ogos 2009 dan disambung lantikan sehingga 31 Julai 2013. Beliau memiliki kelulusan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya (1970 – 1973). Beliau kini menjawat jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif Gula Perak Berhad, Ahli Lembaga Formis Resources Berhad, Ahli Majlis Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan merupakan Yang Dipertua Koperasi Pendidikan Islam Malaysia Berhad. Pada masa ini, beliau memegang jawatan Timbalan Presiden Persatuan Petanque Malaysia, Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan dan Pengerusi Lembaga Penasihat Sekolah Tunas Bakti.

YBhg. Datuk Rahim bin Baba was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 August 2009 and his term appointment was extended until 31 July 2013. He graduated from the Faculty of Economics and Administration, the University of Malaya (1970 – 1973). He currently holds the posts of the Executive Chairman of Gula Perak Berhad, Board Member of Formis Resources Berhad, Member of the Malaysian Cooperative Commission and President of Koperasi Pendidikan Islam Malaysia Berhad. In addition, he is also holding the posts of Deputy President of Petanque Society of Malaysia, Chairman of the Federal Territory Consumer Affairs Council and Chairman of the Advisory Board of the Tunas Bakti School.





YB Tn. Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak

Ahli Dewan Undangan Permatang

Member of the State Legislative Assembly for Permatang

YB Tn. Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Ogos 2009 dan disambung lantikan sehingga 31 Julai 2013. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Ijazah Sarjana Sains Politik. Penglibatan politik di dalam UMNO membolehkan beliau sebagai EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kuala Selangor (1987 – 1989), Ketua UMNO Cawangan Sungai Terap, Bahagian Kuala Selangor dan Bahagian Tanjung Karang (2000 – 2009), Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kuala Selangor, Bendahari Pergerakan Pemuda UMNO Selangor, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tanjung Karang (2003) dan Bendahari UMNO Bahagian Tanjung Karang. Bakti dan jasa beliau mendapat pengiktirafan dan dikurniakan Pingat Jasa Setia Selangor 1999 dan Darjah Setia Mahkota Selangor 2004 oleh DYMM Sultan Selangor serta Pingat Pangkuan Negara 2006 oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA bagi tempoh 1 Ogos 2010 sehingga 31 Julai 2011. Kini beliau berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Selangor.

YB Tn. Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 August 2009 and his term appointment was extended until 31 July 2013. He holds a Bachelor of Arts and Master of Political Science degree. His involvement in politics through UMNO has led to his appointments as UMNO Youth Movement EXCO for the Kuala Selangor Division (1987 - 1989), UMNO Chief for Sungai Terap Branch, Kuala Selangor Division and Tanjung Karang Division (2000 - 2009), UMNO Youth Movement Division Chief for Kuala Selangor, Selangor UMNO Youth Treasurer, Deputy Chief of UMNO Tanjung Karang Division (2003) and UMNO Tanjung Karang Division Treasurer. In recognition of his services, he was awarded the Pingat Jasa Setia Selangor Medal in 1999 and the Darjah Setia Mahkota Selangor Medal in 2004 by His Royal Highness DYMM Sultan of Selangor, as well as the Pingat Pangkuan Negara Medal in 2006 by His Royal Highness DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. He was appointed to the Board of FAMA for the term beginning 1 August 2010 until 31 July 2011. He currently serves as the Member of the State Legislative Assembly for Permatang, Selangor.

YB Datuk Haji Sapawi bin Haji Ahmad

Ahli Lembaga

Board Member



YB Datuk Haji Sapawi bin Haji Ahmad dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 April 2010 dan disambung lantikan sehingga 31 Mac 2012. Beliau memiliki kelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum melibatkan diri dalam politik, beliau pernah berkhidmat sebagai guru di beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Menengah St. Patrik di Membakut, Sekolah Menengah Agama Limau-limauan di Kinarut, dan Sekolah Menengah Asrama Penuh (Sekolah Menengah Sains) Bukit Padang di Kota Kinabalu, Sabah. Penglibatan politik di dalam UMNO membolehkan beliau dilantik sebagai Ketua Penerangan UMNO Sabah, Ketua UMNO Bahagian P.178 Sipitang, Pengerusi Biro Hal Ehwal Islam (BIHALIM) UMNO Negeri Sabah dan Pengerusi Barisan Nasional Bahagian P.178 Sipitang. Beliau juga dikurniakan Darjah dan Bintang Kebesaran dari kerajaan negeri dan persekutuan iaitu Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K) dan Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K). Pada masa ini, beliau berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Sipitang, Sabah.

YB Datuk Haji Sapawi bin Haji Ahmad was appointed as a member of the FAMA Board of Directors on 1 April 2010 and his term appointment was extended until 31 March 2012. He graduated with a Bachelor of Arts from Universiti Kebangsaan Malaysia. Prior to his political involvement, he served as a teacher in several schools, including the St. Patrik Secondary School in Membakut, the Limau-limauan Religious Secondary School in Kinarut, and the the Full Boarding Secondary School (Science Secondary School) Bukit Padang in Kota Kinabalu, Sabah. His involvement in politics through UMNO led to his appointments as Information Chief for Sabah UMNO, Division UMNO Chief P.178 Sipitang, Chairman of the Islamic Affairs Bureau (Biro Hal Ehwal Islam-BIHALIM) for Sabah UMNO and Chairman of Barisan Nasional Division for P.178 Sipitang. He has received several awards and medals at state and federal levels, including Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K) and Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K). He currently serves as the Member of Parliament for Sipitang, Sabah.



En. Nik Ab. Kadir bin Nik Mat

Wakil Perbendaharaan – mulai 1 Jun 2011

Treasury Representative – beginning 1 June 2011

En. Nik Ab. Kadir bin Nik Mat mula dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FAMA pada 1 Jun 2011 sehingga 31 Mei 2013. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1972. Pada masa ini, beliau bertugas sebagai Timbalan Pengarah Belanjawan (Ekonomi dan Industri) di Kementerian Kewangan dan turut menyandang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kewangan di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

The Farmers' Market programme is implemented by FAMA to provide market channels for producers to market their own products directly to consumers. At its inception in 1985, there were only 12 farmers' markets with sales value of RM1.4 million. Presently, after 25 years of its establishment, farmers' markets have grown significantly in terms of participant numbers and locations as well as image projection in line with the development and modernisation of the nation's agricultural sector.

Farmers' Markets provide opportunities to entrepreneurs, especially farmers, breeders and fishermen, to increase their incomes, and at the same time, assist consumers to obtain fresh and safe agricultural produce at fair prices. This is in line with government policies to lighten the burden of consumers as well as increase business opportunities to entrepreneurs, particularly in the agricultural sector.

Since their establishment and implementation throughout the country, Farmers' Markets have undergone several phases in development as given below:

Introduction Phase (1985-1987)

- *Promotion of farmers' participation*

Growth Phase (1988 – 1994)

- *Increasing Locations*

Strengthening Phase (1995 – 2003)

- *Development of Entrepreneurship*
- *Encouragement of company/cooperative joint ventures among participants*
- *Establishment of Desaraya*
- *Establishment of Farmers' Wholesale Market*
- *Establishment of Kota Tani*

Modernisation Phase (2004 – 2010)


- *Increasing Permanent Farmers' Markets*
- *Introduction of Mega Farmers' Markets*

Transformation & Innovation Phase (2010 – 2020)

- *Introduction of Graduate Farmers' Markets*
- *Increasing supplies direct from farms*
- *Innovation of New Look Farmers' Markets*
- *Introduction of Mobile Farmers' Markets*



Aliran Perkembangan Pasar Tani *Development Trends in Farmers' Markets*



Antara program yang diadakan sepanjang tahun 2011 adalah seperti:

- Penubuhan pasar tani baru
- Program pengukuhan pasar tani
- Program galakan pengunjung
- Program promosi dan hebahan

Pada tahun 2011, sebanyak 26 buah pasar tani baru ditubuhkan menjadikan jumlah keseluruhan pasar tani di seluruh negara sebanyak 468 buah (2010: 442 buah) dengan melibatkan seramai 21,453 peserta (2010: 20,214 peserta) seperti di **Jadual 8**. Nilai jualan yang direkodkan melalui program ini pada tahun 2011 adalah sebanyak RM631 juta (2010: RM558 juta).

Among the programmes carried out throughout 2011 were as follows:

- *Establishment of new farmers' markets*
- *Strengthening programmes for farmers' market*
- *Visitor promotion programmes*
- *Promotion and popularity programmes*

*In 2011, a total of 26 new farmers' markets were established, bringing the total number of farmers' markets throughout the country to 468 (2010:442), involving 21,453 participants (2010:20,214 participants) as given in **Table 8**. The sales value recorded through this programme in 2011 was RM631 million (2010:RM558 million).*

Jadual 8: Bilangan Pasar Tani Baru Mengikut Negeri Tahun 1985 – 2011

Table 8: Number of New Farmers' Markets by States, 1985 – 2011

Bil / No.	Negeri / State	Sedia Ada / Existing (1985-2010)	Tambahan Baru/ Addition (2011)	Jumlah / Total (1985 – 2011)
1	Perlis	14	2	16
2	Kedah	21	2	23
3	Pulau Pinang	14	0	14
4	Perak	26	2	28
5	Selangor	59	2	61
6	Negeri Sembilan	37	2	39
7	Melaka	24	2	26
8	Johor	65	3	68
9	Kelantan	24	3	27
10	Pahang	41	2	43
11	Terengganu	16	4	20
12	Sabah	34	1	35
13	Sarawak	52	1	53
14	Wilayah Persekutuan	15	0	15
Jumlah / Total		442	26	468

Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)

Program Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) merupakan satu pendekatan baru dalam membangunkan usahawan pemasar buah-buahan tempatan di seluruh negara. Melalui program ini gerai buah-buahan milik usahawan yang dipilih akan dibangunkan oleh FAMA dengan menampilkan imej gerai yang menarik, teratur, kemas dan peragaan yang seragam. Program GBBS ini telah dimulakan pada bulan April 2006 di seluruh negara sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan ruang pasaran buah-buahan tempatan di samping membantu mengatasi lambakan buah-buahan pada satu-satu masa tertentu.

Objektif GBBS adalah seperti berikut:-

- i) Mewujudkan rangkaian gerai buah-buahan runcit sebagai satu saluran alternatif kepada pengguna mendapatkan buah-buahan tempatan dengan perkhidmatan yang mesra pelanggan;
- ii) Membantu usahawan gerai buah-buahan memperkembangkan urusan buah-buahan dan meningkatkan pendapatan melalui pengurusan gerai yang cekap, seragam dan berkesan;
- iii) Mewujudkan satu rantaian pemasaran runcit buah-buahan di seluruh negara yang boleh dijadikan contoh terbaik dari segi pengurusan runcit; dan
- iv) Sebagai salah satu saluran alternatif bagi membantu mengurangkan masalah pemasaran buah-buahan tempatan.

Fresh Fruit Stalls

The Fresh Fruit Stall Programme (Gerai Buah-buahan Segar-GBBS) is a new approach in developing local marketer-entrepreneurs throughout the country. Through this programme, stalls owned by selected entrepreneurs will be developed by FAMA to display a new image that is attractive, organised and neat, with a standard display. The GBBS programme was initiated in April 2006 throughout the country as a strategy to increase market channels for local fruits, as well as overcome gluts in fruit supplies at certain times.

The objectives of GBBS are as follows:-

- i) Setting up a network of retail fresh fruit stalls as an alternative channel for consumers to obtain local fruits with customer-friendly services;*
- ii) Assist fruit stall entrepreneurs to expand their businesses in fruits and increase incomes through the efficient, standard and effective management of stalls;*
- iii) Establish a retail marketing network for fruits throughout the country which could be exemplary in terms of retail management; and*
- iv) As an alternative channel to assist in reducing the problem of marketing local fruits.*

Pada tahun 2011, sebanyak 429 buah gerai GBBS berjaya dibangunkan dengan melibatkan 363 usahawan. Ini merupakan peningkatan sebanyak 2.4 peratus dalam pembangunan gerai buah-buahan dan 4.6 peratus dalam penyertaan usahawan berbanding dengan tahun 2010. Nilai jualan untuk tahun 2011 adalah sebanyak RM223 juta iaitu peningkatan RM4 juta daripada tahun sebelumnya. Dengan usaha gigih FAMA dalam menaik taraf usahawan peruncit buah-buahan, purata pendapatan tahunan usahawan yang telah menyertai program ini telah meningkat sebanyak 30 peratus.

Pecahan bilangan GBBS dan jumlah usahawan yang dibangunkan mengikut negeri dari tahun 2006 hingga 2011 seperti di **Jadual 9**.

In 2011, a total of 429 GBBS were successfully developed, involving 363 entrepreneurs. This is an increase of 2.4 percent in terms of developing fruit stalls and 4.6 percent in terms of the participation of entrepreneurs, compared to 2010. Sales value for 2011 was RM223 million, which was an increase of RM4 million from the previous year. With FAMA's persistent efforts to upgrade fruit retailer-entrepreneurs, the average annual income of entrepreneurs who participated in this programme increased by 30 percent.

*The breakdown in terms of numbers of GBBS and total entrepreneurs developed by state from 2006 to 2011 is given in **Table 9**.*

Jadual 9: Bilangan Gerai dan Jumlah Usahawan GBBS Tahun 2011

Table 9: Number of GBBS Stalls and Entrepreneurs in 2011

Bil. / No.	Negeri / State	Jumlah Usahawan (Orang) / Number of Entrepreneurs	Bil. Gerai (Unit) / No. of Stalls
1	Perlis	23	27
2	Kedah	31	37
3	Pulau Pinang	28	30
4	Perak	26	33
5	Selangor	21	24
6	Negeri Sembilan	15	23
7	Melaka	13	18
8	Johor	36	41
9	Pahang	46	55
10	Terengganu	40	46
11	Kelantan	29	39
12	Sabah	20	21
13	Sarawak	35	35
Jumlah / Total		363	429



Kategori: Bangunan Kekal / Category: Permanent Building
Nama Usahawan / Name of Entrepreneur:
 En. Law Voon Hing
 Ipoh Perak



Kategori: Separuh Kekal (Kanopi 20'x20') / Category: Semi-permanent (Canopy 20'x20')
Nama Usahawan / Name of Entrepreneur:
 Pn. Anisah Bt. Abdul Rahman
 Batu Kurau Perak



Kategori: Separuh Kekal (Kanopi 20'x20') / *Category: Semi-permanent (Canopy 20'x20')*
 Nama Usahawan / *Name of Entrepreneur:* En. Abdul Halim Ismail
 GBBS Puncak Alam, Selangor

Motosikal Tiga Roda (M3R)

Program Motosikal Tiga Roda (M3R) telah dicetuskan oleh YBhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Pengerusi FAMA) dan merupakan sebahagian daripada komponen Projek Pembangunan Agro Bazaar Kedai Rakyat. Projek Usahawan Peraih Motosikal Tiga Roda adalah agen pemasaran FAMA yang menjalankan aktiviti meraih hasil-hasil pertanian yang diusahakan masyarakat kampung dan petani kecil di luar bandar untuk di pasarkan ke pusat-pusat jualan.

Program ini memberi tumpuan kepada pengusaha pertanian di kawasan luar bandar dalam membantu memasarkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan secara kecil-kecilan dan sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada usahawan Motosikal Tiga Roda.

Program ini juga dijalankan untuk membantu mengurangkan masalah pemasaran hasil-hasil pertanian di kawasan luar bandar dan juga isu kenaikan harga barangan keperluan asas. Aktiviti utama yang dijalankan adalah mengumpul hasil-hasil pertanian di kampung-kampung menggunakan motosikal tiga roda yang dibekalkan oleh FAMA. Hasil-hasil pertanian yang dikumpulkan akan dijual sama ada di rangkaian Agro Bazaar Kedai Rakyat, Pasar Tani, Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) dan outlet kecil yang lain. Purata pendapatan peserta adalah sebanyak RM2,000 sebulan.

Objektif Program Motosikal Tiga Roda (M3R) adalah:

- Sebagai satu mekanisma bagi membantu petani kecil dan masyarakat kampung menambahkan pendapatan;
- Sebagai ruang alternatif bagi masyarakat kampung memasarkan hasil-hasil pertanian melalui usahawan peraih;

Three- wheeled Motorcycles

The Three-wheeled Motorcycle (Motosikal Tiga Roda-M3R) Programme is the brainchild of YBhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (FAMA Chairman) and is a component of the Agro Bazaar Kedai Rakyat development project. Collector-entrepreneurs in the Three-wheeled Motorcycle Project are FAMA's marketing agents who carry out collection of agricultural produce that is produced by village communities and small farmers in rural areas for marketing in sales centres.

This programme focuses on agricultural entrepreneurs in rural areas who assist in marketing small-scale agricultural production and is, at the same time, a provider of employment opportunities to Three-wheeled Motorcycle entrepreneurs.

This programme is also aimed at assisting to reduce problems in marketing agricultural produce in rural areas and also to tackle the issue of price increases of essential goods. The major activities carried out are the collection of agricultural produce by using the three-wheeled motorcycles provided by FAMA. Agricultural produce thus collected will be sold through the Agro Bazaar Kedai Rakyat network, Farmers' Markets, Fresh Fruit Stalls (GBBS) and other small outlets. The average income of participants is estimated at RM2,000 per month.

Objectives of the Three-wheeled Motorcycle Programme are:

- *As a mechanism to assist small farmers and village communities to increase incomes;*
- *As an alternative channel for village communities to market agricultural produce through collector-entrepreneurs;*

- Menggalakkan aktiviti pertanian yang diusahakan secara kecil-kecilan dikalangan petani kecil dan masyarakat kampung; dan
- Mewujudkan usahawan di kawasan luar bandar yang menjalankan aktiviti meraih dan pengumpul hasil-hasil pertanian untuk dijual terus kepada kumpulan sasar.

Konsep Usahawan Peraih Motosikal Tiga Roda

- Usahawan akan diberi bantuan motosikal tiga roda yang lengkap dengan kemudahan peragaan barangan;
- Usahawan Motosikal Tiga Roda akan berperanan sebagai peraih membeli hasil-hasil pertanian secara kecil-kecilan menggunakan motosikal tiga roda di kawasan luar bandar dan pendalaman; dan
- Usahawan Motosikal Tiga Roda akan mewujudkan satu jaringan pemasaran dari petani terus ke pasaran. Hasil-hasil pertanian yang dikumpul oleh usahawan peraih akan dijual kepada pengusaha Agro Bazaar Kedai Rakyat, peserta Pasar Tani, Usahawan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) dan outlet runcit yang lain.

Modus Operandi Program Motosikal Tiga Roda

Bagi menjayakan objektif Program Motosikal Tiga Roda, usahawan terpilih yang dibekalkan motosikal tiga roda secara jualbeli perlu membayar 50 peratus harga motosikal dan baki 50 peratus akan ditanggung menerusi geran padanan oleh FAMA. Aktiviti yang dijalankan adalah sebagai pembeli kepada produk keluaran kampung berasaskan pertanian untuk dipasarkan di Agro Bazaar Kedai Rakyat, Pasar Tani, GBBS dan outlet peruncitan yang lain. Sehingga Disember 2011, sejumlah 258 buah motosikal tiga roda telah diserahkan kepada usahawan peraih di seluruh negara dengan nilai jualan yang direkodkan sebanyak RM5.9 juta seperti di **Jadual 10**.

- *Promote agricultural activities carried out on a small-scale by small farmers and village communities; and*
- *Develop entrepreneurs in rural areas to carry out collection activities of agricultural produce for direct sales to target groups.*

Concept of Three-wheeled Motorcycle Collector-Entrepreneurs

- *Entrepreneurs will be given the assistance of three-wheeled motorcycles which are equipped with facilities for product display;*
- *Three-wheeled Motorcycle entrepreneurs will play the role of small-scale collectors of agricultural produce by using these three-wheeled motorcycles in rural and remote areas; and*
- *Three-wheeled Motorcycle entrepreneurs will set up marketing networks from farmers direct to markets. Agricultural produce which is collected by collector-entrepreneurs will be sold to Agro Bazaar Kedai Rakyat operators, participants at Farmers' Markets, entrepreneurs at Fresh Fruit Stalls (GBBS) and other retail outlets.*

Modus Operandi of Three-wheeled Motorcycles

*To ensure that the objectives of the Three-wheeled Motorcycle Programme are met, the selected entrepreneurs who are provided three-wheeled motorcycles on a hire purchase basis pay 50 percent of the motorcycle price while the remaining 50 percent will be paid by FAMA as a matching grant. The activities carried out are as buyers to agro-based products of villages to be marketed in Agro Bazaar Kedai Rakyat, Farmers' Markets, GBBS and other retail outlets. Until December 2011, a total of 258 three-wheeled motorcycles were handed over to collector-entrepreneurs throughout the country with recorded sales value of RM5.9 million as given in **Table 10**.*

Jadual 10: Jumlah Agihan Motosikal Tiga Roda Tahun 2009 – 2011 Mengikut Negeri
Table 10: Number of Three-wheeled Motorcycles Distributed, 2009 – 2011 By State

Bil. / No.	Negeri / State	Bilangan Motosikal Tiga Roda / No. of Three-wheeled Motorcycles		
		2009	2010	2011
1.	Perlis	5	10	3
2.	Kedah	12	17	6
3.	Pulau Pinang	2	5	0
4.	Perak	5	10	5
5.	Selangor	18	19	10
6.	Negeri Sembilan	6	10	3
7.	Melaka	4	6	5
8.	Johor	5	13	8
9.	Kelantan	6	6	0
10.	Pahang	9	9	5
11.	Terengganu	4	8	5
12.	Sabah	2	7	2
13.	Sarawak	2	6	0
Jumlah / Total		80	126	52



Nama Usahawan/*Name of Entrepreneur*: En. Abdullah Bin Ali Yusof
 Felda Tenggaroh Mersing, Johor



Name Usahawan/*Name of Entrepreneur*: En. Abu Hassan Abd Rahman
Tasek Gelugor Pulau Pinang

Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR)

Projek Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) mula dilaksanakan pada bulan Jun 2009. Projek ini merupakan cadangan daripada mantan Y.A.B Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk meningkatkan ruang pasaran produk makanan tempatan berikutan timbulnya isu kenaikan harga barangan asas akibat kenaikan harga minyak yang membebankan kehidupan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Agro Bazaar Kedai Rakyat adalah premis perniagaan milik usahawan yang menjalankan perniagaan menjual barangan keperluan harian secara runcit dengan menawarkan harga berpatutan dan menampilkan imej yang menarik, tersusun, kemas dan seragam diseluruh negara. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 146 buah Agro Bazaar Kedai Rakyat telah dibangunkan dan beroperasi di seluruh negara.

Majlis pelancaran bagi projek Agro Bazaar Kedai Rakyat telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 17 Disember 2011 bertempat di Agro Bazaar Kedai Rakyat Kampung Ruat, Yan, Kedah.

Objektif Agro Bazaar Kedai Rakyat ialah:

- Sebagai agen bagi mengumpul, membeli dan menjual hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh orang-orang kampung;
- Sebagai salah satu mekanisma bagi membantu membantu masyarakat setempat menambahkan pendapatan;
- Memudahkan masyarakat setempat mendapatkan bekalan barangan keperluan asas dan produk pertanian pada harga berpatutan;
- Menggalakkan aktiviti urusniaga hasil-hasil

Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR)

The Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) project was first implemented in June 2009. This project was based on a proposal from the former Y.A.B Prime Minister, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, with the intention of increasing market channels for local food products as a result of fuel price increases which burdened the lives of the lower and middle income groups.

Agro Bazaar Kedai Rakyat is a business premise owned by entrepreneurs which carries out the business of selling daily essential goods on a retail basis by offering fair prices and showcases an image that is attractive, organized, neat and standardized throughout the country. By 31 December 2011, a total of 146 Agro Bazaar Kedai Rakyat had been developed and begun operating throughout the country.

The launching ceremony for the Agro Bazaar Kedai Rakyat telah was officiated by Y.A.B Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak on 17 December 2011 at Agro Bazaar Kedai Rakyat Kg. Ruat, Yan, Kedah

The objectives of Agro Bazaar Kedai Rakyat are:

- *As an agent for the collection, purchase and sales of agricultural produce which are the efforts of village communities;*
- *As a mechanism for assisting local communities to increase incomes;*
- *Facilitate local communities to obtain supplies of essential goods and agricultural products at fair prices;*
- *Promote business activities in agricultural produce which are carried out by farmers and local communities; and*


pertanian yang diusahakan oleh petani dan masyarakat setempat; dan

- Menyediakan outlet pemasaran alternatif yang bersifat kekal di lokasi strategik.

Pada tahun 2011, sebanyak 52 buah Agro Bazaar Kedai Rakyat telah dibangunkan di seluruh negara melibatkan 52 usahawan peruncitan. Perbandingan bilangan Agro Bazaar Kedai Rakyat yang telah dibangunkan mengikut negeri bagi tahun 2009, 2010 dan tahun 2011 seperti Rajah 9.

- *Provide alternative marketing outlets with permanent features at strategic locations.*

In 2011, a total of 52 Agro Bazaar Kedai Rakyat were developed throughout the country involving 52 retail entrepreneurs. The number of Agro Bazaar Kedai Rakyat which were developed by states in 2009, 2010 and 2011 is given in Figure 9.



Rajah 9: Perbandingan Bilangan Agro Bazaar Kedai Rakyat Mengikut Negeri Tahun 2009, 2010 dan 2011
Figure 9: Comparison of Agro Bazaar Kedai Rakyat Numbers by State in 2009, 2010 and 2011



Nama Usahawan/ *Name of Entrepreneur*: En. Azwan Bin Ahmad
Agro Bazaar Kedai Rakyat Kg. Ruat, Yan Kedah



Nama Usahawan/ *Name of Entrepreneur*: En. Mohd Fazli Bin Nayan
Agro Bazaar Kedai Rakyat Chini, Pahang

PEMBANGUNAN PEMASARAN PRODUK SEGAR FRESH PRODUCTS MARKETING DEVELOPMENT

Pada tahun 2011, FAMA meneruskan usaha yang intensif dalam melaksanakan aktiviti pemasaran hasil-hasil pertanian iaitu sayur-sayuran, buah-buahan segar serta lain-lain produk agromakanan bagi program urusniaga FAMA. Kebanyakan hasil pertanian yang dipasarkan adalah hasil daripada keluaran ladang kontrak serta petani berskala kecil dan sederhana yang dipasarkan melalui Pasaraya, Pusat Pemborongan, Institusi Pasaran, Pasar Tani, Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) juga outlet pemasaran lain.

Pemasaran Buah-buahan

Pada tahun 2011, nilai urusniaga bagi buah-buahan yang direkodkan adalah sebanyak RM21.98 juta berbanding RM24.27 juta pada tahun 2010. Rekod ini menunjukkan penurunan sebanyak 10.43 peratus. Antara penyumbang utama penurunan pengeluaran buah-buahan adalah disebabkan oleh pengeluaran buah-buahan bermusim yang berkurangan pada tahun 2011. Nilai jualan buah-buahan yang dipasarkan mengikut negeri seperti di **Jadual 12**.

In 2011, FAMA continued intensive efforts to implement marketing activities in agricultural produce, i.e., vegetables, fresh fruits and other agro-food products for FAMA's trading programme. Most of the agricultural produce marketed was sourced from contract farming output as well as small-scale and mid-scale farmers. These were then marketed through supermarkets, wholesale centres, marketing institutions, Farmers' Markets, Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) and other marketing outlets.

Marketing of Fruits

*In 2011, the recorded value of fruit trading was RM21.98 million compared to RM24.27 million in 2010. This is a decline of 10.43 percent. Among the major factors contributing to the decline was a reduced production of fruits, particularly seasonal fruits, in 2011. Sales value of fruits marketed by state is given in **Table 12**.*

Jadual 12: Nilai Jualan (RM) Buah-buahan Mengikut Negeri
Table 12: Sales Value (RM) of Fruits by State

Bil / No.	Negeri / State	2010 (RM)	2011 (RM)
1.	Perlis	630,665	1,026,005
2.	Kedah	635,689	580,802
3.	Pulau Pinang	560,557	654,121
4.	Perak	2,525,463	2,759,484
5.	Selangor	1,354,461	1,538,575
6.	Negeri Sembilan	2,722,018	888,110
7.	Melaka	766,039	816,280
8.	Pahang	2,005,758	1,923,265
9.	Kelantan	1,976,353	1,386,199
10.	Terengganu	1,116,154	926,953
11.	Johor	3,355,503	3,331,085
12.	Sabah	648,454	517,272
13.	Sarawak	412,369	354,876
14.	Ibu Pejabat	5,562,774	5,275,929
Jumlah / Total		24,272,257	21,978,956

Pemasaran Buah-buahan Bermusim

Sepanjang tahun 2011, FAMA telah mencatatkan kuantiti jualan buah-buahan bermusim sebanyak 10,314 tan metrik berbanding 13,500 tan metrik bagi tahun 2010 dan jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 23.6 peratus. Antara faktor yang menyebabkan penurunan tersebut adalah kekurangan pengeluaran buah-buahan bermusim seperti durian, manggis, rambutan, pulasan dan duku/dokong.

Pada tahun 2011, pengeluaran utama buah-buahan bermusim iaitu durian, rambutan, duku/dokong, manggis dan cempedak menurun kepada 102,000 tan metrik berbanding 132,000 tan metrik pada tahun 2010. Pengeluaran buah-buahan bermusim pada tahun 2011 menunjukkan berlakunya dua fasa pengeluaran utama iaitu pada musim kebiasaan (Julai hingga September) dan luar musim kebiasaan (November hingga Januari). FAMA juga telah mengatur pasaran bagi membantu petani dan peladang memasarkan hasil tanaman mereka bagi mengawal harga buah-buahan bermusim daripada menjadi terlalu rendah atau tidak mempunyai nilai. Antara program yang telah dilaksanakan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

i. *Durian Party*

Program *Durian Party* telah dilaksanakan sejak tiga tahun yang lalu terus mendapat sambutan luar biasa daripada agensi dan jabatan kerajaan, pihak swasta serta orang perseorangan. Pada tahun 2011, sebanyak 105 program *Durian Party* telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan nilai jualan yang dicatatkan sebanyak RM360,000.



Seasonal Fruit Marketing

Throughout the year 2011, FAMA recorded a sales quantity for seasonal fruits of 10,314 tonnes compared to 13,500 tonnes in 2010 and this figure showed a decline of 23.6 percent. Among the factors leading to the decline was a shortage of seasonal fruit production such as durian, mangosteen, rambutan, pulasan and duku/dokong.

In 2011, production of the major seasonal fruits, i.e., durian, rambutan, duku/dokong, mangosteen and cempedak dropped to 102,000 tonnes compared to 132,000 tonnes in 2010. The production of seasonal fruits in 2011 displayed two major production phases, i.e., during the normal season (July to September) and outside the normal season (November to January). FAMA also made marketing arrangements to assist farmers to market their produce in order to control prices of seasonal fruits from falling too low or losing value. Among the programmes implemented for 2011 are as given below:

i. *Durian Party*

The Durian Party programme which was initiated three years' ago continued to garner extraordinary support from government agencies and departments, the private sector as well as individuals. In 2011, a total of 105 Durian Party programmes were implemented throughout Malaysia with sales value reaching RM360,000.



Program *Durian Party* in Parlimen / *Durian Party Programme at Parliament*

ii. Fiesta Jualan

Sepanjang tahun 2011, FAMA terus memainkan peranannya dalam pemasaran hasil pertanian dengan mengadakan program di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pelbagai program telah dilaksanakan antaranya:

- Pelancaran Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) di UiTM Merbok, Kedah
- *Malaysian Fresh Fruits Fiesta* (M3F) di Singapura
- Jom Makan Buah@Muzium Telekom & Taman Warisan
- Festival Nanas Menara Kuala Lumpur
- Karnival Al-Hijrah Kuala Terengganu
- Program MYAGRO di *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE), Jalan Duta
- Festival Buah-buahan Tempatan di *Malaysia Tourism Centre*, MATIC, Jalan Ampang
- *Fabulous Food* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
- Karnival Usahawan Biotek
- Pesta Buah-buahan 2011 Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di Kerian, Perak
- Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di *Melaka International Trade Centre* (MITC) Melaka
- Program Karnival Buah-buahan di Pasar Tani

Melalui pendekatan ini, FAMA berjaya memasarkan buah-buahan segar tempatan terus daripada ladang yang memberi pulangan lumayan kepada petani serta harga yang berpatutan kepada pengguna.



ii. Sales Fiesta

In 2011, FAMA continued to play its role in marketing agricultural produce by carrying out programmes at state, national and international levels. Various programmes were implemented, among them:

- *Launching of Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) at UiTM Merbok, Kedah*
- *Malaysian Fresh Fruits Fiesta (M3F) in Singapore*
- *Jom Makan Buah (Let's Eat Fruits) at Muzium Telekom & Taman Warisan*
- *Pineapple Festival at Menara Kuala Lumpur*
- *Al-Hijrah Carnival at Kuala Terengganu*
- *MYAGRO Programmed at Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Jalan Duta*
- *Local Fruits Festival in Malaysian Tourism Centre, MATIC, Jalan Ampang*
- *Fabulous Food in Putra World Trade Centre (PWTC)*
- *Biotek Entrepreneurs' Carnival*
- *Fruits Festival 2011 in conjunction with the National Farmers', Breeders' and Fishermen's Day in Kerian, Perak*
- *Satu Daerah Satu Industri (SDSI) (One District, One Industry) Programme, Melaka International Trade Centre, MITC Melaka*
- *Fruits Carnival Programme at Farmers' Markets*

Through this approach, FAMA successfully marketed local fresh fruits directly from farms and provided remunerative returns to farmers as well as fair prices to consumers.



Program Fabulous Food 2011 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)/
The Fabulous Food Programme at Putra World Trade Centre (PWTC)



Program Festival Buah-buahan Tempatan MATIC/
Local Fruits Festival Programme at MATIC



Program MYAGRO 2011 di MATRADE /
MYAGRO 2011 Programme at MATRADE

Pemasaran Sayur-sayuran

Pada tahun 2011, FAMA telah mencatatkan nilai jualan sayur-sayuran sebanyak RM19.49 juta berbanding RM20.41 juta pada tahun 2010. Penurunan nilai jualan ini adalah disebabkan kekurangan bekalan sayur tempatan apabila lima negeri dilanda banjir iaitu Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Nilai jualan mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 13**.

Marketing of Vegetables

*In 2011, FAMA achieved a sales value of RM19.49 million in vegetables compared to RM20.41 million in 2010. The decline in sales value was attributed to a reduction in local vegetable supplies as a result of floods in five states, i.e., Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu and Pahang. Sales value by state is given in **Table 13**.*

Jadual 13: Nilai Jualan (RM) Sayur-sayuran Mengikut Negeri Tahun 2010 dan 2011

Table 13: Sales Value (RM) of Vegetables by State in 2010 and 2011

Bil./ No.	Negeri / State	Tahun/ Year	
		2010 (RM)	2011 (RM)
1.	Perlis	169,016	157,127
2.	Kedah	487,567	851,874
3.	Pulau Pinang	462,411	423,229
4.	Perak	625,837	2,267,642
5.	Selangor	651,805	756,366
6.	Negeri Sembilan	2,669,420	365,217
7.	Melaka	730,444	853,014
8.	Pahang	879,588	856,172
9.	Kelantan	436,888	836,069
10.	Terengganu	1,851,275	1,305,602
11.	Johor	727,721	575,069
12.	Sabah	758,602	548,408
13.	Sarawak	77,787	72,298
14.	Ibu Pejabat	9,877,857	9,624,938
Jumlah / Total		20,406,218	19,493,025

Bagi mengurangkan masalah kekurangan bekalan sayur tempatan, FAMA telah mengimport kubis bulat dari negara China sebanyak 1,749.2 tan metrik dengan nilai RM1,493,773. Selain itu, FAMA juga telah mengimport cili merah dari negara China dan Indonesia bagi mengimbangi kenaikan harga yang terlalu tinggi di pasaran tempatan.

Program “Jualan Terus FAMA - Jimat Belanja Dapur”

Dalam menangani kenaikan kos sara hidup yang tinggi kepada pengguna terutama menjelang musim perayaan, FAMA telah melancarkan program “Jualan Terus FAMA – Jimat Belanja Dapur”. Program ini menawarkan harga 10 peratus lebih rendah daripada harga pasaran bagi 18 komoditi pertanian terpilih.

Program ini dilaksanakan di 41 Pasar Tani terpilih seluruh negara untuk barangan terpilih. Program yang bermula Ogos hingga Oktober 2011 ini telah mencatat nilai jualan sebanyak RM477,146.00. Senarai Pasar Tani dan komoditi pertanian terpilih adalah seperti di **Jadual 14** dan **Jadual 15**.

In order to lessen problems related to the decline in local supplies of vegetables, FAMA imported round cabbages amounting to 1,749.2 tonnes with a value of RM1,493,773 from China. Apart from that, FAMA also imported red chillies from China and Indonesia to provide a stabilizing effect on sharp price increases in the local market.

FAMA Direct Sales - Jimat Belanja Dapur Programme

In tackling rising costs of living, especially during festive seasons, FAMA launched a “FAMA Direct Sales – Jimat Belanja Dapur (Save Household Expenses)” Programme. This programme offered prices that were 10 percent lower than market prices for 18 selected agricultural produce.

*The programme was implemented in 41 selected Farmers’ Markets throughout the country for selected products. The programme period beginning August to October 2011 achieved a sales value of RM477,146.00. The list of Farmers’ Markets and selected agricultural produce involved in the programme are given in **Table 14** and **Table 15**.*

Jadual 14: Senarai 41 Pasar Tani Terpilih
Table 14: List of Forty-One Selected Farmers’ Markets

Negeri /State	Pasar Tani / Farmers’ Markets	Lokasi / Locations	Jualan oleh Pusat Operasi (PO)/ Sales by Operations Centres
Perlis (2)	Taman Sena Indah	Dataran Jubli Emas,Kangar	PO Kangar
	Simpang Empat	Pekan Simpang Empat	
Kedah (3)	Sungai Petani	Jalan Petri , Sungai Petani	PO Sungai Petani
	Taman Wira	Tapak Medan Selera, Tmn. Wira, Mergong	PO Alor Setar
	Souq Al Bukhari	Kompleks Souq Al Bukhari Alor Setar	PO Alor Setar
Pulau Pinang (2)	Tasek Gelugor	Jalan Permatang Manggis Tasik Gelugor	PO Bukit Mertajam
	Balik Pulau	Kompleks Pasar Awam, Balik Pulau	
Perak (3)	Kg. Simee	Tapak Letak Kereta, Stadium Perak	PO Ipoh
	Manjong	Tapak LKIM Jalan Besar Sri Manjung	
	Pasar Tani TEMAN	Tapak TEMAN, Gopeng	PO TEMAN
Selangor (4)	Seksyen 6, Kelana Jaya	Kompleks Sukan FAMA Kelana Jaya	PO Dengkil
	Taman Melawati	Tempat Letak Kereta Tmn. Melawati, Hulu Klang	PO Puchong
	Stadium Shah Alam	Tapak Letak Kereta Stadium sebelah Car Boot Sale	PO Puchong
	Seksyen 17 Shah Alam	Sek 17/22, Jln Limbat, Shah Alam	PO Kuala Selangor

Negeri / State	Pasar Tani / Farmers' Markets	Lokasi / Locations	Jualan oleh Pusat Operasi (PO)/ Sales by Operations Centres
Negeri Sembilan (2)	Ampangan	Flat Uda, Ampangan	PO Seremban
	Bandar Baru Seri Jempol	Bersebelahan Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol	PO Kuala Pilah
Melaka (2)	Alor Gajah	Berhampiran Pasar Besar Alor Gajah	PO Ayer Keroh
	Merlimau	Berhampiran perhentian bas Merlimau	PO Ayer Keroh
Johor (7)	Stadium Larkin	Jalan Stadium Larkin, Johor Bahru	PO Johor Bharu
	Kulai	Jalan Siantan, Taman Indahpura	
	Simpang Renggam	Jalan Besar Kg. Melayu Simpang Renggam	PO Simpang Renggam
	Kluang	Jalan Mohd Salim, Kluang	
	Tangkak	Jalan Paya Mas Hentian Teksi Tangkak	PO Tangkak
	Muar	Jalan Petri, Bandar Maharani Muar	
	Batu Pahat	Jalan Omar, Batu Pahat	PO Batu Pahat
Kelantan (3)	Machang	Jalan Pejabat Machang	PO Machang
	Ayer Lanas, Jeli	Tapak Pasar Air Lanas	
	Teman, Kota Bahru	Teman, Kota Bahru	PO Kota Bharu
Pahang (3)	Kuantan	Stadium Darul Makmur Jalan Hj. Abdul Aziz	PO Kuantan
	Pekan	Bersebelahan Pusat Sumber Pendidikan, Pekan	
	Pasar Tani Kekal Jerantut	Pekan Jerantut Pahang	PO Jerantut
Terengganu (3)	Padang Hiliran	Letak Kereta Gelanggang Tenis Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT)	PO Kuala Terengganu
	Jertih	Berhampiran Pasar Besar Jertih	PO Besut
	Kerteh	Bandar Baru Kerteh, Kemaman	PO Kuala Terengganu
Sabah	Asia City	Ruang Singgah Mata, Asia City Kota Kinabalu	PO Sabah
Sarawak	Matang Jaya	Pekan Matang Jaya, Kuching	PO Samarahan
Wilayah Persekutuan (5)	Setiawangsa	Berhadapan Giant Supermarket Setiawangsa	PO Selayang
	Danau Kota	Tapak Up Town, Danau Kota	
	Segambut Luar	Kawasan letak kereta Masjid Al Firdaus	
	Bukit Angkasa	Pantai Dalam, Kerinchi	
	Putrajaya	Presint 2, Putrajaya	PO Dengkil

Jadual 15: Senarai 18 Komoditi Terpilih
Table 15: List of Eighteen Selected Commodities

Bil. / No.	Komoditi / Commodity	Harga Jualan FAMA/ FAMA Selling Price (RM/kg)	Harga Kawalan / Controlled Prices (RM/kg)
1.	Tomato Tanah Tinggi / <i>Highland Tomatoes</i>	3.50	4.50
2.	Cili Merah Kulai / <i>Kulai Red Chillies</i>	8.00	11.00
3.	Kubis Bulat / <i>Round Cabbages</i>	2.00	3.20
4.	Bawang Merah Kecil India / <i>Shallots (India)</i>	2.00	4.50
5.	Kelapa Tua (Biji) / <i>Coconuts (per unit)</i>	1.30/biji	1.50 (harga di peringkat borong) (prices at wholesale level)
6.	Kacang Panjang Hijau / <i>Green Long Beans</i>	3.70	-
7.	Kentang Import China / <i>Imported Potatoes (China)</i>	2.00ii	-
8.	Bawang Merah Rose India / <i>Rose Red Onions (India)</i>	3.20	-
9.	Nanas Morris / <i>Morris Pineapples</i>	1.80/biji	-
10.	Tembikai Merah Tanpa Biji / <i>Seedless Red Watermelons</i>	1.50	-
11.	Pisang Berangan / <i>Berangan Bananas</i>	2.50	-
12.	Betik Sekaki / <i>Long Papayas</i>	1.60	-
13.	Timun Hijau / <i>Green Cucumbers</i>	1.70	-
14.	Ayam Standard / <i>Standard Chicken</i>	7.00	7.20
15.	Daging Pejal / <i>Lean Beef</i>	18.00 – 20.00	18.00 – 20.00
16.	Tilapia Hitam / <i>Black Tilapia</i>	5.00	-
17.	Tilapia Merah / <i>Red Tilapia</i>	9.00	-
18.	Keli / <i>Catfish</i>	5.00	-

PEMBANGUNAN FLORIKULTUR FLORICULTURE DEVELOPMENT

Pada tahun 2011, FAMA telah diberi tanggungjawab untuk memantau program-program florikultur. Sebanyak 12 pusat florikultur telah dipilih untuk menjayakan program pembangunan florikultur iaitu:

- 1) Pusat Mesralam Jajahan Bachok
- 2) Pusat Mesralam Maran
- 3) Pusat Mesralam TEMAN Kota Bharu
- 4) Pusat Mesralam Senawang
- 5) Pusat Mesralam Institut Latihan FAMA
- 6) Pusat Mesralam Prai
- 7) Pusat Mesralam Batu Kurau
- 8) Pusat Mesralam TEMAN Gopeng
- 9) Pusat Mesralam Pusat Pembangunan Hortikultur (PPH) Kluang
- 10) Pusat Mesralam Masjid Tanah
- 11) Pusat Mesralam Gunung Jerai
- 12) Pusat Mesralam Kuala Ketil

In 2011, FAMA was given the responsibility to monitor floriculture programmes. Twelve floriculture centres were chosen to participate in floriculture development programmes as follows:

- 1) *Pusat Mesralam Jajahan Bachok*
- 2) *Pusat Mesralam Maran*
- 3) *Pusat Mesralam TEMAN Kota Bharu*
- 4) *Pusat Mesralam Senawang*
- 5) *Pusat Mesralam Institut Latihan FAMA*
- 6) *Pusat Mesralam Prai*
- 7) *Pusat Mesralam Batu Kurau*
- 8) *Pusat Mesralam TEMAN Gopeng*
- 9) *Pusat Mesralam Pusat Pembangunan Hortikultur (PPH) Kluang*
- 10) *Pusat Mesralam Masjid Tanah*
- 11) *Pusat Mesralam Gunung Jerai*
- 12) *Pusat Mesralam Kuala Ketil*

PEMBANGUNAN TANAMAN PELBAGAI DEVELOPMENT OF OTHER CROPS

Pada tahun 2011, FAMA terus memperkukuhkan pembangunan tanaman pelbagai seperti pembangunan kelapa, roselle dan tebu. Nilai jualan yang dicatatkan oleh FAMA bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM18.4 juta berbanding RMRM8.68 juta pada tahun 2010.

In 2011, FAMA strengthened the development of other crops such as coconuts, roselle and sugarcane. The value of sales achieved by FAMA in 2011 was RM18.4 million compared to RM8.68 million in 2010.

Pembangunan Kelapa

Pada tahun 2011, FAMA telah diperuntukkan permit import kelapa tua sebanyak 17 juta biji bagi mengatasi kekurangan bekalan kelapa tempatan dan seterusnya menangani masalah harga yang tidak stabil di pasaran. Permit import yang diperuntukkan setiap bulan kepada FAMA oleh Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani adalah sejuta biji. Bagi lima bulan pertama tahun 2011, FAMA diperuntukkan sebanyak dua juta biji sebulan permit import kelapa tua (Januari hingga Mei 2011). Selain itu, kuota ini telah ditambah kepada tiga juta biji sebulan pada bulan Ogos dan September bagi memenuhi permintaan pengguna pada musim perayaan. Keseluruhan permit import kelapa tua yang telah diperuntukkan pada tahun 2011 adalah sebanyak 21 juta biji.

Coconut Development

In 2011, FAMA was allocated import permits of 17 million units of old coconuts to overcome problems related to a reduction in local supplies of coconuts and the resultant price instability. The import permits allocated to FAMA by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry were one million nuts per month. For the first five months of 2011 (January to May 2011), FAMA was allocated two million nuts monthly. This quota was increased to three million coconuts per month for August and September to meet consumer demand for the festive season. The total import permits allocated for 2011 reached 21 million coconuts.

Pusat Operasi FAMA Batu Pahat telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan dan memasarkan kelapa tua yang dibawa masuk melalui Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat. Selain itu, Pusat Operasi FAMA Selayang juga terlibat dalam memasarkan kelapa tua import ke seluruh negara melalui Pelabuhan Klang dan

The FAMA Operations Centre at Batu Pahat was responsible for the handling and marketing of the old coconuts brought in through the Minyak Beku Port at Batu Pahat. Apart from that, the Operations Centre at FAMA Selayang was also involved in marketing the imported coconuts to the rest of the country through Port Klang and Port Kuala Linggi. FAMA also imported old coconuts in husk amounting to 120,000 nuts through the Minyak Beku Port at Batu Pahat in August for the purpose of stockpiling. Meanwhile, FAMA also brought

Pelabuhan Kuala Linggi. FAMA juga telah mengimport kelapa tua bersabut sebanyak 120,000 biji melalui Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat pada bulan Ogos untuk dijadikan stok bekalan. Di samping itu, FAMA juga telah membawa masuk bekalan kelapa tua dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia melalui Pusat Operasi FAMA Sabah dan Pusat Operasi FAMA Kota Samarahan sebanyak 277,000 biji sepanjang tahun. Pada tahun 2011, sebanyak 11,348,531 biji kelapa tua import telah dibawa masuk ke negara ini.

in supplies of old coconuts from Sabah and Sarawak to Peninsular Malaysia through the FAMA Operations Centre at Sabah and FAMA Operations Centre at Kota Samarahan, involving 277,000 nuts during the year. In 2011, a total of 11,348,531 old coconuts were imported into the country.



Kelapa Tua Import daripada Indonesia tiba di Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat dan Pelabuhan Klang /
Coconuts from Indonesia arriving at the Minyak Beku Port, Batu Pahat and Port Klang

Pembangunan Tebu

Permintaan tebu di pasaran antarabangsa sangat menggalakkan khususnya di Singapura, Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan lain-lain negara yang berpotensi. Bagaimanapun bekalan tebu segar di seluruh negara tidak dapat menampung permintaan yang sangat tinggi di samping memenuhi permintaan pasaran tempatan. Antara kawasan utama bekalan tebu segar diperolehi adalah di Simpang Durian, Negeri Sembilan dan juga di beberapa kawasan di negeri Johor.

FAMA juga telah memperluaskan kawasan tanaman tebu melalui program ladang kontrak di Tanjung Karang, Selangor dengan keluasan 14.4 hektar melibatkan 14 orang peserta. Melalui program ini, kira-kira 1,080 tan metrik tebu segar telah dipasarkan di pasaran tempatan dan luar negara.

Sugarcane Development

The demand for sugarcane in the international market is very encouraging, especially in Singapore, Dubai, United Arab Emirates (UAE) and other countries with potential. However, the supply of fresh sugarcane in the country is not able to meet the high demand while fulfilling local market demand. Among the areas where fresh sugarcane is available is Simpang Durian, Negeri Sembilan and also a few areas in Johor.

FAMA has also expanded the area planted under sugarcane through a contract farming project in Tanjung Karang, Selangor with an area of 14.4 hectares and involving 14 participants. Through this programme, about 1,080 tonnes of fresh sugarcane were marketed locally and overseas.



Lawatan ke Ladang Tebu di Johor / *Visit to Sugarcane Plantation in Johor*



Pelbagai Varieti Tebu Segar / *Different varieties of fresh sugarcane*



Ladang Penanaman Tebu / *Sugarcane Plantation*

Pembangunan Roselle

Potensi industri roselle terus berkembang dan mempunyai permintaan yang menggalakkan di pasaran melalui inisiatif pelbagai pihak untuk menghasilkan produk berasaskan roselle seperti jus, jem, halwa dan minuman berkarbonat. FAMA telah mengeksport sebanyak 44.3 tan metrik roselle segar ke Australia dan Singapura pada tahun 2011 berbanding 28 tan metrik tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 58 peratus.



Roselle Development

The potential for the roselle industry continues to expand and receives encouraging demand in markets through the many initiatives undertaken by various parties to yield products based on roselle such as juice, jam, candy and carbonated drinks. FAMA successfully exported 44.3 tonnes of fresh roselle to Australia and Singapore in 2011 compared to 28 tonnes in 2010, which was an increase of 58 percent.



Buah Roselle yang Telah Matang / *Matured Roselle Fruits*

Pembangunan VitAto

VitAto merupakan salah satu komoditi di bawah program ladang kontrak yang diusahakan oleh peserta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Pada tahun 2011, FAMA telah membuat belian VitAto sebanyak 208.57 tan metrik dengan nilai RM125,666. Belian telah dibuat oleh tiga Pusat Operasi FAMA iaitu Pusat Operasi Besut, Pusat Operasi Kota Bharu dan Pusat Operasi Dengkil. Komoditi ini dipasarkan kepada pemborong, hypermarket serta dijual secara runcit di pasar tani seluruh negara. Kuantiti dan nilai belian VitAto oleh Pusat Operasi FAMA adalah seperti di **Jadual 16**.

VitAto Development

*VitAto is a commodity under the contract farming programme which is cultivated by participants from the Area Farmers' Organisation and Permanent Food Production Parks. In 2011, FAMA made purchases of 208.57 tonnes of VitAto with a value of RM125,666. These purchases were made by three FAMA Operations Centres, i.e., Besut Operations Centre, Kota Bharu Operations Centre and Dengkil Operations Centre. This commodity was marketed to wholesalers, hypermarkets as well retailed in farmers' markets all over the country. The quantities and values of VitAto purchases by FAMA Operations Centres are given in **Table 16**.*

Jadual 16: Kuantiti dan Nilai Belian VitAto oleh Pusat Operasi FAMA
Table 16: Quantity and Value of VitAto Purchased by FAMA Operations Centre

Bil. / No.	Pusat Operasi / Operations Centres	Kuantiti / Quantity (Tan Metrik)	Nilai / Value (RM)
1.	Besut	71.43	34,274
2.	Kota Bharu	117.7	70,092
3.	Dengkil	19.44	21,300
Jumlah Keseluruhan / Total		208.57	125,666



Aktiviti Penanaman VitAto / *VitAto Cultivation Activity*



Aktiviti Penuaian VitAto / *VitAto Harvesting Activity*

Aktiviti Pembungkusan VitAto / *VitAto Packaging Activity*

Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA

Pada tahun 2011, FAMA telah melangkah setapak ke hadapan dalam pemasaran durian sejuk beku ke pasaran luar negara. Pusat Operasi FAMA Batu Kurau telah mendapat sijil *Good Manufacturing Practice* (GMP) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 18 Mac 2011 yang memperakui bahawa pusat operasi ini telah memenuhi syarat-syarat bagi pelaksanaan GMP untuk memproses ulas durian dan isi durian komersial serta isi durian kampung sejuk beku. Pada 11 Mei 2011, FAMA telah mendapat kelulusan daripada *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine* (AQSIQ), Republic of China untuk mengeksport ulas durian sejuk beku ke negara China.

Penghantaran pertama telah dilakukan oleh Syarikat Nature Goodness pada Ogos 2011 melalui Pelabuhan Klang dengan kuantiti eksport sebanyak lapan tan metrik. Selain itu, FAMA juga telah berjaya memproses sebanyak 75 tan metrik durian sejuk beku kepada ulas dan isi durian sejuk beku. Jumlah durian segar yang telah digunakan bagi menghasilkan isi durian sejuk beku ini adalah sebanyak 412 tan metrik. Antara pengeksport durian sejuk beku ke China adalah Fanxin Trading (Malaysia) Sdn. Bhd., CW Global Marketing, Goldcrest Ventures Sdn. Bhd., Top Fruits Sdn. Bhd., Citra Evolusi Sdn. Bhd., Duria Resources Sdn Bhd dan Hernan Corporation Sdn. Bhd.

FAMA Fresh Fruits Processing Centre

In 2011, FAMA moved another step forward in marketing frozen durians to overseas markets. The FAMA Operations Centre at Batu Kurau was awarded the Good Manufacturing Practice (GMP) certificate from the Ministry of Health on 18 March 2011. This was an endorsement that the operations centre had fulfilled conditions for the implementation of GMP to process frozen durian arils and pulp for commercial durian as well as pulp for village durians. On 11 May 2011, FAMA obtained approval from the General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ), Republic of China to export frozen durian arils to China.

The first shipment was carried out in August 2011 by the Nature Goodness Company through Port Klang, with an export quantity of eight tonnes. Meanwhile, FAMA successfully processed 75 tonnes of frozen durian arils and pulp. The total fresh durian used for the production of frozen durian arils and pulp was 412 tonnes. Among the exporters of frozen durian to China were Fanxin Trading (Malaysia) Sdn. Bhd., CW Global Marketing, Goldcrest Ventures Sdn. Bhd., Top Fruits Sdn. Bhd., Citra Evolusi Sdn. Bhd., Duria Resources Sdn. Bhd., and Hernan Corporation Sdn. Bhd.



Aktiviti Pemprosesan Ulas Durian Sejuk Beku Dilakukan di Pusat Pemprosesan Buah-buahan FAMA Batu Kurau, Perak
Frozen Durian Arils Processing Activity being Carried Out at FAMA Fruit Processing Centre at Batu Kurau, Perak



Aktiviti Pembungkusan Ulas Durian Sejuk Beku Dilakukan di Pusat Pemprosesan Buah-buahan FAMA Batu Kurau, Perak
Frozen Durian Arils Packaging Activity being Carried Out at FAMA Fruit Processing Centre at Batu Kurau, Perak



Proses Pembungkusan Kotak Durian Sejuk Beku untuk di eksport
Process of Packaging Frozen Durian Cartons for Export

Program Ladang Kontrak

Program Ladang Kontrak merupakan salah satu projek yang di perkenalkan sebagai mekanisma untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian mereka mendapat pulangan yang setimpal. Pada tahun 2011, sektor pertanian telah memainkan peranan yang utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Ini adalah selaras dengan moto Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia iaitu "Pertanian Adalah Perniagaan". Penekanan diberikan kepada beberapa aspek pembangunan pertanian termasuk pengeluaran berkualiti yang mempunyai nilai tambah tinggi menerusi aktiviti penggredan, pemprosesan, pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan.

Program ini juga bertujuan untuk memadankan pengeluaran hasil pertanian dengan permintaan pasaran. Ini adalah sejajar dengan objektif Program Ladang Kontrak iaitu menjamin pasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluar; mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran; memastikan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran; dan mempertingkatkan pemindahan teknologi di sepanjang rantaian bekalan.

Di bawah skop Program Ladang Kontrak, petani merupakan pengeluar hasil pertanian manakala FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bertindak sebagai pembeli dan bersetuju menjamin pasaran hasil tanaman apabila petani mengeluarkan hasil tanaman mengikut jenis, varieti, kualiti, gred, pembungkusan dan jadual pengeluaran yang ditetapkan. Pelaksanaan program ini mengambil kira semua aspek yang berkaitan di sepanjang rantaian bekalan pengeluaran pertanian seperti khidmat-khidmat sokongan, kemudahan lepas tuai yang merangkumi pusat pengumpulan, dan pusat penggredan. **Jadual 17** menunjukkan pencapaian program ladang kontrak pada tahun 2011.

Contract Farming Programme

The contract farming programme was introduced as a mechanism to assist small and middle-scale agricultural entrepreneurs by providing a guaranteed market for their agricultural produce and ensuring that they obtained remunerative returns. In 2011, the agricultural sector played a pivotal role in generating national economic growth. This is in line with the motto of the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry Malaysia, "Agriculture is Business". Emphasis was given to several aspects of agricultural development, including producing high quality products with high value-added through activities such as grading, processing, packaging, labelling and branding.

This programme was also intended to match production of agricultural produce with market demand. As stated, this is in line with the objectives of the Contract Farming Programme to guarantee markets as well as increase producers' income; expand production of fruits and vegetables; ensure that agricultural produce is of high quality and meets market needs; and improve technology transfer throughout the supply chain.

*Under the scope of the contract farming programme, farmers are the producers of agricultural produce while FAMA and the Malaysian Pineapple Industry Board (Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia-LPNM) act as buyers and agree to provide market guarantees for the crops when farmers produce crops according to types, varieties, qualities, grades, packaging and production schedules as specified. The implementation of this programme takes into account all related aspects throughout the agricultural supply chain such as support services, and post-harvest facilities which include collection centres and grading centres. **Table 17** shows the achievements of the contract farming programme in 2011.*

Jadual 17: Pencapaian Program Terkumpul Ladang Kontrak Sehingga 31 Disember 2011
Table 17: The Achievements of the Contract Farming Programme until 31 December 2011

Perkara / Particulars	Sasaran 2011 / 2011 Target		Pencapaian / Achievements (Jan – 31 Dis 2011)		Pencapaian / Achievements (%)	
	Luas / Area (Hektar / Hectares)	Peserta / Participants (Orang / No.)	Luas / Area (Hektar / Hectares)	Peserta / Participants (Orang / No.)	Luas / Area (Hektar / Hectares)	Peserta / Participants (Orang / No.)
Selangor	445	217	754	362	169.44	166.82
Perak	713	451	1,033	442	144.88	98.00
Negeri Sembilan	398	299	486	299	122.11	100.00
Melaka	243	127	340	159	139.92	125.20
Johor	513	225	807	306	157.31	136.00
Pahang	1,076	633	1,341	608	124.63	96.05
Terengganu	503	413	770	436	153.08	105.57
Kelantan	495	345	643	502	129.90	145.51
Pulau Pinang	298	177	300	190	100.67	107.34
Kedah	820	519	777	461	94.76	88.82
Perlis	146	94	145	94	99.32	100.00
Sabah	750	500	857	624	114.27	124.80
Sarawak	800	450	889	495	111.13	110.00
Jumlah / Total	7,200	4,450	9,142	4,978	127	112

Pada tahun 2011, sasaran nilai pengeluaran adalah RM547,498,000. Sehingga 31 Disember 2011, nilai pengeluaran ladang kontrak yang telah dicapai adalah sebanyak RM694,134,600. Daripada jumlah tersebut, RM268,173,000 adalah belian sayur-sayuran dan RM425,961,600 adalah belian buah-buahan seperti di **Jadual 18**. Sebanyak 492 perjanjian jual beli (*forward agreement*) yang telah ditandatangani antara FAMA dengan peserta Ladang Kontrak untuk memasarkan hasil pertanian.

*In 2011, the targeted production value was RM547,498,000. Until 31 December 2011, the value of production achieved from contract farming was RM694,134,600. From this total, RM268,173,000 was from purchases of vegetables and RM425,961,600 was from purchases of fruits as given in **Table 18**. A total of 492 forward agreements were signed between FAMA and contract farming participants to market agricultural produce.*

Jadual 18: Sasaran dan Pencapaian Hasil dan Nilai Pengeluaran Ladang Kontrak Tahun 2011
Table 18: Targets and Achievements of Output and Value of Production from Contract Farming in 2011

Komoditi / Commodity	Sasaran 2011 / Targets 2011			Pencapaian / Achievements 2011			
	Luas / Area (Hektar / Hectares)	Hasil / Output (Tan Metrik / Tonnes)	Nilai / Value (RM)	Luas / Area (Hektar / Hectares)	Hasil / Output (Tan Metrik / Tonnes)	Nilai / Value (RM)	%
Sayur <i>Vegetables</i>	2,185	131,100	196,650,000	2,980	178,782	268,173,000	136
Buah <i>Fruits</i>	3,147	100,704	201,408,000	4,200	134,397	268,793,600	133
Nanas <i>Pineapples</i>	1,868	74,720	149,440,000	1,965	73,567	157,168,000	105
Jumlah / Total	7,200	306,524	547,498,000	9,144	386,746	694,134,600	127



Nama Pengusaha/ *Name of Entrepreneur* : Shamsudin Bin Zahidin
(Brilliant Farm Sdn. Bhd.)
Lokasi Projek/ *Project Locations* : Kampung Bali Tronoh, Perak
Tanaman/ *Crop* : Cili Kulai/*Kulai red chillies*
Keluasan fizikal/ *Physical area* : 10 hektar
Keluasan bertanam/ *Planted area* : 8 hektar
Pendapatan sebelum/ *Previous income* : RM10,000/bulan/*month*
Pendapatan semasa/*Current income* : RM35,000/bulan/*month*



Nama Pengusaha/*Name of Entrepreneur* : Mohamad Bin Mahdin
Lokasi Projek/*Project Location* : Kampung Parit Sempadan, Batu Pahat,
Johor
Tanaman/*Crop* : Terung Giant Naga/*Giant Brinjals*
Kaedah Penanaman/*Method of cultivation* : Fertigasi/*Fertigation*
Luas bertanam/*Area planted* : 600 pokok/*trees*
Pendapatan sebelum/*Previous income* : RM6,000/bulan/*month*
Pendapatan semasa/*Current income* : RM15,000/bulan/*month*



Nama Pengusaha/ <i>Name of Entrepreneur</i>	: Wan Bidah Bt Wan Ismail
Lokasi Projek/ <i>Project Location</i>	: Jalan Triang, Temerloh, Pahang.
Tanaman/ <i>Crop</i>	: Sayur-sayuran tanah rendah/ <i>Lowland vegetables</i>
Keluasan Fizikal/ <i>Physical area</i>	: 2 hektar
Keluasan Bertanam/ <i>Planted area</i>	: 2 hektar
Pendapatan sebelum/ <i>Previous income</i>	: RM7,000/bulan/ <i>month</i>
Pendapatan semasa/ <i>Current income</i>	: RM12,800/bulan/ <i>month</i>

TERNAKAN DAN AKUAKULTUR *LIVESTOCK AND AQUACULTURE*

FAMA masih berperanan dalam Program Pembangunan Pemasaran Akuakultur dan Ternakan walaupun pemasaran akuakultur dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan ternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan pemasaran lebih tertumpu kepada kumpulan sasar yang berhasrat untuk mempertingkatkan jualan, ruang pasaran, pengendalian, pameran serta memperkenalkan produk hiliran di pasaran.

Program Urusniaga Ternakan dan Akuakultur

Pada tahun 2011, urusniaga ternakan dan akuakultur meningkat sebanyak 18.28 peratus iaitu daripada RM13.58 juta pada tahun 2010 kepada RM16.06 juta tahun 2011. Berdasarkan pecahan komoditi pula, komoditi ternakan telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5.63 juta berbanding RM6.16 juta pada tahun 2010. Manakala bagi komoditi akuakultur pula, nilai jualan yang dicatatkan adalah sebanyak RM10.44 juta pada tahun 2011 berbanding RM7.42 juta pada tahun sebelumnya seperti di **Jadual 19**. Peningkatan hasil jualan dari tahun 2009 sehingga tahun 2011 menunjukkan perkembangan positif penglibatan FAMA di dalam industri akuakultur negara. Berdasarkan tren ini menunjukkan permintaan pengguna semakin meningkat terhadap keluaran industri akuakultur. Bagi industri ternakan pula penurunan hasil jualan ini

FAMA still plays a role in the Marketing Development Programme for Aquaculture and Livestock although the marketing of aquaculture is carried out by the Fisheries Development Authority of Malaysia (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia-LKIM) and livestock is under the Veterinary Services Department. The implementation of programmes and activities under marketing development are geared towards target groups who desire to improve sales, marketing channels, handling of exhibitions, and introduction of downstream products into the market.

Livestock and Aquaculture Trading Programme

*In 2011, the trading of livestock and aquaculture increased by 18.28 percent from RM13.58 million 2010 to RM16.06 million 2011. The breakdown by commodity shows that livestock achieved a sales of of RM5.63 million compared to RM6.16 million in 2010. Meanwhile, for aquaculture, sales reached RM10.44 million in 2011 compared to RM7.42 million in the previous year as given in **Table 19**. The increasing sales revenue from 2009 to 2011 is an indication of the positive development in the involvement of FAMA in the aquaculture industry of the country. This trend shows that consumer demand is increasing towards aquaculture products. For the livestock industry, sales dropped sharply as a result of a reduction in the number of collection centres for cattle, especially in Jerantut,*

yang agak ketara disebabkan berkurangnya bilangan pusat pengumpulan lembu terutama di Jerantut memandangkan ramai pemilik pusat pengumpulan sudah berupaya menjalankan perniagaan mereka sendiri.

as many owners were capable of carrying out their businesses on their own.

Jadual 19: Nilai Urusniaga Ternakan dan Akuakultur Tahun 2009 hingga 2011

Table 19: Trading Value for Livestock and Aquaculture from 2009 to 2011

Komoditi/Tahun <i>Commodity/Year</i>	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Ternakan / <i>Livestock</i>	6,084,087.99	6,163,986.30	5,632,199.93
Akuakultur / <i>Aquaculture</i>	6,047,428.66	7,420,282.82	10,436,363.77
Jumlah / <i>Total</i>	12,131,516.65	13,584,269.12	16,068,563.70

Secara keseluruhannya, komoditi akuakultur mencatatkan hasil jualan sebanyak RM10,436,363.77 pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, komoditi ikan keli merupakan hasil jualan yang tertinggi iaitu 46.78 peratus daripada keseluruhan nilai jualan. Hasil jualan yang tinggi ini disebabkan pertambahan bilangan pengeluaran ikan keli seiring dengan pertambahan permintaan pengguna pada tahun ini. Bagi komoditi ikan tilapia dan patin pula masing-masing mencatatkan 13.49 peratus dan 5.67 peratus daripada keseluruhan hasil jualan. Manakala 2.07 peratus merupakan hasil jualan komoditi lain-lain seperti ikan tonggan, lee koh, haruan, baung, rhohu, jelawat, puyu dan lampam.

On the whole, aquaculture recorded a sales revenue of RM10,436,363.77 in 2011. From this total, transactions in catfish provided the highest sales of 46.78 percent from the total sales value. This high sales revenue was attributed to the increased production of catfish in response to improved consumer demand during the year. In the case of tilapia and silver catfish, sales figures formed 13.49 percent and 5.67 percent respectively of the total sales revenue. The remaining 2.07 percent of sales were contributed by other fish varieties such as carp, common carp, snakehead, common catfish, rhohu, mad barb, climbing perch and Javanese Carp.


Pada tahun 2011 juga melibatkan urusniaga benih ikan dengan jumlah jualan sebanyak RM154,519.10. Selain ikan segar, ikan yang diproses seperti ikan pekasam juga turut diurusniagakan dengan anggaran nilai jualan sebanyak RM5,135.80 bersamaan 0.05 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan komoditi akuakultur pada tahun 2011. Bagi melengkapkan urusniaga akuakultur, makanan ikan juga termasuk di dalam urusniaga komoditi ini. Bahan input ini juga mendapat permintaan yang menggalakkan dengan nilai jualan dianggarkan sebanyak RM3.17 juta. Perincian nilai jualan bagi komoditi akuakultur pada tahun 2011 seperti di **Jadual 20** dan **Rajah 9**.

*In 2011, trading activities also involved fish fry with a sales value of RM154,519.10. Apart from fresh fish, processed fish such as fermented fish were also transacted with an estimated sales value of RM5,135.80 equivalent to 0.05 percent of the total aquaculture sales in 2011. To enhance trading in aquaculture, fish feedstuff was also included in the trading of this commodity. This input also attracted encouraging demand with sales value estimated at RM3.17 million. The breakdown in total sales value under aquaculture trading in 2011 is given in **Table 20** and **Figure 9**.*

Jadual 20: Perincian Nilai Urusniaga Akuakultur Tahun 2011

Table 20: Breakdown in Trading Value of Aquaculture in 2011

Komoditi Commodity	Nilai / Value (RM)	Peratus / Percent (%)
Keli / <i>Catfish</i>	4,882,274.86	46.78
Tilapia	1,407,780.46	13.49
Patin / <i>Yellowtail Catfish</i>	591,488.94	5.67
Lain-lain (ikan) / <i>Other Fishes</i>	216,440.70	2.07
Makanan Ikan / <i>Fish Feedstuff</i>	3,178,750.91	30.46
Ikan Pekasam (proses) / <i>Fermented Fish (processed)</i>	5,135.80	0.05
Benih Ikan / <i>Fish Fry</i>	154,519.10	1.48
Jumlah / Total	10,436,363.77	100.00




Rajah 9: Nilai Urusniaga Akuakultur Mengikut Komoditi Tahun 2011

Figure 9: Trading Sales Value in Aquaculture According to Commodity in 2011

Pada tahun 2011, keseluruhan jualan ternakan yang diurusniagakan adalah sebanyak RM5,632,199.93. Komoditi lembu mencatatkan permintaan yang tinggi apabila tiba musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Selain itu, ayam pedaging (12 peratus), ayam kampung kacukan (10 peratus) dan puyuh (9 peratus) turut diniagakan. Selain daripada komoditi di atas, komoditi seperti telur asin, telur ayam omega, itik daging, telur itik dan makanan ternakan turut dijual dengan nilai jualan sebanyak RM1,529,555.30 bersamaan 27 peratus daripada keseluruhan nilai jualan seperti **Rajah 10**.

*In 2011, total livestock traded was RM5,632,199.93. Cattle recorded high demand during the festive seasons such as Hari Raya Aidilfitri and Hari Raya Aidiladha. Meanwhile, chicken broilers (12 percent), freerange hybrid chicken (10 percent) and quail (9 percent) were also traded. Apart from the commodities stated, other commodities such as salted eggs, omega chicken eggs, duck meat, duck eggs and livestock feedstuff were also traded with a sales value of RM1,529,555.30 equivalent to 27 percent of the sales value as given in **Figure 10**.*



Rajah 10: Nilai Urusniaga Ternakan Mengikut Komoditi Tahun 2011
Figure 10: Value of Livestock Traded According to Commodity in 2011

PEMBANGUNAN PEMASARAN PRODUK INDUSTRI ASAS TANI

AGRO-BASED INDUSTRY MARKETING DEVELOPMENT

Dalam mencapai matlamat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menaiktaraf seramai 15,000 usahawan industri asas tani yang telah disasarkan pada tahun 2011 serta meningkatkan kualiti produk ke tahap pasaran global yang menepati persijilan antarabangsa, pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan golongan sasar telah dirancang dan dilaksanakan oleh FAMA dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Pelbagai jenis program dan aktiviti pemasaran telah dilaksanakan sejajar dengan misi utama FAMA iaitu membangunkan industri asas tani melalui dasar dan strategi yang menekankan pembangunan produk dan usahawan serta peningkatan jualan. Program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah selaras dengan matlamat FAMA untuk meningkatkan pendapatan dan pembangunan sosio ekonomi yang lebih seimbang bagi subsektor dan melahirkan usahawan yang berdaya maju serta golongan usahawan industri asas tani tahap 4, 5 dan 6 yang mampu berdaya saing.

Pada tahun 2011, FAMA telah berjaya merealisasikan hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan membantu seramai 5,126 usahawan yang didaftarkan di dalam sistem maklumat e-IAT. Nilai keseluruhan jualan produk usahawan yang dipasarkan melalui urus selia serta bantuan FAMA pada tahun 2011 adalah sebanyak RM1,105 juta. Purata jualan juga telah meningkat sebanyak 9.5 peratus dengan nilai RM 17,957.00 sebulan seperti di **Jadual 21**.

In efforts to achieve the goals of the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry to upgrade 15,000 agro-based industry entrepreneurs as targeted in 2011, and also increase the quality of products to global market levels in order to meet international certification, various programmes and activities relevant to target groups were planned and implemented by FAMA under the 10th Malaysia Plan.

Several marketing programmes and activities were implemented in line with FAMA's mission to develop agro-based industries through policies and strategies which emphasised product and entrepreneur development as well as increased sales. These programmes and activities were consistent with FAMA's goals to increase incomes and upgrade the socio-economy of the sub-sector. They were also aimed at developing entrepreneurs who are progressive, competitive and emplaced in the group of agro-based industry entrepreneurs in levels 4, 5 and 6.

*In 2011, FAMA successfully achieved the goal set by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry by assisting 5,126 entrepreneurs who were registered in the e-IAT information system. The total sales value of the products of entrepreneurs which were marketed through the secretariat as well as FAMA's assistance in 2011 was RM1,105 million. Average sales increased by 9.5 percent with a value of RM 17,957.00 monthly as given in **Table 21**.*

Jadual 21: Jumlah Usahawan Berdaftar Tahun 2008 hingga 2011 (Kumulatif)
Table 21: Total Entrepreneurs Registered from 2008 to 2011 (Cumulative)

Perkara / Particulars	Tahun / Year			
	2008	2009	2010	2011
Usahawan Berdaftar <i>Entrepreneurs Registered</i>	2,900	3,409	4,976	5,126
Purata Jualan Sebulan <i>Average Monthly Sales (RM)</i>	10,000	11,900	16,392	17,957
Sumbangan kepada Pasaran (juta) <i>Contribution to Market (million)</i>	350	407	979	1,105

Sepanjang tahun 2011, program pembangunan pemasaran industri asas tani juga telah berjaya menaiktaraf tahap perusahaan serta daya saing perniagaan usahawan. Bilangan usahawan dalam kategori 4, 5 dan 6 telah meningkat berbanding tahun 2010 seperti di **Jadual 22**.

*Throughout 2011, the agro-based industry marketing development programme also successfully upgraded the level of enterprise and competitiveness of entrepreneurs businesses. The number of entrepreneurs in the 4th, 5th and 6th categories had increased compared to 2010 as given in **Table 22**.*

Jadual 22: Jumlah Usahawan Berdaftar dalam Sistem E-IAT Mengikut Tahap Usahawan 2008, 2009, 2010 dan 2011 (Kumulatif)

Table 22: Number of Entrepreneurs Registered in the E-IAT System According to the Level of Entrepreneurs in 2008, 2009, 2010 and 2011 (Cumulative)

Kategori PKS / SME Category	Tahun / Year			Peningkatan Usahawan / Entrepreneurs Upgraded (%)
	2009	2010	2011	
Tahap 1 / Level 1 (< RM 50,000)	2,793 (61%)	2,928 (59%)	2,972 (58%)	1.5
Tahap 2/ Level 2 (< RM 100,000)	714 (16%)	831(17%)	852 (17%)	2.5
Tahap 3/ Level 3 (< RM 250,000)	581 (12%)	678 (14%)	688 (13%)	1.5
Tahap 4/ Level 4 (< RM 1 juta)	370 (8%)	392(7%)	442 (9%)	12.8
Tahap 5/ Level 5 (< RM 10 juta)	84 (1.8%)	98(2%)	115 (2%)	17
Tahap 6/ Level 6 (< RM 25 juta)	43 (1%)	49 (1%)	57 (1%)	16
	4,589 (100%)	4,976 (100%)	5,126 (100%)	3

Bahagian Industri Asas Tani juga telah menyediakan perkhidmatan usahawan berdasarkan tahap keusahawanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi memastikan produk dan kemampuan usahawan sejajar dengan segala keperluan dan kehendak pasaran yang ingin ditembusi bagi meningkatkan jualan pendapatan golongan sasaran.

The Agro-based Industry Division also provided services to entrepreneurs based on the level of the entrepreneurs under the Small and Medium Enterprise (SME) category. This is to ensure that the products and capacity of the entrepreneurs were consistent with the needs and requirements of the markets which are aimed at penetration for increasing sales and incomes of the target groups.



Program Pembangunan Pasaran

Program pembangunan produk industri asas tani diteruskan dalam usaha untuk membangun, mempertingkatkan dan meluaskan pasaran di peringkat domestik dan antarabangsa. Sepanjang tahun 2011, FAMA telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan pasaran, jaringan hubungan dan meningkatkan jualan produk PKS melalui pelbagai program pengaturan pasaran. Produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan asas tani dan PKS dibangunkan dengan pelbagai kemudahan perkhidmatan sokongan pemasaran yang telah disediakan oleh FAMA dalam bentuk infrastruktur dan bantuan kewangan.

FAMA telah berjaya menganjur dan menyertai sebanyak 220 aktiviti (2010: 245 aktiviti) melalui pembabitan dalam program karnival dan ekspo yang diadakan sepanjang tahun 2011. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah memberi sepenuh kepercayaan kepada FAMA melalui Bahagian Industri Asas Tani untuk melaksanakan pelbagai program Kementerian. Antara program kementerian yang telah dilaksanakan adalah 11 Program MOA Inc Bersama Rakyat, 1 Program Mini MAHA dan 1 Program Gerak Siswazah Tani.

Melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut, seramai 7,026 usahawan (2010:5,029 usahawan) telah berjaya memasarkan produk bernilai RM56 juta (2010: RM52.9 juta). Antara aktiviti lain yang menyokong program pembangunan pasaran produk asas tani adalah seperti 1Malaysia Best, ekspo IAT anjuran jabatan dan agensi, Mini MAHA, Gerak Siswazah Tani, pepadanan perniagaan luar negara, promosi di outlet FAMA seperti Pasar Tani dan Agrobazaar K-Shoppe termasuk promosi produk cendawan dan herba.

Pembangunan Outlet Pemasar

Agrobazaar K-Shoppe merupakan outlet yang dimiliki oleh usahawan yang menjadi syarikat peneraju bagi pengedaran produk PKS industri asas tani tempatan secara borong atau runcit kepada pengguna. K-Shoppe ini berkonsepkan showcase di mana produknya dipamer dan dijual terus kepada pengguna di dalam dan di luar kawasan sesebuah outlet tersebut. FAMA berperanan dalam menyediakan peralatan yang diperlukan seperti rak dan alatan untuk *display*, *offer bin*, *boardless*, *signboard* secara pinjaman dan mengecat bangunan jika difikirkan perlu. Peralatan ini akan diseragamkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan akan dilabelkan sebagai hak milik FAMA. Selain itu, FAMA

Market Development Programme

Agro-based Industry Product Development Programmes were continued in line with efforts to develop, improve and expand markets at domestic and international levels. Throughout 2011, FAMA carried out various activities to increase markets, networking and increasing sales of SME products through several market development programmes. The products of agro-based and SME entrepreneurs were upgraded through various facilities under marketing support services provided by FAMA in the form of infrastructure and financial assistance.

FAMA successfully organized and participated in 220 activities (2010:245 activities) through involvement in carnivals and expos held throughout 2011. The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry also gave full confidence to FAMA, through the Agro-based Industries Division, to implement various Ministry programmes. Among the Ministry programmes implemented were 11 programmes under MOA Inc Bersama Rakyat, 1 programme under Mini MAHA and 1 programme under Gerak Siswazah Tani.

Through the implementation of these activities, a total of 7,026 entrepreneurs (2010:5,029 entrepreneurs) were able to market their products valued at RM56 million (2010:RM52.9 million). Among the other activities which supported these agro-based market development programmes were 1Malaysia Best, IAT expos organized by departments and agencies, Mini MAHA, Gerak Siswazah Tani, overseas business matching, promotion in FAMA outlets such as Farmers' Markets and Agrobazaar K-Shoppe, including promotion of products such as mushrooms and herbs.

Outlet Development for Marketers

Agrobazaar K-Shoppe are outlets owned by entrepreneurs who become the lead companies for the distribution of SME agro-based products from local industries, whether on wholesale or retail basis, to consumers. K-Shoppe adopts the concept of a showcase in which products are exhibited and sold directly to consumers either within or outside the area of the outlets. FAMA plays the role of provider of equipment required such as racks and equipment for displays, offer bins, boardless and signboard on a lease basis, and painting of the building if necessary. This equipment is standardized according to agreed specifications and is labeled as owned by FAMA. Apart from that, FAMA also plays the role of providing advisory services in terms of production and marketing, holding promotions from time to time, and monitoring of the number of total

juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat dari segi pengeluaran dan pemasaran, mengadakan promosi dari masa ke semasa dan memantau keseluruhan projek agar ia selari dengan objektif yang dirancang.

Objektif Agrobazaar K-Shoppe adalah:

- i) Membantu usahawan tempatan memasarkan produk mereka dengan konsep yang lebih teratur dan terurus;
- ii) Sebagai satu saluran alternatif untuk pengguna mendapatkan produk PKS tempatan;
- iii) Sebagai satu platform kepada usahawan untuk bersaing di peringkat yang lebih terbuka; dan
- iv) Sebagai outlet jualan tetap produk berjenama Agromas dan Olemas.

Pada tahun 2011, penambahan sebanyak 13 buah K-Shoppe (2010:47 buah) dengan nilai jualan RM41.7 juta telah dibangunkan dan telah beroperasi sepenuhnya di bawah kendalian FAMA manakala 32 buah K-Shoppe sedia ditambahbaik.

Program 1Malaysia Best

Program 1Malaysia Best masih diteruskan pada tahun 2011 dan dijadikan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Sasaran KPI yang ditetapkan adalah 600 produk baru dan 200 produk sedia eksport. Sebanyak 696 produk baru dan 202 produk sedia eksport (sehingga 2010: 1,005 produk) melibatkan 20 usahawan (sehingga 2010: 215 usahawan) telah dicapai pada tahun 2011. Ini telah menjadikan jumlah usahawan sehingga 2011 berjumlah 235 usahawan dan 13 usahawan sedia eksport. Geran bagi Pemadanan Pengiklanan 1Malaysia Best telah ditawarkan kepada 215 usahawan yang telah berjaya mendapat pengiktirafan jenama 1Malaysia Best pada tahun 2010 sehingga Disember 2011, hanya 84 usahawan sahaja yang menuntut geran tersebut.

Pada tahun 2011, sebanyak 33 program promosi dan karnival telah dilaksanakan melibatkan 557 usahawan 1Malaysia Best. Nilai jualan yang dijana adalah sebanyak RM2,245,693.49. Bagi program di peringkat antarabangsa, sebanyak sembilan program telah disertai oleh FAMA dengan melibatkan 40 usahawan. Kutipan jualan yang diperolehi daripada program yang disertai adalah sebanyak RM348,257 dan 388 bilangan pertanyaan perdagangan telah direkodkan. Selain itu, tujuh aktiviti klinik usahawan dan lima aktiviti business matching telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 721 usahawan.

projects so that it is in line with the objectives outlined.

The objectives of the Agrobazaar K-Shoppe are as follows:

- i) Assist local entrepreneurs to market their products through the concept of better organization and management;*
- ii) As an alternative channel for consumers to obtain local SME products;*
- iii) As a platform for entrepreneurs to compete on a more open level; and*
- iv) As a permanent sales outlet for products under the Agromas and Olemas brands.*

In 2011, a total of 13 K-Shoppe (2010:47 units) with a sales value of RM41.7 million were developed and fully operational under FAMA's guidance while another 32 K-Shoppe were already upgraded.

1Malaysia Best Programme

The 1Malaysia Best Programme was continued in 2011 and was included as a Key Performance Indicator (KPI) of the Minister of Agriculture and Agro-based Industry. The targeted KPI was 600 new and 200 ready-to-export products. A total of 696 new products and 202 ready-to-export products (until 2010:1,005 products) involving 20 entrepreneurs (until 2010:215 entrepreneurs) were achieved in 2011. This brought the total number of entrepreneurs until 2011 to 235 entrepreneurs and 13 were ready-to-export entrepreneurs. Matching grants for 1Malaysia Best advertising were offered to 215 entrepreneurs who succeeded in obtaining the 1Malaysia Best brand recognition in 2010 until December 2011, only 84 entrepreneurs claimed the grants.

In 2011, a total of 33 promotional programmes and carnivals were implemented involving 557 1Malaysia Best entrepreneurs. The sales value generated was RM2,245,693.49. At the international level, FAMA participated in nine programmes involving 40 entrepreneurs. The sales revenue from the programmes participated was RM348,257 while 388 trade enquiries were recorded. Meanwhile, seven activities of entrepreneur clinics and five activities of business matching were carried out with the involvement of 721 entrepreneurs.

Pembangunan Pusat Pembungkusan Dan Perkhidmatan Pemasaran Produk (PUSPRO)

PUSPRO telah diwujudkan bagi meluaskan peranan Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF). Sehingga tahun 2011, sebanyak 6 pusat (2010: 9 pusat) sedia ada telah memberi manfaat kepada 106 usahawan dengan nilai jualan sebanyak RM3.1 juta. Pusat-pusat ini bukan sahaja menjalankan aktiviti pembungkusan dan pelabelan produk usahawan, malah turut membuka peluang bagi usahawan membuat kontrak perniagaan. Di samping itu, program promosi dan publisiti berterusan tentang perkhidmatan yang diberikan di pusat ini membantu meningkatkan kesedaran umum terhadap pusat-pusat tersebut.

Pasaran Luar Negara oleh Usahawan PKS

Melalui program promosi dan pemasaran luar negara, FAMA telah diberi tanggungjawab sepenuhnya dalam membangunkan pasaran produk keluaran usahawan PKS di bawah bimbingan jabatan dan agensi MoA Inc. Sepanjang tahun 2011, penambahan seramai 18 usahawan (2010:103 usahawan) telah mengikuti aktiviti jualan promosi di luar negara dengan pencapaian nilai jualan yang dijana sebanyak RM395,000 (2010:RM6.327 juta) seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23: Bilangan Usahawan yang Menyertai Program Promosi dan Pemasaran Luar Negara oleh FAMA
Table 23: Number of Entrepreneurs Participating in Overseas Promotion and Marketing Programmes by FAMA

Bil. / No.	Program / Programme	Tarikh dan Lokasi / Dates and Locations	Bil Usahawan/ No. of Entrepreneurs	Nilai Jualan / Sales Value (RM)
1	Singapore Halal Fest 2011, Singapura	17 – 20 Mac 2011	3	127,000.00
2	Malaysia Fresh Fruit Fiesta 2011, Singapura	14 – 17 Julai 2011 Singapore Expo Hall, Changi	15	268,000.00
Jumlah / Total			18	395,000.00

Program Pelesenan Produk ke Pasaran China

Pada tahun 2011, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan FAMA dengan kerjasama Lavien International Trade (Beijing) Co. Ltd. telah melaksanakan program mendapatkan lesen membolehkan produk dijual di pasaran China. Sebanyak 33 *Stock Keeping Unit* (SKU) melibatkan 14 usahawan telah berjaya dipilih bagi menyertai program ini seperti di **Jadual 24**. Tiga fasa penghantaran produk bagi mendapatkan pelesenan *Custom Immigration and Quarantine* (CIQ) telah dilaksanakan. Sijil CIQ telah diperolehi untuk dua fasa yang pertama manakala fasa ketiga akan dilaksanakan pada awal tahun 2012.

Development of Packaging and Product Marketing Service Centre

PUSPRO was established with the aim of expanding the FAMA Food Processing Centres (Pusat Memproses Makanan FAMA-PMMF). In 2011, there were 6 existing centres (2010:9 centres) which benefitted some 106 entrepreneurs with a sales value of RM3.1 million. These centres were not only engaged in packaging and labeling activities for entrepreneur's products; in fact, they provided opportunities for entrepreneurs to obtain business contracts. In order to increase public awareness about these centres, promotion and publicity programmes were extended that served to provide information on the services available at these centres.

International Marketing by SME Entrepreneurs

Through promotion and marketing programmes overseas, FAMA was given the full responsibility in developing the markets for products of SME entrepreneurs under the guidance of MoA Inc. departments and agencies. In 2011, a total of 18 entrepreneurs (2010:103 entrepreneurs) participated in sales promotion activities overseas and achieved sales valued at RM395,000 (2010:RM6.327 million) as given in **Table 23**.

Product Licensing Programme for the China Market

In 2011, the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry and FAMA, with the cooperation of Lavien International Trade (Beijing) Co. Ltd., implemented a programme to obtain licenses to enable products to be marketed in China. A total of 33 *Stock Keeping Units* (SKUs) involving 14 entrepreneurs were selected to participate in this programme as given in **Table 24**. Three phases were implemented in the shipment of products to obtain licenses from the Custom Immigration and Quarantine (CIQ). The CIQ was obtained for the first two phases while the third phase will be implemented in early 2012.

Jadual 24: Bilangan Fasa dan Usahawan yang Menyertai Program Akreditasi Pelesenan Produk bagi Pasaran China
Table 24: Number of Phases and Entrepreneurs Participating in Accreditation Programme for Licensing of Products for the China Market

Perkara/ <i>Particulars</i>	Bilangan Usahawan/ <i>Number of Entrepreneurs</i>	Bilangan SKU/ <i>Number of SKUs</i>
Fasa Pertama/ <i>First Phase</i> (Produk frozen/ <i>Frozen Products</i>) Barang Masuk Kontena/ <i>Loaded into Container</i> : 18/11/2011 Kontena Bergerak dari Pelabuhan/ <i>Container Departure from Port</i> : 21/11/2011 Kontena Tiba di Pelabuhan/ <i>Container Arrival at Port</i> : 3/12/2011	5 Tasneem Enterprise, Dazzle Food, Darul Intelek Sdn. Bhd., Fatimah Frozen Food Sdn. Bhd., Citymax Marketing	8
Fasa Kedua/ <i>Second Phase</i> (produk kering/ <i>dry products</i>) Barang Masuk Kontena/ <i>Loaded into Container</i> : 23/11/2011 Kontena Bergerak dari Pelabuhan/ <i>Container Departure from Port</i> : 25/11/2011 Kontena Tiba di Pelabuhan/ <i>Container Arrival at Port</i> : 5/12/2011	5 FAMA, MTC Advance Marketing Sdn. Bhd., Coffee Omega (M) Sdn. Bhd., Capville Food Sdn. Bhd., Noraini's Cookies Worldwide Sdn. Bhd.	20
Fasa Ketiga/ <i>Third Phase</i> (Produk kering/ <i>Dry products</i>) Dijangka awal tahun 2012/ <i>Expected in Early 2012</i>	4 Usahaone Trading, Shidawie Sdn. Bhd., Kak Yong Cake House, Top Fruits Sdn. Bhd.	5
Jumlah / Total	14	33

Peningkatan Kualiti Produk

Program pembangunan kualiti di FAMA adalah berkonsepkan pengiktirafan jaminan kualiti tersusun untuk mencapai 3K (Kualiti, Kuantiti dan Kos). Peningkatan pasaran produk yang telah berjaya ditembusi oleh usahawan PKS sebenarnya disokong oleh aktiviti berterusan seperti pembangunan kualiti produk, program audit kualiti, penyediaan sijil kesihatan, pensijilan kualiti makanan dan peningkatan imej serta persembahan produk. Aktiviti ini memastikan bekalan produk dikeluarkan secara berterusan tanpa diragui tahap keselamatannya serta memenuhi kehendak pasaran semasa dalam dan luar negara. Pencapaian Program Peningkatan Kualiti Produk Tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 25**.

Improving Product Quality

The Quality Development Programme at FAMA adopts the concept of recognition for quality assurance arrangement to achieve 3K (Kualiti, Kuantiti dan Kos/ Quality, Quantity and Cost). The increased marketing of products achieved by SME entrepreneurs are in fact supported by continuing activities such as Product Quality Development, Quality Audit Programme, Provision of Health Certificates, Food Quality Certification and improving image as well as product displays. These activities ensure that the supply of products are continuous and fulfil safety requirements as well as meet current market needs in the domestic and international markets. The achievements under the Improving Product Quality Programme from 2009 to 2011 are given in Table 25.

Jadual 25: Pencapaian Program Peningkatan Kualiti Produk Tahun 2009 hingga 2011

Table 25: Achievements under the Product Quality Programme 2009 to 2011

Aktiviti / Activities	Indikator / Indicators	Pencapaian / Achievements		
		2009	2010	2011
Pembangunan Kualiti Produk / Product Quality Development	Bil. Produk / No. of Products	30	259	7
	Bil. Pengusaha / No. of Entrepreneurs	15	201	6
Program Audit Pembekal / Supplier Audit Programme	Bil. Produk / No. of Products	31	15	- (Program ini tidak dijalankan oleh Bahagian IAT pada tahun 2011)
Penyediaan Sijil Kesihatan / Provision of Health Certificates	Bil. Produk / No. of Products	180	20	60
Meningkatkan Imej dan Persembahan Produk / Improving Image and Product Displays	Bil. Produk / No. of Products	32	120	4
	Bil. Pengusaha / No. of Entrepreneurs	35	126	1

Pembangunan Modal Insan

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 277 program modal insan yang melibatkan 4,575 peserta telah dilaksanakan. Antara program yang dilaksanakan di bawah Pembangunan Modal Insan IAT adalah Latihan Keusahawanan, Seminar, Dialog/Taklimat, Lawatan dan Hari bertemu Usahawan seperti di **Jadual 26**. Skop kemahiran yang ditawarkan adalah penjenamaan, pemasaran strategik, jualan berkesan dan juga pemasaran eksport.

Human Capital Development

*In 2011, a total of 277 human capital development programmes involving 4,575 participants were conducted. Among the programmes implemented under the agro-based industry Human Capital Development Programme were Training in Entrepreneurship, Seminars, Dialogues/Briefings, Visits and Meet Entrepreneurs' Day as given in **Table 26**. The scope of skills offered were branding, strategic marketing, effective sales and export marketing.*

Jadual 26: Pencapaian Program Pembangunan Modal Insan Tahun 2009 - 2011

Table 26: Achievements of the Human Capital Development Programme 2009 to 2011

Aktiviti / Activities	Indikator / Indicators	Tahun / Pencapaian Year/Achievement		
		2009	2010	2011
Latihan keusahawanan/ Kursus/Seminar/Taklimat/ Lawatan /Hari Bertemu Usahawan <i>Entrepreneurship Training / Seminars / Briefings/ Visits / Meet Entrepreneurs' Day</i>	Bil. Latihan / No. of Training	162	288	277
	Bil. Peserta / No. of Participants	3,699	4,134	4,575

Sistem e-IAT

Perkhidmatan ini diteruskan pada tahun 2011 bagi merekod dan mengemaskini data usahawan IAT. Sistem ini telah banyak membantu FAMA mendapatkan maklumat usahawan bagi tujuan pelaporan sama ada kepada pihak atasan FAMA mahupun pihak Kementerian serta lain-lain yang berkaitan. Pada tahun 2011, seramai 168 usahawan (2010:387 usahawan) telah didaftarkan melalui sistem ini yang terdiri daripada usahawan-usahawan PKS di Tahap 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 seperti di **Jadual 27**.

e-IAT System

*The e-IAT system was continued in 2011 for the purpose of recording and updating the data of agro-based entrepreneurs. This system has greatly assisted FAMA in obtaining information on entrepreneurs for reporting purposes, whether to FAMA's Senior Management, or to the Ministry and other interested parties. In 2011, a total of 168 entrepreneurs (2010:387 entrepreneurs) were registered through this system, consisting of SME entrepreneurs in Levels 1, 2, 3, 4, 5 and 6 as given in **Table 27**.*

Jadual 27: Jumlah Usahawan (Kumulatif) Didaftarkan dalam Sistem e-IAT Sehingga Disember 2011

Table 27: Total Number of Entrepreneurs (Cumulative) Registered under the e-IAT System until December 2011

Negeri / States	PKS 1	PKS 2	PKS 3	PKS 4	PKS 5	PKS 6	Industri / Industry	Jumlah / Total
Perlis	164	25	13	6	1	0	0	209
Kedah	493	56	52	25	22	10	0	658
Pulau Pinang	183	61	64	37	9	5	0	359
Perak	249	90	68	28	5	2	0	442
Selangor	225	88	89	81	23	7	0	513
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	71	14	15	16	8	2	1	127
Wilayah Persekutuan Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0	0
Negeri Sembilan	231	35	34	21	4	0	0	325
Melaka	41	71	27	12	7	0	0	158
Pahang	154	57	29	26	3	0	0	269
Kelantan	223	75	60	40	8	7	0	413
Terengganu	112	52	44	31	4	5	0	248
Johor	316	155	139	86	17	16	0	729
Wilayah Persekutuan Labuan	26	1	2	1	0	0	0	30
Sabah	174	30	15	8	1	0	0	228
Sarawak	318	43	42	28	3	2	0	436
Jumlah / Total	2,980	853	693	446	115	56	1	5,144

Dalam pemasaran produk industri asas tani, FAMA memberikan perkhidmatan sokongan dalam bidang pemasaran dan pembangunan produk-produk IAT yang dikeluarkan oleh usahawan di bawah bimbingan FAMA, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pengedaran produk, penerokaan dan pembangunan saluran pasaran, penjenamaan Agromas, pembangunan produk, pembangunan outlet runcit dan pengedaran Barang Kawalan dan Kedai Rakyat 1Malaysia.


Pengedaran Produk Proses

Pada tahun 2011, nilai jualan yang telah dijana melalui aktiviti ini adalah sebanyak RM42.36 juta iaitu 17 peratus lebih tinggi berbanding RM36.15 juta tahun 2010. Peningkatan jualan ini disumbangkan melalui penambahan 30 SKU produk baru seperti cip ubi kayu, kordial, jus sedia diminum, kopi segera pracampur, ikan sardin dalam tin dan serbuk santan segera. Pertambahan outlet sebanyak 1,738 unit (2010:1,645) serta penerimaan baik produk di pasaran turut membantu meningkatkan jualan produk proses pada tahun 2011. Sebanyak 20 program promosi (2010:16 program) telah diadakan terutama bersama pasaraya seperti Giant dan Tesco turut membantu meningkatkan saiz pasaran dan memperluaskan jaringan pengedaran dan jualan produk proses. Prestasi Jualan Produk Proses sepanjang tahun 2011 seperti di **Rajah 11**.

In the marketing of agro-based industries' products, FAMA provided support services in marketing and agro-based product development to entrepreneurs under the guidance of FAMA, departments and agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industries. Among the activities that were implemented were product distribution, exploration and development of marketing channels, Agromas branding, product development, retail outlet development and distribution of essential goods as well as Kedai Rakyat 1Malaysia.

Processed Product Distribution

*In 2011, the value of sales generated through these activities was RM42.36 million, i.e., 17 percent higher compared to RM36.15 million in 2010. These increased sales were contributed by the 30 SKUs from new products such as tapioca chips, cordials, ready-to-drink juice, pre-mixed instant coffee, canned sardines and instant santan powder. The increased number of outlets to 1,738 units (2010:1,645) and warm reception to the products in the market also assisted in increasing sales of processed products in 2011. A total of 20 promotion programmes (2010:16 programmes) were carried out, especially jointly with supermarkets such as Giant and Tesco, which also assisted in increasing market size and widening the network of distribution and sales of processed products. The sales performance of processed products in 2011 is given in **Figure 11**.*



Rajah 11: Prestasi Jualan (RM juta) Produk Proses Tahun 2008 hingga 2011


Figure 11: Sales Performance of Processed Products from 2008 to 2011 (RM million)

Penerokaan dan Pembangunan Saluran Pasaran

Pada tahun 2011, FAMA meneruskan aktiviti penerokaan dan pembangunan saluran pasaran. Sebanyak 143 rangkaian pasaraya dan pasaraya besar serta 1,595 outlet runcit telah diterokai oleh FAMA bagi meningkatkan ruang pasaran produk-produk keluaran PKS seperti **Rajah 12**. Pelbagai aktiviti sokongan seperti *in-store promotion*, *sampling* dan publisiti telah dilaksanakan di semua outlet pasaran yang diterokai termasuklah di pasaran Brunei bagi membantu meningkatkan jualan saiz pasaran produk PKS. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 30 SKU produk baru (2010:10 SKU) telah berjaya masuk ke pasaran Brunei melalui pasaraya Giant. Menerusi program ini sebanyak lima program promosi telah berjaya dilaksanakan yang turut melibatkan seramai 13 usahawan.

Market Exploration and Development of Marketing Channels

*In 2011, FAMA continued with activities related to the exploration and development of marketing channels. To increase marketing channels for SME products, FAMA made arrangements with 143 supermarket and hypermarket chains, as well as 1,595 retail outlets, as given in **Figure 12**. Various support activities such as *in-store promotion*, *sampling* and publicity, were implemented in these marketing outlets, including in the Brunei market, to assist in increasing the market size of SME products. In 2011, a total of 30 new product SKUs (2010:10 SKUs) were successfully introduced into the Brunei market through the Giant Hypermarket. Through this programme, five promotion programmes were successfully implemented, which also involved 13 entrepreneurs.*



Rajah 12: Bilangan Penerokaan dan Pembangunan Saluran Pasaran oleh FAMA Tahun 2011 berbanding Tahun 2010

Figure 12: Number of Market Exploration and Development of Marketing Channels by FAMA in 2011 compared to 2010



Demonstrasi Masakan Produk Agromas di pasaraya Giant Brunei
Agromas Product Cooking Demonstration in Giant Supermarket, Brunei



Peragaan Produk Agromas bagi Program *in-store promotion* di pasaraya Giant Brunei
Agromas Product Display for in-store promotion programme in Giant Supermarket, Brunei



Pertandingan Memasak Menggunakan Produk Agromas bagi Program *in-store promotion* di pasaraya Giant Brunei
Cooking Competition Utilising Agromas Products for in-store promotion programme in Giant Supermarket, Brunei

Pembangunan Vendor Agromas

Agromas merupakan jenama nasional yang menyajikan produk-produk hasil pertanian keluaran usahawan di bawah bimbingan FAMA. Ianya merupakan satu identiti penjenamaan yang berkait rapat dengan ketinggian kualiti, mutu dan citarasa produk yang di terima baik oleh setiap lapisan pengguna. FAMA sentiasa menitikberatkan penampilan imej dan perbekalan Agromas dengan memastikan setiap vendor yang dilantik dan setiap produk yang dijenamakan Agromas mematuhi audit perbekalan serta memenuhi kriteria penjenamaan. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 15 produk (2010:8 produk) usahawan telah berjaya dijenamakan dengan jenama Agromas yang meliputi kategori produk perencah masakan, pes, minuman, makanan ringan dan makanan sedia dimakan. Penjenamaan ini melibatkan seramai lima vendor (2010:tiga vendor).

Pembangunan Outlet Runcit

Pada tahun 2011, FAMA mempunyai sebanyak 16 outlet peruncitan (2010:15 outlet) yang berperanan sebagai

Agromas Vendor Development

Agromas is a national brand that serves agricultural products produced by entrepreneurs under FAMA's guidance. It is a brand identity that is closely related to excellence in quality, and product taste that is accepted by all levels of consumers. FAMA has always emphasized on image presentation and assured supplies of Agromas by ensuring that every vendor who is appointed and every product that uses the Agromas brand, fulfils supply audit and meets branding criteria. Until 31 December 2011, a total of 15 products (2010:8 products) of entrepreneurs were branded with the Agromas brand. These included product categories such as food flavourings, pastes, drinks, snacks and ready-to-eat food. The branding exercise involved five vendors (2010: three vendors).

Retail Outlet Development

In 2011, FAMA had 16 retail outlets (2010:15 outlets) that functioned as local focal points to market Agromas, Olemas and local SME products. These outlets were divided into three categories, i.e., Agrobazaar,

pusat setempat yang memasarkan produk-produk Agromas, Olemas dan PKS tempatan. Ianya terbahagi kepada tiga kategori outlet iaitu Agrobazaar, FR Shoppe dan juga Lazaria. Sepanjang tahun 2011, seramai 718 usahawan telah berjaya memasarkan produk mereka melalui outlet runcit tersebut dengan bilangan produk sebanyak 23,959 SKU dengan nilai jualan sebanyak RM474,105 berbanding RM37,627 bagi tahun 2010.



FR Shoppe and Lazaria. Some 718 entrepreneurs successfully marketed their products through these retail outlets in 2011. The number of products involved were 23,959 SKUs with a sales value of RM474,105 as against RM37,627 in 2010.

Agrobazaar TESCO Jelutong, Pulau Pinang
Agrobazaar at TESCO Jelutong, Penang

Agrobazaar Bangunan
Satelit KLIA
*Agrobazaar at KLIA
Satelite Building*



Pembangunan Produk

Aktiviti pembangunan produk bagi jenama Agromas dilaksanakan oleh FAMA bertujuan untuk menerajui usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di dalam merekacipta produk-produk baru asas tani berdasarkan keperluan dan kehendak pasaran semasa. Aktiviti ini memberi fokus terhadap usaha-usaha merekacipta, menambah nilai, pengubahsuaian, mempelbagai jenis keluaran berasaskan pendekatan orientasi pasaran melalui usahasama Pusat Memproses Makanan FAMA dan juga usahawan di bawah bimbingan FAMA. Pada tahun 2011, sebanyak 35 SKU produk (2010:15 SKU) telah dibangunkan dari kategori jus dan kordial, perencah dan pes masakan, minuman serta makanan sedia dihidang.

Product Development

FAMA implemented several product development activities under the Agromas brand with the purpose of leading in the efforts to provide and develop new agro-based products based on the current needs and requirements of the market. These activities focused on efforts to create, add value, adapt, and diversify types of products, based on a market-oriented approach, through joint ventures with FAMA Food Processing Centres and also entrepreneurs under FAMA's guidance. In 2011, a total of 35 SKUs of products (2010:15 SKUs) were developed in several categories, including juice and cordials, food flavourings and pastes, drinks as well as ready-to-serve food.



Produk-Produk Baru yang Dibangunkan Pada Tahun 2011
New Products Developed in 2011

Pengedaran Barang Kawalan dan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

FAMA turut terlibat dalam aktiviti pengedaran barang kawalan dan produk dari KR1M menerusi Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR). AKR merupakan satu program yang diwujudkan khusus untuk membantu masyarakat luar bandar yang pendapatan rendah dan sederhana. AKR bertindak sebagai pusat jualan untuk hasil pertanian dan barangan runcit harian pada harga yang berpatutan. FAMA menerusi AKR memainkan peranan sebagai pembekal barangan kawalan seperti tepung gandum, gula, minyak masak dan, produk KR1M dan juga produk PKS terpilih. Jumlah keseluruhan nilai jualan bagi produk barang kawalan, KR1M dan PKS di semua AKR pada tahun 2011 adalah sebanyak RM3.1 juta seperti **Rajah 13**.

Distribution of Controlled Goods and Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

*FAMA was also involved in activities related to the distribution of controlled goods and products from KR1M through Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR). AKR is a programme that was established specially to assist rural communities with low and middle incomes. AKR acts as a sales centre for agricultural produce and daily retail products at fair prices. FAMA, through AKR, played the role of supplier of controlled goods such as wheat flour, sugar, cooking oil and KR1M products, and also selected SME products. The total sales value for controlled goods, KR1M and SME products in all the AKR in 2011 was RM3.1 million as given in **Figure 13**.*



Rajah 13: Nilai Jualan Barang Kawalan, Produk KR1M dan PKS oleh FAMA Tahun 2011
Figure 13: Sales Value of Controlled Goods, KR1M and SME Products by FAMA in 2011

REGULATORI REGULATORY

FAMA telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembangunan standard, sistem penyampaian mengenai kualiti dan kawalan bagi memastikan pemasaran produk agro-makanan yang berkualiti dan selamat di pasaran dalam negara dan pasaran eksport. Selain itu, FAMA juga berfungsi untuk menguruskan pengawalseliaan perantara pasaran produk agro-makanan di sepanjang rantai bekalan supaya telus dan dapat menghasilkan sistem pemasaran yang cekap dan berkesan.

Pengembangan dan Perundingan Pasaran

Program pengembangan dan perundingan pasaran bertujuan untuk meningkatkan kefahaman di kalangan petani, perantara dan pegawai pembimbing dari jabatan dan agensi kerajaan mengenai kepentingan kualiti hasil-hasil pertanian dan pengurusan yang berkesan untuk pemasaran hasil tersebut. Ini adalah selaras dengan perubahan kehendak pengguna yang semakin peka terhadap kualiti dan keselamatan hasil pertanian dan produk makanan. Pada tahun 2011, FAMA telah melaksanakan 10 aktiviti berkaitan program pengembangan dengan melibatkan 379 orang peserta yang terdiri daripada petani, pemborong, pengeksport, pengimport dan pengguna.

Sepanjang tahun 2011, FAMA melalui Unit Pembangunan Standard juga telah membangunkan sebanyak 19 standard baru terdiri daripada 11 komoditi

FAMA was given the responsibility of managing standards development, delivery system on quality and control to ensure that the marketing of agro-based products is of high quality and safe for the domestic and export markets. FAMA also carried out the function of managing the supervision of marketing intermediaries for agro-based products throughout the supply chain to ensure that it is transparent and contributes to an efficient and effective marketing system.

Market Extension and Advisory

The Market Extension and Advisory Programme had the objective of increasing the understanding of farmers, intermediaries and counselling officers from government departments and agencies on the importance of agricultural produce quality and effective management for the marketing of the produce. This is in line with changes in consumer requirements which are more discerning towards the quality and safety of agricultural and food products. In 2011, FAMA implemented 10 extension-related activities, involving 379 participants who consisted of farmers, wholesalers, exporters, importers and consumers.

Throughout 2011, FAMA through the Standards Development Unit, also developed 19 new standards for 11 vegetables and 8 fruits. The commodities involved are listed below:

sayur dan 8 komoditi buah. Senarai komoditi yang terlibat adalah seperti berikut:

a) **Komoditi Sayur**

1. Capsicum
2. Cendawan Tiram
3. Cendawan Shiitake
4. Sengkuang
5. Kacang Botor
6. Terung Peparu Mini
7. Cili Padi
8. Brokoli
9. Ubi Kayu
10. Keladi Cina
11. Salad Bulat

b) **Komoditi Buah**

1. Ciku
2. Jambu Air
3. Durian Belanda
4. Tembikai Maskara
5. Tebu Batang
6. Tebu Potong
7. *Rock Melon*
8. Kelapa Tua



a) **Vegetables**

1. *Capsicum*
2. *Oyster Mushroom*
3. *Shiitake Mushroom*
4. *Turnip*
5. *Winged beans*
6. *Mini brinjals*
7. *Birds' Eye Chillies*
8. *Broccoli*
9. *Tapioca*
10. *Chinese yam*
11. *Round lettuce*

b) **Fruits**

1. *Sapodilla*
2. *Rose apple*
3. *Soursop*
4. *Maskara Watermelon*
5. *Stick sugarcane*
6. *Cut sugarcane*
7. *Rock Melon*
8. *Old coconuts*



Komoditi-Komoditi Baru dalam Pensijilan Malaysia's Best
New Commodities under Malaysia's Best Certification

Pensijilan Malaysia's Best

Pada tahun 2011, FAMA telah berjaya meningkatkan bilangan pemegang sijil Malaysia's Best daripada 44 syarikat pada tahun 2010 kepada 51 syarikat bagi tahun 2011. Senarai tujuh syarikat baru yang telah menerima pensijilan Malaysia's Best seperti di **Jadual 28**.

Malaysia's Best Certification

*In 2011, FAMA succeeded in increasing the number of Malaysia's Best certificates from 44 companies in 2010 to 51 companies in 2011. Seven companies which received Malaysia's Best certification is given in **Table 28**.*

Jadual 28: Senarai Syarikat Baru yang Menerima Pensijilan Malaysia's Best Tahun 2011
Table 28: List of Companies which Received Malaysia's Best Certification in 2011

Bil. / No.	Nama Syarikat / Name of Company	Negeri /State
1.	Bestari Bersatu Sdn. Bhd.	Pahang
2.	Malaysian Agrifood Corporation Berhad	Pahang
3.	Nur Organic Farm	Pahang
4.	Poh Koi Agricultural Development Company	Sawarak
5.	Peng Chong Ming Enterprise	Pulau Pinang
6.	Teow Ah Ba @ Teow Han Weng	Pulau Pinang
7.	Yang Kah Plantation Group Sdn. Bhd.	Johor



Peningkatan Kualiti Keluaran Pertanian Untuk Pasaran
Quality Improvement of Agricultural Produce for Markets

Sepanjang 2011, FAMA telah terlibat dalam 10 program yang melibatkan pameran berkaitan Peraturan 3P dan Pensijilan Malaysia's Best. Antara program utama yang telah diikuti seperti program MyAgro 2011, Pelancaran Kelab MyAgrosis 2011, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) 2011, dan *Fabulous Food 1Malaysia*.

Kawalan Pasaran dan Penggredan

Program pelesenan, penguatkuasaan, kawalan dan penggredan bertujuan untuk mewujudkan amalan pemasaran keluaran pertanian yang adil, telus, teratur dan menguntungkan petani, perantara dan pengguna serta dapat meningkatkan pembangunan industri keluaran pertanian dan makanan negara. Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap kualiti dan keselamatan produk pertanian di dalam dan luar negara.

Pada tahun 2011, FAMA melalui Pusat Pemeriksaan Kualiti Hasil Pertanian FAMA KLIA telah mengendalikan

Throughout 2011, FAMA was involved in 10 programmes, involving exhibitions on GPL Regulations and Malaysia's Best Certification. Among the major programmes involved are MyAgro 2011, My Agrosis Club Launching 2011, National Farmers', Breeders' and Fishermen's Day (HPPNK) 2011, and 1Malaysia Fabulous Food.

Market Regulation and Grading

Licensing, enforcement, control and grading programmes aim at creating agricultural marketing practices that are fair, transparent, systematic and profitable to farmers, intermediaries and consumers. At the same time, they aim at enhancing the development of the agricultural and food industry of the country. In addition, this programme is expected to increase consumer trust in the quality and safety of agricultural products within and outside the country.

In 2011, FAMA through the Centre for Quality Inspection of Agricultural Produce at FAMA KLIA, handled grade

pemeriksaan gred bagi buah belimbing carambola B10 sebanyak 2,699.39 tan metrik manakala bagi betik eksotika pula, FAMA telah mengendalikan pemeriksaan gred sebanyak 156.9 tan metrik. Melalui skim *Self Regulated By Regulated Entities* (SABRE), pemeriksaan kualiti dan pengesahan gred buah belimbing dan betik untuk dieksport akan dilakukan sendiri oleh pihak pengeksport mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Pihak FAMA mengawalselia kerja-kerja penggredan menerusi pengauditan secara berkala untuk memastikan pengeksport menggred buah mengikut Piawaian Malaysia (MS) sebelum dieksport.

Pelesenan

Dalam usaha untuk memastikan amalan pemasaran keluaran pertanian dapat dijalankan secara adil, telus, teratur dan memenuhi piawaian, FAMA telah menguatkuasakan peraturan yang memerlukan perantara pasaran yang memiliki lesen dan permit untuk beroperasi. Pada tahun 2011, FAMA telah mengeluarkan lesen kepada 1,456 individu/syarikat di seluruh negara. Jumlah keseluruhan lesen dan permit yang dikeluarkan melibatkan pemegang lesen buah, kelapa, kopi dan sayur seperti di **Jadual 29**.

inspections for B10 starfruits totalling 2,699.39 tonnes. For exotica papayas, FAMA handled grade inspections of 156.9 tonnes. Through the Self Regulated By Regulated Entities (SABRE) scheme, quality inspection and endorsement of starfruit and papaya grades are carried out by exporters themselves based on set qualification terms. FAMA supervises the grading activities through periodic audits to ensure that the exporters grade fruits in accordance with Malaysian Standards (MS) before exporting.

Licensing

*In efforts to ensure that agricultural produce marketing practices are carried out in a fair, transparent and systematic manner, as well as fulfil standards, FAMA has enforced regulations which require market intermediaries to have licenses and permits for their operations. In 2011, FAMA issued licenses to 1,456 individuals/companies throughout the country. The total number of licenses and permits that were issued to fruit, coconut, coffee and vegetable licensees are given in **Table 29**.*

Jadual 29: Jumlah Pemegang Lesen dan Permit Tahun 2010 dan 2011
Table 29: Total License and Permit Holders in 2010 and 2011

Jenis Lesen/ Type of License	Tahun / Year	
	2010	2011
Buah / <i>Fruit</i>	367	384
Kelapa / <i>Coconut</i>	703	739
Kopi / <i>Coffee</i>	26	26
Sayur / <i>Vegetable</i>	277	307
Jumlah / Total	1,373	1,456

Pemantauan dan Penguatkuasaan

FAMA juga melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dengan tujuan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan di bawah Akta FAMA serta peraturan yang diturunkan kepada FAMA. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemantauan dan penguatkuasaan di pintu keluar masuk negara, kawalan di pasar-pasar borong, sekatan jalan raya, pemeriksaan dan lawatan ke premis serta siasatan label. Ia dilakukan bertujuan untuk:-

- Menghalang penyeludupan kubis bulat dan biji kopi mentah masuk ke dalam negara. Aktiviti ini

Monitoring and Enforcement

FAMA also implemented monitoring and enforcement programmes in order to enforce regulations under the FAMA Act and regulations delegated to FAMA. Among the activities undertaken were monitoring and enforcement at the entry and exit points in the country, control at the wholesale markets, road blocks, inspection and visits to the premises, and investigation on labels. The main objectives of this programme were to:

- *Prevent the smuggling of cabbage and green coffee beans into the country. These activities help to*

membantu menstabilkan harga kedua-dua komoditi tersebut;

- Pematuhan pemakaian label dapat dikuatkuasakan;
- Mengawal aktiviti perantara pasaran; dan
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan penguatkuasaan dalam persediaan penguatkuasaan peraturan 3P.

MAKLUMAT PASARAN

MARKET INFORMATION

Selaras dengan pembangunan sektor pertanian negara, tahun 2011 menyaksikan Bahagian Maklumat Pasaran terus memainkan peranan penting sebagai penyumbang utama maklumat yang berkualiti dalam membantu kerajaan membuat dasar dan perancangan strategik bagi sektor pertanian. Ini adalah seiring dengan matlamat bahagian adalah untuk:-

- Mengenalpasti peluang serta halangan dalam usaha meneroka dan mengembang pasaran bagi produk hasil pertanian negara di dalam dan luar negara;
- Membangun dan menyediakan sistem maklumat pemasaran hasil pertanian secara bersepadu yang cekap, tepat dan terkini;
- Mewujudkan satu pangkalan data maklumat pemasaran untuk maklumat harga, jumlah penggunaan dan bekalan hasil pertanian bagi komoditi terpilih; dan
- Menguatkan pemasaran dan rangkaian global dengan membekalkan maklumat potensi pasaran serta perdagangan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Pengawasan Pasaran

Bagi mendapatkan maklumat bekalan yang lebih tepat, bahagian ini menjalankan aktiviti pengawasan pasaran menerusi pemantauan maklumat bekalan dan kajian pemetaan *Geographical Information System* (GIS).

Pemantauan Maklumat Bekalan dan Harga

Di bawah aktiviti pemantauan maklumat bekalan, dan harga, komponennya merangkumi komoditi pertanian seliaan dan keutamaan FAMA di pasaran domestik. Antara kaedah pemantauan yang dijalankan adalah pemantauan maklumat bekalan buah-buahan bermusim, bekalan kubis dan tomato di Cameron Highland serta kutipan maklumat melalui pembekal maklumat di seluruh negara.

Sehingga 2011, seramai 6,000 orang pembekal

stabilise the prices of both these commodities;

- *Enforce compliance with labelling requirements;*
- *Control the activities of market intermediaries; and*
- *Increase knowledge and skills of enforcement officers and staff in preparation for the enforcement of 3P Regulations.*

In line with the country's agricultural sector development, the year 2011 saw the Market Information Division continuing to play a major role in contributing information to assist the government in making policies and carrying out strategic planning for the agricultural sector. This is in accordance with the goals of the division as follows:-

- To identify opportunities and constraints in efforts to explore and expand markets for agricultural produce domestically and internationally;*
- To develop and provide an integrated market information system for agricultural produce that is efficient, accurate and up-to-date;*
- To establish a marketing information database for prices, consumption and supply of agricultural produce for selected produce;*
- To strengthen marketing and global networks through supplying information on market potential as well as trade at the domestic and international levels.*

Market Monitoring

In order to obtain more accurate supply information, this division implemented activities in market monitoring through supply information monitoring and mapping studies using the Geographical Information System (GIS).

Monitoring Supply Information and Prices

Under supply information and price monitoring activities, the components consist of agricultural commodities under the supervision and priority of FAMA in domestic markets. Among the monitoring approach adopted is seasonal fruit supply information, cabbage and tomato supply in Cameron Highlands as well as information collection through information providers throughout the country.

By the end of 2011, there were 6,000 market information providers throughout Malaysia appointed by the Market Information Division. They were responsible for

maklumat di seluruh Malaysia telah dilantik oleh Bahagian Maklumat Pasaran yang bertanggungjawab untuk membantu mengutip dan menyalurkan maklumat pasaran komoditi pertanian. Maklumat tersebut akan dianalisa menerusi sistem SDVI dan disalurkan kepada persatuan pengeluar. Melalui kaedah pemantauan tersebut ia dapat mengurangkan masalah lambakan buah-buahan bermusim, kubis dan tomato di pasaran tempatan. Kaedah ini juga dapat membantu dalam menentukan kuota kubis yang perlu dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Kajian Pemetaan/Geographical Information System (GIS)

Kajian GIS ini dijalankan adalah untuk mengumpul maklumat berkenaan pengusaha industri asas tani dalam lingkungan kawasan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2011, kajian GIS ditumpukan kepada pengusaha industri asas tani dalam lingkungan 100 kilometer dari TEMAN Gopeng. Kajian ini dilakukan bagi mengemaskini senarai dan kedudukan geografi pengusaha industri asas tani untuk memenuhi keperluan pengkalan data keperluan Bahagian Industri Asas Tani, FAMA.

Kajian Pasaran Secara Berkala dan Adhoc

Dalam tahun 2011, hanya satu kajian pasaran secara berkala dilakukan oleh Bahagian Maklumat Pasaran iaitu kajian institusi yang telah mencapai sasaran responden seramai 5,792 orang. Kajian ini bermatlamat untuk mendapatkan maklumat penggunaan keluaran pertanian segar dan proses di peringkat institusi seperti hotel, restoran, kantin dan lain-lain.

Sebanyak tiga kajian *ad hoc* telah dilaksanakan sepanjang tempoh 2011. Kajian yang dijalankan adalah Kajian Profil Pengusaha Sarang Burung Walit bagi mendapatkan profil pengusaha, maklumat pengeluaran, jenis dan harga jualan serta produk sarang burung walit di peringkat pengusaha bagi empat negeri terpilih iaitu Perak, Johor, Selangor dan Kelantan.

Selain itu, bahagian ini turut menjalankan kajian kebolehlaksanaan terhadap cadangan untuk membuka sebuah Kiosk Kopie Satu di Pekan Pahang dan Kajian Penerimaan Pengguna Terhadap Tiga Varieti Buah Nangka atas permohonan daripada Bahagian Ladang Kontrak untuk mengenalpasti pilihan utama pengguna terhadap tiga varieti nangka J32, J33 dan J36.

Maklumat Harga Barangan Segar Dalam Negeri

Pengumpulan data harga barang segar merupakan

the collection and dissemination of market information for agricultural commodities. This information is analysed through the SDVI system and channelled to producer associations. As a result of this monitoring, problems related to gluts in seasonal fruits, cabbage and tomatoes in the local market were overcome. This method also assists in determining the cabbage quota allocated by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industries of Malaysia.

Mapping Studies/ Geographical Information System (GIS)

GIS studies are carried out to collect information related to agro-based industry entrepreneurs in the areas that have been identified. In 2011, GIS studies were focussed on agro-based industry entrepreneurs within a radius of 100 kilometers from TEMAN Gopeng. The studies were implemented to update the list and geographical locations of agro-based industry entrepreneurs for the database requirements of the Agro-based Industries Division of FAMA.

Periodic and Adhoc Market Studies

In 2011, only one periodic market study was carried out by the Market Information Division, i.e., the Institutional Study which involved a targeted number of 5,792 respondents. This study was aimed at obtaining consumption information on fresh and processed agricultural produce at institutional level, such as hotels, restaurants, canteens and others.

Three adhoc studies were implemented in 2011. The studies carried out included the Profiling Study on Swiftlet Entrepreneurs to obtain entrepreneur profiles, production information, types and sales prices as well as swiftlet products at entrepreneur level for four states, i.e., Perak, Johor, Selangor and Kelantan.

Apart from that, the division also carried out a feasibility study on a proposal to open a Kiosk Kopie Satu in Pekan Pahang and a Study on the Acceptability of Consumers Towards Three Varieties of Jackfruit as a result of a request from the Contract Farming Division to identify consumer preference towards three varieties of jackfruits, i.e., J32, J33 and J36.

Price Information for Fresh Produce in the Domestic Market

Data collection on fresh produce is a major activity in the Market Information Division. Price reports for selected commodities are produced every Tuesday and Thursday

aktiviti utama dalam bahagian Maklumat Pasaran. Laporan harga barangan terpilih dikeluarkan setiap Selasa dan Khamis dan dipaparkan dalam laman rasmi FAMA www.fama.gov.my. Sepanjang tempoh 2011, sebanyak 52 Laporan Analisis Harga Mingguan telah dihasilkan. Maklumat harga ini penting bagi tujuan perancangan aktiviti-aktiviti FAMA terutama bahagian yang menjalankan urusan segar dalam membantu menyediakan peramalan harga dan penetapan harga siling di musim perayaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), memberi panduan penetapan harga jualan di Pasar Tani, menyediakan peramalan pasaran bagi penetapan kuota kubis kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) serta memberi panduan harga bagi Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga dengan lebih berkesan.

Pengumpulan Maklumat Sekunder

Bahagian Maklumat Pasaran turut menyediakan perangkaan eksport dan import bahan makanan yang diperolehi daripada Bahagian Perancang Strategik dan Antarabangsa, MoA. Di samping itu, Buku Statistik Utama Pemasaran FAMA turut dikeluarkan setiap tahun. Buku ini mengandungi maklumat pengeluaran, harga, statistik perdagangan bahan makanan, potensi pasaran bagi komoditi terpilih serta maklumat am FAMA yang digunakan dalam pembuatan keputusan berkaitan pemasaran pertanian.

Penyelidikan Pasaran dan *Journal of Agribusiness Marketing*

Seiring dengan perkembangan semasa sektor pertanian yang semakin berkembang dari tahun ke tahun, Bahagian Maklumat Pasaran FAMA meneruskan program kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah dimulakan sejak tahun 2006 dalam melaksanakan penyelidikan pemasaran pertanian. Pada tahun 2011, dua penyelidikan yang bermula pada tahun 2009 diteruskan iaitu yang pertama, Kajian Analisis Faktor Penentuan dan Penerimaan yang Mempengaruhi Pengambilan Buah-buahan dan Sayur-Sayuran di Kalangan Pengguna di Tujuh Bandar yang Terpilih di Malaysia. Penyelidikan pasaran ini dilakukan oleh para penyelidik dari Universiti Putra Malaysia. Hasil penyelidikan tersebut adalah untuk membantu FAMA dalam membangunkan strategi menambahbaik dan meningkatkan penggunaan sayur-sayuran dan buah-buahan di kalangan pengguna di Malaysia. Kajian ini dijangka akan selesai pada tahun 2012.

Penyelidikan yang kedua adalah, Kajian Potensi Pasaran Produk Makanan Halal di Pasaran Domestik dan Global

and are also displayed on the website www.fama.gov.my. Throughout 2011, a total of 52 Weekly Price Analysis Reports were produced. This price information is crucial for the planning of FAMA activities, especially for the Trading Division. It assists in the provision of price forecasting and setting of ceiling prices during festive seasons by the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan-KPDNKK). It also provides guidance on the price setting for sales in Farmers' Markets and market forecasts in the allocation of cabbage quotas by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) as well as price guidance for the Cabinet Committee on Supplies and Prices.

Secondary Information Collection

The Market Information Division also provided statistics on export and import of food products which were obtained from the Strategic Planning and International Division, MoA. Apart from that, the Book on Major Marketing Statistics of FAMA is also produced every year. This book contains information on production, prices, statistics on food products trade, the market potential for selected commodities as well as general information on FAMA which are used in the decision-making process for agricultural marketing.

Market Research and *Journal of Agribusiness Marketing*

In line with current developments in the agricultural sector which is growing from year to year, the Market Information Division of FAMA continued cooperation programmes with Public Higher Learning Institutes which were initiated in 2006 in the implementation of agricultural marketing research. In 2011, two research projects which were begun in 2009 were still ongoing, i.e., firstly, A Study on Analysis of Factors Influencing the Acceptability of Fruits and Vegetables Consumption among Consumers in Seven Selected Cities in Malaysia. This market research was carried out by researchers from Universiti Putra Malaysia. The results from the research are aimed at assisting FAMA in the development of strategies to improve and increase the consumption of vegetables and fruits among consumers in Malaysia. This study is expected to be completed in 2012.

The second research, entitled Market Potential Study on Halal Food Products in the Domestic and Global Markets by researchers from Universiti Teknologi Mara (UiTM) whereby the output from the research could be used to develop business development planning for halal food products in Malaysia. This study is also expected to be completed in 2012.

oleh para penyelidik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang mana *output* penyelidikan tersebut akan dapat digunakan bagi membangunkan perancangan perniagaan untuk produk makanan halal di Malaysia. Kajian ini juga dijangka akan disiapkan pada tahun 2012.

Dalam tahun 2011, *Journal of Agribusiness Marketing (JoAM) Volume 4* telah diterbitkan pada Disember 2011. Penerbitan JoAM adalah untuk mewujudkan satu saluran dalam pengurusan pengetahuan bagi berkongsi maklumat dari hasil-hasil penyelidikan pemasaran pertanian serta menyebarkannya kepada komuniti yang berkepentingan dalam sektor pertanian.

Perpustakaan FAMA

Perpustakaan FAMA bertanggungjawab dalam pengurusan penyebaran dan langganan bahan maklumat seperti laporan, penerbitan, jurnal dan *Market Extracts* untuk membolehkan penyebaran maklumat berkenaan sektor pertanian terutama yang melibatkan isu-isu pemasaran pertanian dilakukan dengan tepat dan cepat kepada golongan sasaran. Penyebaran bahan maklumat tersebut adalah merangkumi semua aktiviti penyebaran dan edaran bahan maklumat seperti laman sesawang www.fama.gov.my, *extranet*, emel, faks, pos, edaran secara terus serta jualan.

Pencapaian dalam MS ISO 9001:2008

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat semasa dan kepentingan mendokumentasikan prosedur kerja yang standard, Bahagian Maklumat Pasaran telah berjaya mendapatkan pengiktirafan persijilan ISO 9001:2008 bagi tujuh prosedur kerja seperti berikut:

- 1) Pengumpulan Data
- 2) Analisis Data Pasaran
- 3) Pelaporan Maklumat
- 4) Penyebaran Maklumat Pasaran
- 5) Penerbitan Jurnal Pemasaran
- 6) Pengurusan Kepuasan Pelanggan
- 7) Pengurusan Pemeriksaan Berkala Aset

Dalam bulan Disember tahun 2011, Bahagian Maklumat Pasaran dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Modal Insan serta pihak SIRIM telah melaksanakan pengauditan prosedur dokumen peringkat akhir bagi mendapat pengiktirafan SIRIM. Kesannya prosedur kerja di Bahagian Maklumat Pasaran telah didokumentasikan dengan standard yang seterusnya meningkatkan penghasilan kerja kakitangan ke arah lebih produktif dan penyampaian perkhidmatan terhadap pelanggan yang lebih teratur, telus dan menjimatkan masa.

In 2011, the Journal of Agribusiness Marketing (JoAM) Volume 4 was published in December 2011. The publication of JoAM is to establish a channel for knowledge management in order to encourage information sharing from the results of agricultural marketing research as well as disseminate them to interested communities in the agricultural sector.

FAMA Library

The FAMA Library is responsible for the management of dissemination and subscription of information materials such as reports, publications, journals and Market Extracts to enable information dissemination on the agricultural sector, especially those involving marketing issues on agricultural marketing, to be carried out in an accurate and timely manner to target groups. The dissemination of the information materials covers all dissemination activities and distribution of information materials such as through the website www.fama.gov.my, extranet, email, fax, post, and direct distribution as well as sales.

Achievement in MS ISO 9001:2008

In accordance with advances in information technology and the importance of documenting standard work procedures, the Market Information Division successfully obtained MS ISO 9001:2008 accreditation for seven work procedures as given below:

- 1) *Data Collection*
- 2) *Market Data Analysis*
- 3) *Information Reporting*
- 4) *Market Information Dissemination*
- 5) *Marketing Journal Publication*
- 6) *Customer Satisfaction Management*
- 7) *Periodic Asset Inspection Management*

In December 2011, the Market Information Division, with the cooperation of the Human Capital Development Division and SIRIM, implemented the final stage of the document procedure audit to obtain SIRIM accreditation. As a result, work procedures in the Market Information Division were documented in accordance with the standard. This contributed to increased work output of the staff towards higher productivity and service delivery to clients in a more organized, transparent and efficient manner.

PROMOSI DAN EKSPORT

PROMOTION AND EXPORT

Program Promosi

Dalam usaha untuk memperluaskan saiz pasaran produk yang terhasil daripada projek ladang kontrak FAMA dan lain-lain di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), fokus aktiviti promosi dalam negeri bagi tahun 2011 adalah lebih kepada aktiviti di peringkat pengguna seperti pembangunan resepi dari hasil pertanian. Ini bertujuan untuk memupuk kesedaran pengguna terhadap khasiat yang boleh dinikmati melalui pelbagai resepi yang dicipta. Produk yang diberi keutamaan ialah buah-buahan, sayur-sayuran serta produk proses Industri Asas Tani sub-sektor Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

Projek *FAMA Kitchen* yang berteraskan konsep *Farm To Table* telah diperkenalkan pada bulan Januari 2011 bertujuan untuk mencipta dan mempromosi resepi-resepi daripada buah-buahan, sayur-sayuran, ikan air tawar dan produk PKS kepada pengguna melalui iklan di majalah serta demonstrasi resepi masakan. Sebanyak 135 resepi telah dicipta pada tahun ini dan 19 demonstrasi masakan kepada pengguna telah diadakan. Program promosi dan demonstrasi resepi buah-buahan dan sayur-sayuran juga telah dilaksanakan oleh FAMA melalui pameran SMARTKIDS, *Fabulous Food*, Promosi Sihat Bersama Pasaraya, Karnival Tani Langkawi, Promosi buah-buahan di hotel, Pesta Nanas di Menara Kuala Lumpur dan lain-lain pesta buah-buahan.

Pada tahun 2011, FAMA juga telah melaksanakan aktiviti mempromosikan buah-buahan baru seperti avocado dari Sabah, tebu potong dan nanas dari varieti MD2 dari Johor serta nanas Juru dari Pulau Pinang. Nanas merupakan buah-buahan yang diberi keutamaan dari segi promosi di bawah program *Strategic Reform Initiatives (SRI)*. Aspek yang ditekankan kepada pengguna adalah pendidikan mengenai gred dan kualiti serta kawasan pengeluaran utama.

Dalam usaha untuk terus memperkenalkan dan mempromosikan buah-buahan tempatan kepada pelancong, FAMA telah bekerjasama dengan *Malaysia Airport Berhad (MAB)* untuk mempromosikan belimbing, betik, tembikai, *honey dew*, nanas dan jambu kepada pelancong yang tiba daripada luar negara. Promosi tersebut telah diadakan di Balai Ketibaan KLIA selama tiga bulan bermula Julai hingga September 2011. Maklumbalas daripada promosi tersebut mendapati bahawa buah-buahan tempatan lebih digemari oleh pelancong dari Asia Timur dan Asia Barat (lebih daripada 90 peratus) di ikuti oleh pelancong dari Australia dan Eropah.

Promotion Programme

In efforts to expand the market size of products from contract farming under FAMA and other agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA), the focus of domestic promotion activities in 2011 was towards consumer-level activities such as recipe development from agricultural products. This was aimed at promoting consumer awareness on health benefits that could be enjoyed through the various recipes that were created. Products that were given priority were fruits, vegetables and agro-based processed products under the Small and Medium Enterprises (SME) sub-sector.

The FAMA Kitchen project, which is based on the concept of Farm to Table, was introduced in January 2011 with the aim of creating and promoting recipes from fruits, vegetables, fresh water fish and SME products to consumers through advertisements in magazines as well as recipe demonstrations. Some 135 recipes were created in 2011 while 19 cooking demonstrations were held for consumers. Promotion and recipe demonstration programmes based on fruits and vegetables were also implemented by FAMA through the SMARTKIDS exhibition, Fabulous Food, Health Promotion with Supermarkets, Farmers' Carnival at Langkawi, Fruits Promotion in Hotels, Pineapple Festival in Menara Kuala Lumpur and other fruit festivals.

In 2011, FAMA also implemented activities to promote new fruits such as avocado from Sabah, cut sugarcane and MD2 variety of pineapples from Johor, and Juru pineapples from Penang. Pineapples are given priority in promotions in accordance with the government's Strategic Reform Initiatives (SRI). Aspects emphasized to consumers were education on grades and quality as well as the major production areas.

As part of efforts to introduce and promote local fruits to tourists, FAMA cooperated with Malaysia Airports Berhad (MAB) to promote starfruit, papaya, watermelon, honey dew, pineapple and guava to tourists on arrival from overseas. The promotion was held at the Arrival Hall at KLIA for three months from July to September 2011. Feedback from the promotion showed that local fruits were preferred by tourists from East Asia and West Asia (more than 90 percent), followed by tourists from Australia and Europe.

Sebagai langkah untuk menyokong usaha promosi produk jenama Agromas kepada pengguna tempatan, aktiviti pengiklanan mengikut kluster pengguna juga diteruskan melalui beberapa majalah tempatan dan direktori terpilih. Selain itu, FAMA turut mengiklankan produk 1Malaysia Best di majalah-majalah terpilih seperti Majalah Rasa, MIDI dan Keluarga.

Promosi Eksport

Dalam usaha untuk menggalakkan eksport produk agro makanan, program promosi luar negara FAMA dijalankan untuk meneroka dan meluaskan pasaran eksport melalui aktiviti meningkatkan kesedaran pengguna antarabangsa terhadap produk keluaran FAMA dan usahawan bimbingan FAMA. Selaras dengan tumpuan kerajaan untuk menggandakan eksport ke pasaran China, aktiviti promosi luar negara turut digiatkan ke pasaran tersebut. Produk yang diberi keutamaan ialah durian sejuk beku dan sarang burung walit.

Sepanjang tahun 2011, FAMA telah menyertai sebanyak 19 program pameran perdagangan luar negara yang bertujuan untuk memperluaskan pasaran ke destinasi eksport terutama ke China, Amerika Syarikat, Eropah, Belanda, Dubai, Brunei, Singapura, Vietnam, Hong Kong, Jepun dan Australia. Selain menerajui penyertaan pameran perdagangan luar negara atas kapasiti sendiri, FAMA turut mengendalikan dua program bagi pihak kementerian di bawah *Agriculture Marketing and Investment Mission (AMIM)* iaitu *The 15th Investment & Trade Forum For Cooperation Between East & West China* di Xian dan *3th China Fruit & Vegetable Fair, Nanning China*. Sebanyak 89 syarikat telah mendapat faedah daripada program pameran perdagangan luar negara dan AMIM yang diadakan dengan potensi jualan sebanyak RM78.3 juta. Melalui program ini juga, 678 pertanyaan perdagangan telah diterima oleh syarikat yang terlibat di bawah program FAMA.

Pada tahun 2011, FAMA meneruskan usaha untuk menerokai pasaran Amerika Syarikat memandangkan jem buah-buahan tropika masih belum banyak terdapat di pasaran negara tersebut. Sebanyak enam jenis jem buah-buahan tropika menerusi jenama Agromas telah dibangunkan menggunakan rekabentuk logo serta label baru berbeza dari jem Agromas di pasaran tempatan. Jenis jem buah-buahan tersebut adalah belimbing, mangga, nanas, *pink guava*, *roselle* dan jem campuran *star dragon fruit*. Antara produk lain yang turut dipasarkan adalah buah-buahan dan produk proses Industri Asas Tani (IAT) kategori pes makanan, snek, kordial, sos dan lepa serta produk sejuk beku.

As a step towards supporting the promotional efforts of Agromas branded products to local users, advertising activities according to clusters of consumers were continued in several local magazines and selected directories. FAMA also advertised 1Malaysia Best products in selected magazines such as Majalah Rasa, MIDI and Keluarga.

Export Promotion

In efforts to promote agro-food product exports, FAMA's international promotion programme was geared towards exploring and expanding export marketing through activities to increase international consumer awareness towards the products of FAMA and entrepreneurs under FAMA's guidance. In line with the government's focus to multiply exports to the China market, international promotional activities were intensified to this market. The products that were given priority were frozen durian and swiftlet nests.

Throughout 2011, FAMA participated in 19 international trade exhibition programmes which were aimed at expanding markets to major export destinations such as China, the United States of America, Europe, the Netherlands, Dubai, Brunei, Singapore, Vietnam, Hong Kong, Japan and Australia. Apart from leading in the international trade exhibition participation in its own capacity, FAMA also handled two programmes on behalf of the ministry under the Agriculture Marketing and Investment Mission (AMIM), i.e., The 15th Investment & Trade Forum for Cooperation between East & West China in Xian and 3rd China Fruit & Vegetable Fair in Nanning, China. A total of 89 companies benefitted from involvement in the international trade exhibition programmes and AMIM with potential sales of RM78.3 million. Through this programme, 678 trade enquiries were received by the companies that participated under FAMA's programmes.

In 2011, FAMA continued efforts to make inroads into the American market as tropical fruit jams were still not widely available in the country. Six tropical fruit jams under the Agromas brand were developed using logo designs and new labels that were differentiated from the Agromas jams in the local markets. The types of fruit jams were starfruit, mango, pineapple, pink guava, roselle and mixed star-dragon fruit. Among the other products marketed were fruits and processed products from agro-based industries, food pastes, snacks, cordials, sauces and spreads as well as frozen products.

Percubaan Hantaran Eksport

Dalam usaha meluaskan pasaran ke luar negara, FAMA turut melaksanakan aktiviti awalan pemasaran eksport yang merangkumi hantaran akses pasaran dan hantaran percubaan eksport. Aktiviti tersebut bertujuan untuk menilai kesesuaian sesuatu kaedah hantaran dan juga aspek-aspek teknikal berkaitan pembungkusan serta keperluan logistik yang akan digunapakai dalam hantaran komersil produk eksport. Bagi program ini, penumpuan diberikan kepada negara-negara Kesatuan Eropah, Timur Tengah, ASEAN Asia Timur.

Pada bulan Mei 2011, FAMA buat pertama kalinya telah berjaya mendapatkan akses untuk pasaran isi durian sejuk beku ke negara China. Susulan daripada kejayaan mendapat akses pasaran tersebut, FAMA telah mengatur aktiviti lanjutan yang melibatkan pengeksport durian seperti penganjuran Seminar Persediaan Pengeksportan Durian Sejuk Beku ke China yang telah dihadiri oleh pengeksport, syarikat logistik, pekebun durian dan agensi-agensi kerajaan. FAMA turut mengadakan aktiviti promosi durian sejuk beku di Parkson Beijing China, Pameran China Asean Expo Nanning (CAEXPO) dan *China Fruit and Vegetable Fair Nanning*.

Selain daripada durian sejuk beku, FAMA terus terlibat dalam hantaran percubaan mangga Harumanis ke Jepun buat kali yang kedua. Hantaran ini bertujuan untuk memenuhi syarat yang dikenakan oleh negara Jepun sebelum hantaran komersil sebenar dilakukan. FAMA juga telah melaksanakan hantaran nanas diproses minima ke Perth Australia dan hantaran nangka diproses minima ke Dubai. Hantaran tersebut bertujuan untuk membuat pemerhatian ke atas kesesuaian suhu dan pembungkusan produk serta penerimaan pengguna di negara tersebut. Sepanjang tahun 2011, FAMA telah mengendalikan 24 hantaran produk ke luar negara. FAMA turut menjayakan tiga hantaran simulasi produk bersama MARDI dan Jabatan Pertanian.

Bimbingan Eksport

Program bimbingan eksport dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih jelas terutama mengenai prosedur import di negara pengimport. FAMA berperanan memberikan khidmat nasihat dan bertindak sebagai pemudah cara dengan menawarkan panduan asas berkaitan prosedur negara pengimport seperti pembungkusan produk dan dokumentasi eksport. Jalinan kerjasama telah diwujudkan dengan persatuan pengeksport, persatuan penanam, usahawan pengeksport IAT dan perantara

Trial Shipments

As part of efforts to expand markets overseas, FAMA carried out preliminary activities for export marketing, which included market access shipments and trial shipments. These activities had the objective of evaluating the suitability of a certain method of shipment and also technical aspects relating to packaging as well as logistics requirements, which would be used in commercial product shipments. For this programme, the focus was on countries in the European Union, Middle East, ASEAN and East Asia.

In May 2011, FAMA for the first time succeeded in obtaining access to market frozen durian arils to China. Subsequent to this success, FAMA arranged follow-up activities involving durian exporters, such as sponsoring the Seminar on Preparations for Exporting Frozen Durians to China, which was attended by exporters, logistics companies, durian planters and government agencies. FAMA also carried out promotion activities for frozen durian in Parkson Beijing, China; China Asean Expo, Nanning (CAEXPO); and China Fruit and Vegetable Fair Nanning.

Other than frozen durian, FAMA was also involved in trial shipments of Harumanis mango to Japan for the second time. This shipment was aimed at fulfilling conditions set by Japan before actual commercial shipments are made. FAMA also carried out trial shipments of minimally processed pineapples to Perth, Australia and minimally-processed jackfruit to Dubai. The shipment had the objective of making observations on the temperature and packaging suitability of the products as well as the acceptance of consumers in the country. Throughout 2011, FAMA handled 24 overseas product shipments. FAMA also successfully made three simulation shipments together with MARDI and the Department of Agriculture.

Export Guidance

The Export Guidance Programme was carried out to obtain information and a clearer picture, especially on the import procedures in the importing country. FAMA provides advisory services and acts as a facilitator by offering basic guidance on the procedures in the importing country, such as product packaging and export documentation. Cooperation has been established with exporters' associations, growers' associations, agro-based exporter-entrepreneurs and market intermediaries, to obtain feedback for the purpose of programme planning in the development

pasaran untuk memperolehi maklumbalas bagi tujuan perancangan program dalam memajukan industri pengeksportan hasil pertanian negara. Pada tahun 2011, seramai 32 pengeksport telah mendapat khidmat dan bimbingan daripada FAMA.

of the agricultural exports of the country. In 2011, a total of 32 exporters obtained advisory services and guidance from FAMA.





MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN

INCREASING MANAGEMENT EFFECTIVENESS



PERANCANGAN STRATEGIK

STRATEGIC PLANNING

DASAR *POLICY*

Fungsi utama Cawangan Dasar adalah:-

- i. Merancang dan menetapkan pelan strategik FAMA selaras dengan dasar-dasar kerajaan.
- ii. Menguruskan hal-hal berkaitan dengan hal ehwal Parlimen.
- iii. Melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan dan pengurusan maklumbalas.
- iv. Menyedia dan menyelaraskan kertas-kertas taklimat.
- v. Urusetia bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA.

Pada tahun 2011, Cawangan Dasar dan pegawai-pegawai dari bahagian yang berkaitan FAMA telah terlibat secara langsung bersama MoA dalam proses penggubalan, pemurnian dan penyediaan Halatuju Strategik (HS) dan Pelan Tindakan, Dasar Agromakanan Negara (DAN) bagi memastikan FAMA memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan pemasaran produk agro makanan di sepanjang rantaian nilai. Proses tersebut telah berlangsung dari Mac hingga Disember 2011 mengikut tujuh Halatuju Strategik yang telah dikenalpasti iaitu Menjamin Bekalan Makanan Negara; Meningkatkan Sumbangan Industri Agromakanan; Melengkapkan Rantaian Nilai; Memperkasa Modal Insan; Memantap Aktiviti R & D; Inovasi dan Penggunaan Teknologi; Mewujudkan Persekitaran Perniagaan yang diterajui Sektor Swasta; dan Memperkukuh Sistem Penyampaian Perkhidmatan serta lima belas Pelan Tindakan mengikut komoditi. DAN akan dijadikan teras dalam penyediaan Pelan Strategik FAMA.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 500 maklumbalas mesyuarat dan jawapan Parlimen telah diuruskan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Sementara itu, Cawangan Dasar telah melaksanakan kerja-kerja urusetia bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA yang telah bersidang sebanyak enam kali dengan 28 kertas kerja telah dibentangkan.

PERANCANGAN BELANJAWAN

BUDGET PLANNING

Peruntukan Pembangunan

Peruntukan pembangunan adalah kebenaran yang telah diberikan melalui waran am bagi pengeluaran waran daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai perbelanjaan dalam Anggaran Perbelanjaan

The major functions of the Policy Department are as follows:-

- i. To plan and determine FAMA's strategic plan in accordance with government policies.*
- ii. To manage Parliamentary affairs.*
- iii. To implement secretarial duties and feedback management.*
- iv. To provide and coordinate briefing papers.*
- v. Secretariat to the FAMA Board of Directors' Meeting*

In 2011, the Policy Department and officers from the relevant divisions were involved directly with MoA in the process of drafting, refining and preparation of the Strategic Directions (Halatuju Strategik-HS) and Action Plan under the National Agro-food Policy (Dasar Agromakanan-DAN) to ensure that FAMA played a significant role in increasing the marketing efficiency of agro-food products along the value chain. The process took place from March to December 2011, according to the seven Strategic Directions which had been identified, i.e., Ensuring National Food Security; Increasing the Contribution of the Agro-food Industry; Completing the Value Chain; Strengthening Human Capital; Strengthening R & D Activities; Innovation and Technology Adoption; Creating a Private Sector-led Business Environment; and Enhancing the Service Delivery System, as well as fifteen Action Plans according to commodities. DAN will be the core in the preparation of FAMA's Strategic Plan.

Throughout 2011, some 500 meeting feedback and Parliamentary replies were handled in accordance with the set time period. Meanwhile, the Policy Department carried out secretariat duties for the FAMA Board of Directors' Meeting which met six times and deliberated on 28 working papers.

Development Allocations

Development Allocations are permits given through general warrants for the purpose of withdrawing warrants from the Development Consolidated Fund to finance expenditure under the Annual Development

Pembangunan Tahunan. Rolling Plan Pertama yang telah diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 telah bermula pada Tahun 2011 hingga tahun 2012. Bagi tempoh dua tahun pertama bermula 2011 sehingga 2012, FAMA telah diluluskan siling sebanyak RM16.72 juta.

Rolling Plan ke 2 yang telah diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 telah meluluskan siling kepada FAMA sebanyak RM16.72 juta bagi tempoh dua tahun pertama bermula 2011 sehingga 2012. Daripada jumlah siling tersebut, FAMA telah menerima peruntukan bagi tahun 2011 sebanyak RM5.92 juta bagi menjalankan 23 projek pembangunan FAMA.

Pengagihan peruntukan tersebut adalah 34 peratus untuk melaksanakan Projek Penyediaan dan Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tani dan Gerai Buah-buahan Segar seluruh Malaysia diikuti oleh Projek Pengukuhan Pemasaran dan Pembangunan Pusat Penedaran Agromakanan Antarabangsa sebanyak 13 peratus. Manakala Projek Latihan Berkaitan Kualiti dan Keselamatan Kepada Pemasar menerima peruntukan sebanyak RM85,900. Pengagihan peruntukan adalah seperti di **Jadual 30**.

Expenditure Estimate. The first Rolling Plan, which was introduced in the Tenth Malaysia Plan, ran from 2011 to 2012. For the first two years from 2011 until 2012, FAMA was approved a ceiling of RM16.72 million.

Under the second Rolling Plan, which was introduced in the Tenth Malaysia Plan, FAMA was approved a ceiling of RM16.72 million for the first two years from 2011 until 2012. From this total ceiling, FAMA received an allocation of RM5.92 million for 2011 to carry out 23 development projects.

Fungsi utama Jawatankuasa Audit Lembaga antaranya adalah untuk mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pada tahun 2011, Bahagian Audit Dalaman telah menyelaras dua Mesyuarat Jawatankuasa Audit seperti jadual di **Jadual 41**.

Board Audit Committee Meeting

*The major function of the Board Audit Committee is to study the report from the Internal Auditor and endorse the follow-up actions as needed to the FAMA Board of Directors Meeting. In 2011, the Internal Audit Division coordinated two Audit Committee Meetings as given in **Table 41**.*

Jadual 41: Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Tahun 2011

Table 41: Board Audit Committee Meetings in 2011

Bil. / No.	Mesyuarat / Meeting	Tarikh / Date	Kertas Kerja / Working Paper
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ke-33 <i>Audit Committee Meeting No. 33</i>	18 April 2011	<p>Pembentangan 6 kertas kerja iaitu Perancangan Audit tahun 2011, laporan audit tahun 2010 serta garis panduan unit pematuhan :</p> <p><i>The presentation of 6 papers, i.e., Audit Plan for 2011, audit report for 2010 and guidelines for compliance unit:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kertas kerja berkaitan Perancangan Activiti Tahunan Cawangan Audit Dalam Tahun 2011. <i>Paper on Audit Department Activity Plan for 2011</i> • Kertas kerja berkaitan Pengauditan Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman di Pusat Pemeriksaan Kualiti Hasil Pertanian FAMA Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance and Internal Control Audit at FAMA Agricultural Produce Inspection Centre in 2010.</i> • Kertas kerja Pengauditan Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman di Pusat Memproses Makanan FAMA Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance and Internal Control Audit at FAMA Food Processing Centre in 2010</i> • Kertas kerja Audit Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman Bagi Negeri Kelantan, Melaka dan Pahang Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance and Internal Control Audit for Kelantan, Melaka and Pahang in 2010.</i> • Kertas kerja Pengauditan Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman Bagi Negeri Selangor, Perak dan Sarawak Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance and Internal Control Audit for Selangor, Perak and Sarawak in 2010</i> • Garis Panduan Penubuhan Unit Pematuhan di jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri. <i>Guidelines for the Establishment of Compliance Units at Federal and State Level Departments</i>

Bil. / No.	Mesyuarat / Meeting	Tarikh / Date	Kertas Kerja / Working Paper
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ke-34 <i>Audit Committee Meeting No. 34</i>	4 Ogos 2011	<p>Pembentangan 4 kertas kerja seperti berikut: <i>Presentation of 4 working papers as follows:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Kertas Kerja Berkaitan Isu-Isu dan Penemuan Jawatankuasa Audit Untuk Lembaga Pengarah FAMA dan Tindakan Pengurusan FAMA. <i>Paper on Issues and Findings of Audit Committee for FAMA Board of Directors and Action of FAMA Management</i> Kertas Kerja Berkaitan Audit Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman FAMA Negeri Sembilan Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance Audit and Internal Control at FAMA Negeri Sembilan in 2010</i> Kertas Kerja Berkaitan Audit Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman FAMA Negeri Pulau Pinang, Perlis dan Sabah Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance Audit and Internal Control at FAMA Penang, Perlis and Sabah in 2010</i> Kertas Kerja Berkaitan Audit Pematuhan Peraturan Kewangan dan Kawalan Dalaman FAMA Negeri Johor, Kedah dan Terengganu Tahun 2010. <i>Paper on Financial Regulations Compliance Audit and Internal Control at FAMA Johor, Kedah and Terengganu in 2010.</i>

INSTITUT LATIHAN FAMA (ILF) *FAMA TRAINING INSTITUTE*

Institut Latihan FAMA (ILF) Port Dickson telah dibina pada bulan Januari 1993 dan mula beroperasi pada bulan Oktober 1994. Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang kondusif kepada kakitangan FAMA dan pelanggan luar bagi menjalankan program, kursus, latihan, seminar dan bengkel.

Sepanjang tahun 2011, ILF telah mengendalikan 93 program terdiri daripada kursus, seminar, mesyuarat serta hari keluarga melibatkan 5,522 orang peserta dari FAMA dan agensi luar seperti di **Jadual 42**.

The FAMA Training Institute (Institut Latihan FAMA -ILF) in Port Dickson was build in January 1993 and began operations in October 1994. The centre was established to provide a condusive environment for staff and external customers of FAMA to conduct programmes, courses, training, seminars and workshops.

*Throughout 2011, the FAMA Training Institute (Institut Latihan FAMA-ILF) carried out 93 programmes consisting of courses, seminars, meetings and family days, involving 5,522 participants from FAMA and external agencies as given in **Table 42**.*

Jadual 42 : Program yang dijalankan oleh FAMA dan Agensi Luar Tahun 2010 dan 2011
Table 42: Programmes Carried Out by FAMA and External Agencies in 2010 and 2011

Tahun / Year	FAMA		Agensi Luar / External Agencies	
	2010	2011	2010	2011
Bil. Program / No. of Programmes	60	25	42	68
Bil. Peserta / No. of Participants	2,891	990	3,485	4,532

Jadual 43: Jumlah Penginapan Kakitangan FAMA dan Individu Luar Tahun 2010 dan 2011
Table 43: Total Number of Accommodation for FAMA Staff and Individuals in 2010 and 2011

Tahun / Year	Bil Keperapan Penginapan / No. of Accommodation Frequency	
	Kakitangan FAMA / FAMA Staff	Individu Luar / External Individuals
2010	159	13
2011	420	43

Jadual 44: Jumlah Keperapan Penginapan Agensi Luar di ILF Tahun 2011
Table 44: Total Frequency of Accommodation for External Agencies in ILF for 2011

Nama Agensi Luar / Name of External Agency	Jenis/ Aktiviti / Type/ Activities	Kekerapan / Frequency
Jabatan Perkhidmatan Awam <i>Public Services Department</i>	Induksi <i>Induction</i>	5
Kementerian Kesihatan Malaysia <i>Ministry of Health Malaysia</i>	Bengkel/ Kursus <i>Workshop/ Course</i>	16
Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) <i>Public Higher Education Institutes</i>	Induksi <i>Induction</i>	2
Agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani <i>Ministry of Agriculture and Agro-based Industry Agencies</i>	Induksi/ Bengkel/ Mesyuarat <i>Induction/ Workshop/ Meeting</i>	5
Pertubuhan Melayu Bersatu Kebangsaan <i>United Malays National Organisation</i>	Mesyuarat Agung <i>Annual General Meeting</i>	1
KEMAS <i>Community Development Department</i>	Bengkel/ <i>Workshop</i>	7
Kementerian Kerja Raya <i>Ministry of Public Works</i>	Induksi/ <i>Induction</i>	1
Jabatan Kemajuan Orang Asli <i>Natives Development Department</i>	Bengkel/ Kursus <i>Workshop/ Course</i>	3
Jabatan Pertahanan Awam <i>Public Defence Department</i>	Kursus/ <i>Course</i>	3
Syarikat Swasta/ Koperasi <i>Firms/ Cooperatives</i>	Kursus/ Hari Keluarga <i>Course/ Family day</i>	25
Bilangan Keperapan / No. of Frequency		68

Antara aktiviti yang dijalankan di ILF sepanjang tahun 2011 adalah:
Among the activities carried out at ILF in 2011



4 April 2011

Majlis Persaraan YBhg. Dato' Ketua Pengarah FAMA
Retirement Function for the YBhg. Dato' Director-General of FAMA



5 Jun 2011

Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Teluk Kemang
 Tetamu: YB Datuk Seri Noh Bin Omar dan Tan Sri Isa Bin Samad
Delegates' Meeting of Teluk Kemang UMNO Division
Guest: YB Datuk Seri Noh Bin Omar and Tan Sri Isa bin Samad



13 Jun 2011

Majlis Perhimpunan Khas Pemasar Pasar Tani
 Tetamu: YB Exco Pertanian Negeri Sembilan
Special Assembly of Farmers' Market Marketers
Guest: YB Agriculture Exco Member for Negeri Sembilan



18 hingga 20 Julai 2011

Kursus Juru Audit Dalam MS ISO 9001:2008
 (Kursus Kepada Kakitangan ILF)
Internal Audit Course for MS ISO 9001:2008
(Course to ILF Staff)



24 hingga 29 Julai 2011

Kursus Induksi Jabatan Perkhidmatan Awam
Induction Course for Public Services Department

FAMA Corporation (FAMACO)

FAMA Corporation (FAMACO)

FAMA Corporation Sdn. Bhd. (FAMACO), merupakan anak syarikat FAMA yang telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 15 Ogos 1994 dengan objektif utama untuk menjalankan aktiviti urusniaga seperti berikut:

- i. Mengimport, mengeksport dan mengedarkan sayur-sayuran dan buah-buahan segar untuk pasaran domestik dan antarabangsa;
- ii. Melaksanakan pengedaran dan urusniaga barangan proses jenama Anggerek, Agromas dan Olemas ke *hypermarket, minimarket* dan peruncit;
- iii. Menguruskan rangkaian kedai runcit (*Agrobazaar*);
- iv. Mengilang serbuk kopi dan lain-lain produk berasaskan kopi;
- v. Menguruskan pengimportan kubis melalui permit import anak syarikat iaitu FAMA Consortium (M) Sdn Bhd; dan
- vi. Melaksanakan usahasama perniagaan (*business collaboration*) dan kerjasama (*joint venture*) dengan pihak ketiga yang terpilih.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 yang telah diaudit oleh Juruaudit Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AG:1300). Kumpulan FAMACO mencapai perolehan berjumlah RM11.66 juta (2010:RM13.97 juta). Anak syarikat FAMACO, iaitu FAMA Consortium (M) Sdn. Bhd. pula mencatatkan peningkatan perolehan tahun 2011 sebanyak 3.4 peratus kepada RM4,150,673 (2010:RM4,013,826). Daripada perolehan tersebut, sebanyak 95 peratus atau RM3,943,139 adalah perolehan daripada sayur kubis 6,406 tan metrik (2010:5,786 tan metrik) sementara 5 peratus atau RM207,534 adalah hasil daripada jualan sayur-sayuran dan buah-buahan yang lain. Keuntungan bersih sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM46,580 (2010:RM14,953) serta keuntungan bersih selepas cukai dan 5 peratus dividen ialah RM32,433 (2010:RM6,578).

Faktor-faktor yang menyumbang kepada nilai jualan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

- i) Peningkatan sebanyak 10.7 peratus penerimaan AP kubis oleh pihak FAMA Consortium (M) Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat pada tahun 2011;
- ii) Kemasukan *key account* FAMA pada tahun 2011 telah meningkatkan jualan barangan proses; dan
- iii) Pengurangan aktiviti mengeksport buah-buahan memberi impak kepada keseluruhan jualan.

FAMA Corporation Sdn. Bhd. (FAMACO) is a wholly owned subsidiary of FAMA established under the Companies Act 1965 on 15 August 1994 in order to carry out the following activities:

- i. Import, export and distribution of fresh vegetables and fruits for domestic and international markets;*
- ii. Distribution of processed products under the Anggerek, Agromas and Olemas brands to hypermarkets, mini markets and retailers;*
- iii. Management of retail outlet network (Agrobazaar)*
- iv. Manufacture of ground coffee and other coffee related products;*
- v. Management of the import of cabbage by FAMA Consortium (M) Sdn. Bhd. (a subsidiary of FAMACO); and*
- vi. Implementation of business collaboration and Joint Ventures in collaboration with selected third parties.*

In the financial year ending 31 December 2011 which was audited by auditors Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AG:1300), the FAMACO group achieved revenues totalling RM11.66 million (2010:RM13.97 million). FAMACO's subsidiary, i.e., FAMA Consortium (M) Sdn. Bhd. registered an increased revenue in 2011 of 3.4 percent to RM4,150,673 (2010:RM4,013,826). From this revenue, about 95 percent or RM3,943,139 were revenues from cabbage of 6,406 tonnes (2010:5,786 tonnes) while 5 percent or RM207,534 were from the sales of other vegetables and fruits. Net profits before tax which was registered in 2011 were RM46,580 (2010:RM14,953) and net profits after tax and 5 percent dividend were RM32,433 (2010:RM6,578).

The factors contributing to sales revenue in 2011 were as follows:

- i) Increase of 10.7 percent in cabbage AP allocated to FAMA Consortium (M) Sdn. Bhd., i.e. its subsidiary, in 2011;*
- ii) Entry of FAMA key accounts in 2011 led to increased sales of processed products; and*
- iii) Decline in fruit export activities had impact on total sales.*



KALENDAR PERISTIWA 2011

FAMA CALENDAR OF EVENTS IN 2011



KALENDAR PERISTIWA FAMA 2011

FAMA CALENDAR OF EVENTS IN 2011

10 Januari 2011

Pelancaran Buku Mohana Gill's Heylet's Series di Mid Valley Kuala Lumpur

10 January 2011

Launching of Mohana Gills' Heylet's Series Book at Mid Valley Kuala Lumpur



15 Februari 2011

Majlis Sambutan Maulidulrasul 1432H/2011M Peringkat Kebangsaan di Putrajaya

15 February 2011

Maulidulrasul Celebration 1432H/2011M National Level at Putrajaya



18 Februari 2011

**Majlis Pengetip Kad Perakam Waktu Sempena Hari Terakhir Perkhidmatan
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, En. Abd Wahid bin Md Radhi di Ibu Pejabat FAMA
18 February 2011**

*Last day Clockout Function in Conjunction with the Last day of Service of Deputy Director-General,
En. Abd. Wahid bin Md Radhi at FAMA Headquarters*



18 Februari 2011

**Pelancaran Program AgroXplorasi TV3 di Seri Pentas Bandar Utama
18 February 2011**

Launching of AgroXplorasi TV3 Programme at Seri Pentas Bandar Utama



21 Februari 2011
Kunjungan Pelawat Aceh ke Ibu Pejabat FAMA
21 February 2011
Visit of Aceh Visitors to FAMA Headquarters



22 Februari 2011
Kunjungan Pelawat China ke Ibu Pejabat FAMA
22 February 2011
Visit of China Visitors to FAMA Headquarters



24 Februari 2011
Perhimpunan Bulanan FAMA Bil 1/2011 dan Majlis Jasamu Dikenang untuk En. Abd. Wahid bin Md Radhi Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
24 February 2011
FAMA Monthly Assembly No. 1/2011 and Farewell Function for En. Abd. Wahid bin Md Radhi Deputy Director-General (Development)



2 Mac 2011
Kunjungan Pelawat Bangladesh ke Ibu Pejabat FAMA
2 March 2011
Visit of Bangladesh Visitors to FAMA Headquarters



22 Mac 2011
Perhimpunan Bulanan FAMA Bil. 2/2011 dan Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Amat Setia Dan Setia
22 March 2011
FAMA Monthly Assembly No. 2/2011 and Long Service Awards Ceremony



24 Mac 2011

Majlis Pengetip Kad Perakam Waktu Sempena Hari Terakhir Perkhidmatan Ketua Pengarah FAMA
YBhg. Dato' Mohamed Shariff bin Abd Aziz

24 March 2011

*Last day Clockout Function in Conjunction with the Last day of Service of
The Director-General of FAMA, YBhg. Dato' Mohamed Shariff bin Abd Aziz*



29 Mac 2011

Mesyuarat Agung Puspanita FAMA Kali Ke-27 di Bilik Latihan FAMA Point

29 March 2011

27th Annual General Meeting of FAMA Puspanita at Training Room, FAMA Point



5 April 2011
Majlis Ceramah Bulanan FAMA di Bilik Latihan FAMA Point
5 April 2011
FAMA Monthly Talks at Training Room FAMA Point



22 April 2011
Majlis Perhimpunan Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2011 di MAEPS Serdang
22 April 2011
National Farmers', Breeders' and Fishermen Assembly 2011 at MAEPS Serdang



29 April 2011
Pelancaran Expedisi Madu Tualang RTM
29 April 2011
Launching of RTM Wild Honey Expedition



5 Mei 2011
Lawatan Kerja YAB Menteri Besar Perak dan Menteri Pertanian ke Kompleks TEMAN Ipoh
5 May 2011
Working Visit of YAB Chief Minister of Perak and Minister of Agriculture to TEMAN Ipoh Complex



11 Mei 2011
Ceramah dan Motivasi Bulanan di Bilik Latihan FAMA Point
11 May 2011
Monthly Talk and Motivation at Training Room, FAMA Point



11 Mei 2011
Sidang Media Eksport Durian Malaysia ke China di Bilik Gerakan Kementerian Pertanian dan Industri
Asas Tani, Putrajaya
11 May 2011
Press Conference Export of Malaysian Durians to China, Operations Room,
Ministry of Agriculture, Putrajaya



15 Mei 2011

Program Peningkatan Pemasaran Hasil Tani 'Tanam Untuk Jual', Sg. Sirih Tanjung Karang Selangor

15 May 2011

Programme to Improve the Marketing of Agricultural Produce, 'Plant to Sell' at Sg. Sirih, Tanjung Karang, Selangor



25 Mei 2011

Pemeriksaan Kesihatan Warga FAMA

25 May 2011

Health Checks for FAMA Staff



1 Jun 2011
 Ceramah Bulanan FAMA di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat FAMA
 1 June 2011
 Monthly Talks FAMA at Operation Room, FAMA Headquarters



4 Jun 2011
 Karnival 1Malaysia Best Kompleks TEMAN Ipoh Perak
 4 June 2011
 1Malaysia Best Carnival at TEMAN Ipoh Complex, Perak



8 Jun 2011
Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Tuan Chua Tee Yong
ke Pasar Borong Kuala Lumpur

8 June 2011
Working Visit of Deputy Minister of Agriculture YB Tuan Chua Tee Yong to Kuala Lumpur Wholesale Market



8 Jun 2011
Mesyuarat Agong PERKIF di Bilik Latihan FAMA Point
8 June 2011
PERKIF Annual General Meeting at Training Room FAMA Point



30 Jun 2011

Seminar Persediaan Pengeksport Isi Durian Sejuk Beku ke China Kompleks TEMAN Ipoh Perak
30 June 2011

Seminar on the Preparation for Exporting Frozen Durian to China, TEMAN Ipoh Complex, Perak



12 Julai 2011

Perjumpaan YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Persatuan Penanam Sayur, Buah, Bunga dan Pengeksport Berhubung Program 3P di Bilik Latihan Tingkat 3, Ibu Pejabat FAMA

12 July 2011

Meeting of YB Deputy Minister of Agriculture with the Association of Vegetables, Fruits, Flowers Growers and Exporters on the GPL Programme, Training Room, 3rd Floor, FAMA Headquarters



12 Julai 2011
Durian Party Bersama NSTP, NSTP Jalan Riong Bangsar Kuala Lumpur
12 July 2011
Durian Party with NSTP, NSTP Jalan Riong, Bangsar, Kuala Lumpur



19 Julai 2011
Durian Party Bersama Kakitangan FAMA di Ibu Pejabat FAMA
19 July 2011
Durian Party with staff of FAMA at FAMA Headquarters



20 Julai 2011

Pelawat dari Pakistan Berkaitan Luang Pasaran Kurma di Malaysia, Bilik Gerakan Ibu Pejabat FAMA
20 July 2011

Visitors from Pakistan Market Channels for Dates in Malaysia, Operation Room FAMA Headquarters



22 Julai 2011

Pesta Durian 2011 di Menara Kuala Lumpur
22 July 2011

Durian Party 2011 at Menara Kuala Lumpur



30 Julai 2011
Program Jom Makan Buah di Taman Warisan Pertanian Putrajaya
30 July 2011
Let's Eat Fruits Programme at Taman Warisan Pertanian, Putrajaya



5 Ogos 2011
Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Ibu Pejabat FAMA, Selayang
5 August 2011
Campaign to Fly the Malaysian Flag at FAMA Headquarters, Selayang



5 Ogos 2011
Kempen Kibar Jalur Gemilang di Pasar Tani Mega Putrajaya
 5 August 2011
Campaign to Fly the Malaysian Flag at Mega Farmers' Market, Putrajaya



9 Ogos 2011
Ceramah Ramadhan di Bilik Latihan Ibu Pejabat FAMA
 9 August 2011
Second Ramadan Talks at Training Room, Head Quarters



21 Ogos 2011
Pasar Tani Pra Syawal di Pasar Tani Mega, Shah Alam
21 August 2011
Pre-syawal Farmers' Market, Mega Farmers' Market, Shah Alam



23 Ogos 2011
Perhimpunan Bulanan FAMA Bil. 4/2011 dan Penyampaian Cenderahati Raya
di Bilik Latihan Ibu Pejabat FAMA

23 August 2011

FAMA Monthly Assembly No. 4/2011 and Presentation of Festive Hari Raya Souvenirs at Training Room FAMA Headquarters



13 September 2011
Pelawat dari Kemboja, Bilik Gerakan Tingkat 4, FAMA Point
13 September 2011
Visitors from Cambodia, Operations Room, 4th Floor, FAMA Point



15 September 2011

Majlis Bacaan Yaasin dan Doa Selamat Sempena 46 Tahun FAMA, Bilik Latihan Ibu Pejabat FAMA

15 September 2011

Yaasin Recital and Thanksgiving Prayers in Conjunction with the 46th Anniversary of FAMA, Training Room, FAMA Point



15 September 2011

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2011 MOA di MAEPS Serdang

15 September 2011

Aidilfitri Celebrations 2011 MoA in MAEPS Serdang



19 September 2011

Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Bersama Ahli Jawatankuasa dan Peserta Pasar Tani Zon Tengah di Kompleks Kebudayaan Selangor, Shah Alam

19 September 2011

Gathering of YB Minister of Agriculture with the Committee Members and Participants of Farmers' Markets in the Central Zone Selangor Cultural Complex, Shah Alam



23 September 2011

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang FAMA 2010 Dewan Tun Hussein Onn PWTC, Kuala Lumpur

23 September 2011

FAMA 2010 Excellence Service Awards at Tun Hussein Onn Hall, PWTC, Kuala Lumpur



24 September 2011

Mesyuarat Agung KEKAF di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur

24 September 2011

KEKAF Annual General Meeting at Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur



1 Oktober 2011

Majlis Perasmian Kompleks Bimbingan Usahawan Tani Pagoh, Pagoh Muar, Johor

1 October 2011

Official Opening of Pagoh Farmer-Entrepreneurs' Guidance Complex, Pagoh Muar, Johor



20 Oktober 2011
 Perhimpunan Bulanan FAMA Bil. 7/2011 di Bilik Latihan Ibu Pejabat FAMA
 20 October 2011
 FAMA Monthly Assembly No. 7/2011, Training Room, FAMA Point



24 Oktober 2011
 Pelancaran Kelab MyAgrosis UiTM Kedah, Dewan Perdana UiTM, Merbok Kedah
 24 October 2011
 Launching of MyAgrosis Club at UiTM Kedah, Perdana Hall, UiTM, Merbok, Kedah



2 November 2011
Lawatan AVA Singapura, Bilik Gerakan Ibu Pejabat FAMA
2 November 2011
Visit of AVA Singapore, Operations Room, FAMA Headquarters



9 November 2011
Siaran Langsung Program Dialog TV1 di Wisma TV Angkasapuri
9 November 2011
Live Telecast of TV1 Dialog Programme, Wisma TV, Angkasapuri



12 November 2011
Majlis Pelancaran Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) Kampung Bukit Belimbing dan Penyampaian Bantuan Azam Tani Parlimen Tanjung Karang Selangor

12 November 2011
Launching of PPL Kpg. Bukit Belimbing and Handing of Azam Tani Assistance for the Parliamentary Area of Tanjung Karang, Selangor.



17 November 2011
Delegasi Dari China ke Ibu Pejabat FAMA di Bilik Gerakan Ibu Pejabat FAMA
17 November 2011
Visit of China Delegates to FAMA Headquarters, Operations Room, FAMA Headquarters



23 November 2011
Program Durian Party di Parlimen
23 November 2011
Durian Party at Parliament




27 November 2011

Penyertaan FAMA dalam Sambutan Maal Hijrah 1433H/1211M Peringkat Kebangsaan di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya

27 November 2011

Participation of FAMA at the Maal Hijrah 1433H/ 1211M National Level Celebration at PICC Putrajaya



17 Disember 2011

Pelancaran Kelab MyAgrosis Peringkat Kebangsaan serta Perhimpunan Perdana Usahawan Siswazah dan Belia Tani di UiTM Merbok, Kedah

17 December 2011

Launching of National Level MyAgrosis Club and Gala Assembly of Graduate Entrepreneurs and Youth Farmers, UiTM Merbok, Kedah



17 Disember 2011
Majlis Perasmian Agro Bazaar Kedai Rakyat dan Penyerahan Motor Roda Tiga
di Kampong Ruat, Yan, Kedah
 17 December 2011
Official Opening of Agro Bazaar Kedai Rakyat and Handover of Three-wheeled Motorcycles,
Kampong Ruat, Yan, Kedah



27 Disember 2011
Program Jom Sihat anjuran SKF di FAMA Ibu Pejabat FAMA, Selayang
 27 December 2011
Live Healthy Programme Organized by SKF at FAMA Headquarters, Selayang





**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (FAMA) BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**
*FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY
REPORT AND FINANCIAL STATEMENT FOR THE YEAR
ENDED 31 DECEMBER 2011*



LAPORAN KEWANGAN *FINANCIAL REPORT*

Pada tahun 2011 peruntukan geran tahunan bajet mengurus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebanyak RM121,779,326 dan bajet pembangunan RM5,920,000 yang diterima oleh FAMA.

Penyata Kewangan FAMA berakhir pada 31 Disember 2011 menunjukkan jumlah pendapatan keseluruhan FAMA adalah sebanyak RM231,769,091. Pendapatan ini dijana dari geran akaun mengurus RM121,779,326; geran tertunda yang dilunaskan termasuk lain-lain pemberian di akaun pembangunan RM12,983,245 dan hasil jualan/sewaan akaun perniagaan RM89,747,997. Selain itu, keseluruhan jumlah Pendapatan Pelbagai FAMA adalah RM7,258,523.

Sepanjang tahun 2011, jumlah perbelanjaan keseluruhan FAMA pula mencecah RM243,672,234. Perbelanjaan ini terdiri daripada akaun mengurus RM124,870,747; pembangunan RM14,009,752 dan perniagaan RM104,791,735.

Pada akhir tahun kewangan FAMA, penyata pendapatan menunjukkan kurangan atas pendapatan berjumlah RM11,903,143. Kurangan ini terdiri daripada Akaun Mengurus RM954,502; lebihan Akaun pembangunan RM2,765,944 dan kerugian atas pendapatan bagi Akaun Perniagaan RM13,714,585.

In 2011, the grant allocated under the yearly operating budget as approved by the Ministry of Finance Malaysia was RM121,779,326 and the development budget allocation received by FAMA was RM5,920,000.

The Financial Statement of FAMA for the year ending 31 December 2011 showed a total income for FAMA of RM231,769,091. This income was generated from operating account grants of RM121,779,326; amortized deferred grants including other receivables under the development budget of RM12,983,245 and sales/rental revenue from the trading account of RM89,747,997. Apart from that, the total Miscellaneous Income of FAMA was RM7,258,523.

In 2011, FAMA's total expenditure was RM243,672,234. This expenditure consisted of expenditure from operating account of RM124,870,747; development account of RM14,009,752 and trading account of RM104,791,735.

At the end of the financial year, the income statement showed a deficit on income of RM11,903,143. This deficit was attributed to the Operating Account of RM954,502; a surplus of RM2,765,944 in the Development Account and losses on income in the Trading Account of RM13,714,585.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**


Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.



(SAADATUL NAFISAH BINTI BASHIR AHMAD)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 JULAI 2012



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**

Saya, **HAZNITA BINTI KHAMIS**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Batu Caves, Selangor)
pada 29 MAR 2012.....)



Di hadapan saya,



Alamat Tempat Perniagaan
NO. 71, JALAN 2/16
DATARAN TEMPLER
BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES,
SELANGOR

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH (AKAUN KUMPULAN)

Kami **TAN SRI DATO' PADUKA HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN** dan **AHMAD BIN ISHAK** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)** pada **31 Disember 2011** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....
 Nama : **Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Bin Amiruldin**
 Gelaran : Pengerusi
 Tarikh : 19 JUL 2012



.....
 Nama : **Ahmad Bin Ishak**
 Gelaran : Ketua Pengarah
 Tarikh : 19 JUL 2012

Bertempat di Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Lembaran Imbangan

Pada 31 Disember 2011

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2011 RM	2010 RM	2011 RM	2010 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	108,984,470	111,287,883	108,472,501	110,739,541
PROJEK DALAM PELAKSANAAN	5	111,185,783	101,606,630	111,185,783	101,606,630
PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER	6	1,553,008	1,626,844	1,553,008	1,626,844
PELABURAN DALAM SYKT. SUBSIDIARI	7	-	-	6,264,195	6,726,691
PELABURAN	8	182,630	182,630	-	-
PERBELANJAAN TERTUNDA	9	99,240	93,767	-	-
CUKAI TERTUNDA	10	1,732	1,732	-	-
Stok Perniagaan	11	7,945,405	5,516,440	7,568,758	5,317,044
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	12	21,296,230	18,791,959	15,972,534	13,907,957
Penghutang Syarikat Subsidiari	13	-	-	2,298,050	1,366,881
Pelaburan Jangka Pendek	14	790,266	789,885	790,266	789,885
Bayaran Terdahulu dan Pertaruhan Bayaran	15	1,614,214	1,443,509	1,614,214	1,443,509
Simpanan Jangka Pendek	16	139,731,033	169,955,651	135,819,978	165,458,610
Wang di Bank dan Runcit	17	45,953,393	37,891,429	44,796,726	36,621,154
Bayaran Balik Cukai	18	49,090	61,168	-	-
		217,379,631	234,450,041	208,860,526	224,905,040
TOLAK : LIABILITI SEMASA					
Pinjaman	19	691,512	661,867	-	-
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	20	36,097,330	50,771,490	34,134,226	48,163,946
		36,788,842	51,433,357	34,134,226	48,163,946
		180,590,789	183,016,684	174,726,300	176,741,094
		402,597,652	397,816,170	402,201,787	397,440,800
DIBIYAI OLEH :					
AKAUN-AKAUN TERKUMPUL					
Akaun Mengurus	21	72,978,493	74,594,527	72,978,493	74,594,527
Akaun Pembangunan	22	161,957,699	159,840,476	161,957,699	159,840,476
Akaun Perniagaan	23	77,568,759	90,976,356	77,568,759	90,976,356
Akaun Pasar Tani	24	1,964,670	8,560,336	1,964,670	8,560,336
Akaun Pinjaman Komputer		450,000	450,000	450,000	450,000
Akaun Pinjaman Kenderaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
		317,419,621	336,921,695	317,419,621	336,921,695
KEPENTINGAN MINORITI	30	395,865	375,370	-	-
DANA KHAS	31	84,760,221	60,226,518	84,760,221	60,226,518
INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	32	21,945	292,587	21,945	292,587
		402,597,652	397,816,170	402,201,787	397,440,800

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2011 RM	2010 RM	2011 RM	2010 RM
Pendapatan	25	234,029,334	243,159,324	224,510,568	232,534,279
Lain-lain Pendapatan	27	<u>7,604,231</u>	<u>9,282,084</u>	<u>7,258,523</u>	<u>8,618,455</u>
		241,633,565	252,441,408	231,769,091	241,152,734
Perbelanjaan	28	<u>(253,964,563)</u>	<u>(268,739,223)</u>	<u>(243,672,234)</u>	<u>(256,450,687)</u>
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai		(12,330,998)	(16,297,815)	(11,903,143)	(15,297,953)
Cukai	29	<u>(14,147)</u>	<u>48,388</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai		(12,345,145)	(16,249,427)	(11,903,143)	(15,297,953)
Kepentingan Minoriti	30	<u>(20,495)</u>	<u>(2,219)</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		<u><u>(12,365,640)</u></u>	<u><u>(16,251,646)</u></u>	<u><u>(11,903,143)</u></u>	<u><u>(15,297,953)</u></u>

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Penyata Perubahan Dana Terkumpul

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	NOTA	Akaun Mengurus RM	Akaun Pembangunan RM	Akaun Perniagaan RM	JUMLAH RM
KUMPULAN					
Dana Terkumpul Pada 1 Januari 2010 Seperti Yang Dilaporkan Dahulu		82,437,809	107,105,203	101,620,716	291,163,728
Pelarasan Tahun Lepas		-	783,323	-	783,323
Seperti Yang Dinyatakan Semula		82,437,809	107,888,526	101,620,716	291,947,051
Geran Pembangunan Semasa Lebih / (Kurangan) Bagi Tahun Pelarasan Perubahan Modal Pusingan Geran Pembangunan Dilunaskan	26	- (7,580,282) (263,000) - -	102,333,386 2,788,787 263,000 - (53,433,223)	- (11,460,151) 953,693 (137,902) -	102,333,386 (16,251,646) 953,693 (137,902) (53,433,223)
		(7,843,282)	51,951,950	(10,644,360)	33,464,308
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2010		74,594,527	159,840,476	90,976,356	325,411,359
Pelarasan Tahun Lepas	33	-	(80,000)	-	(80,000)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		74,594,527	159,760,476	90,976,356	325,331,359
Geran Pembangunan Semasa Lebih / (Kurangan) Bagi Tahun Pelarasan Perubahan Modal Pusingan Pindahan Aset Tetap Pindahan Akaun Geran Pembangunan Dilunaskan	26	- (954,502) - - - (661,532) -	10,012,020 2,765,944 (417,746) - - (10,162,995)	- (14,177,082) 462,497 (1,055,265) 700,721 661,532 -	10,012,020 (12,365,640) 44,751 (1,055,265) 700,721 - (10,162,995)
		(1,616,034)	2,197,223	(13,407,597)	(12,826,408)
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2011		<u>72,978,493</u>	<u>161,957,699</u>	<u>77,568,759</u>	<u>312,504,951</u>

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Penyata Perubahan Dana Terkumpul

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 (Sambungan)

	NOTA	Akaun Mengurus RM	Akaun Pembangunan RM	Akaun Perniagaan RM	JUMLAH RM
FAMA					
Dana Terkumpul Pada 1 Januari 2010 Seperti Yang Dilaporkan Dahulu		82,437,809	107,105,203	101,620,716	291,163,728
Pelarasan Tahun Lepas		-	783,323	-	783,323
Seperti Yang Dinyatakan Semula		82,437,809	107,888,526	101,620,716	291,947,051
Geran Pembangunan Semasa Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun Pelarasan Perubahan Modal Pusingan Geran Pembangunan Dilunaskan	26	- (7,580,282) (263,000) - -	102,333,386 2,788,787 263,000 - (53,433,223)	- (10,506,458) - (137,902) -	102,333,386 (15,297,953) - (137,902) (53,433,223)
		(7,843,282)	51,951,950	(10,644,360)	33,464,308
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2010		74,594,527	159,840,476	90,976,356	325,411,359
Pelarasan Tahun Lepas	33	-	(80,000)	-	(80,000)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		74,594,527	159,760,476	90,976,356	325,331,359
Geran Pembangunan Semasa Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun Pelarasan Perubahan Modal Pusingan Pindahan Aset Tetap Pindahan Akaun Geran Pembangunan Dilunaskan	26	- (954,502) - - - (661,532) -	10,012,020 2,765,944 (417,746) - - - (10,162,995)	- (13,714,585) - (1,055,265) 700,721 661,532 -	10,012,020 (11,903,143) (417,746) (1,055,265) 700,721 - (10,162,995)
		(1,616,034)	2,197,223	(13,407,597)	(12,826,408)
Dana Terkumpul Pada 31 Disember 2011		<u>72,978,493</u>	<u>161,957,699</u>	<u>77,568,759</u>	<u>312,504,951</u>

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

	NOTA	KUMPULAN		FAMA	
		2011 RM	2010 RM	2011 RM	2010 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Penerimaan Tunai Dari Pelanggan		259,083,714	317,747,433	247,855,735	304,809,701
Pembayaran Kepada Pembekal Dan Pekerja		(266,297,006)	(335,622,777)	(254,144,516)	(321,028,063)
Jumlah Tunai Dari Operasi		(7,213,292)	(17,875,344)	(6,288,781)	(16,218,362)
Bayaran Faedah		(57,643)	(56,719)	-	-
Bayaran Cukai Korporat		(2,069)	(25,813)	-	-
Jumlah Tunai Bersih Dihasilkan Dari/ (Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi		(7,273,004)	(17,957,876)	(6,288,781)	(16,218,362)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Projek Dalam Pelaksanaan		(9,579,152)	(56,232,002)	(9,579,152)	(56,232,002)
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan	A	(6,622,521)	(7,020,222)	(6,537,271)	(6,853,548)
Lain-lain Pelaburan		462,497	953,694	462,497	953,694
Faedah Bank		5,851,544	6,214,317	5,740,830	6,104,852
Dividen dan Hasil Lain		1,735,082	3,109,793	1,500,088	2,555,629
(Kurangan) / Tambahan Perbelanjaan Tertangguh		(5,474)	(130,904)	-	-
Jumlah Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(8,158,024)	(53,105,324)	(8,413,008)	(53,471,375)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN					
Tambahan Kumpulan Wang		(6,950,210)	937,122	(6,950,210)	937,122
Hasil Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		189,320	307,430	189,320	307,265
Bayaran Dividen		-	(9,900)	-	-
Jumlah Tunai Bersih Dari Aktiviti Kewangan		(6,760,890)	1,234,652	(6,760,890)	1,244,387
Penambahan / (Pengurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai		(22,191,918)	(69,828,548)	(21,462,679)	(68,445,350)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		207,975,098	277,803,646	202,869,649	271,314,999
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada/Akhir Tahun	34	185,783,180	207,975,098	181,406,970	202,869,649
Nota A :					
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan Untuk Tahun					
Akaun Perniagaan		(790,308)	(1,047,573)	(790,308)	(1,047,573)
Akaun Mengurus		(725,513)	(453,779)	(725,513)	(453,779)
Akaun Pembangunan		(5,021,450)	(5,352,196)	(5,021,450)	(5,352,196)
Akaun FAMACO		(85,250)	(166,674)	-	-
Seperti Di Penyata Aliran Tunai		(6,622,521)	(7,020,222)	(6,537,271)	(6,853,548)

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama FAMA sepanjang tahun kewangan adalah untuk menyelia, menyelaras, mengawalselia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian di Malaysia termasuk pengimportan dan pengeksporan keluaran pertanian, mengadakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran tersebut dan perkara-perkara bersangkutan dengannya. Kegiatan utama tersebut meliputi program-program berikut :

- a. Pengurusan dan Kelengkapan Terminal Agribisnes Negara (TEMAN)
- b. Pengurusan Rantaian Bekalan (Supply Chain Management)
- c. Maklumat Pasaran Global
- d. Promosi dan Penjenamaan Nasional
- e. Pembangunan Keupayaan Sumber
- f. Projek Pembangunan Kawasan (Pemasaran Pertanian)

Kegiatan utama syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah memasarkan produk keluaran hasil-hasil pertanian, mengeksport buah-buahan, peruncitan barangan makanan proses dan produk pengguna, serta mengimport dan mengedar kobis.

Penyata Kewangan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 19 Julai 2012.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan ini adalah mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

2.1 POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

Pihak Lembaga tiada struktur khusus dalam pengurusan risiko ke atas kewangan dan segala risiko dikendalikan oleh pengurusan atasan berdasarkan kesesuaian kes.

Polisi-polisi yang berkaitan aktiviti kewangan adalah seperti berikut :

2.1.1 Risiko Kredit

Risiko Kredit adalah dikawal melalui prosedur kelulusan kredit, had dan pemantauan yang berterusan. Pihak pengurusan yakin bahawa tiada risiko kredit selain daripada jumlah kredit yang diluluskan dan dibenarkan untuk dikutip.

2.1.2 Risiko Kadar Faedah

Kumpulan dan FAMA tidak terdedah kepada risiko kadar faedah yang ketara.

2.1.3 Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kumpulan dan FAMA mengamalkan pengurusan risiko kecairan dan aliran tunai yang berhemah dalam meminimalkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan berupaya menyediakan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang sangat kompetitif.

2.1.4 Risiko Pasaran

FAMA tidak terdedah kepada risiko pasaran yang ketara kerana fungsinya yang bukan bertujuan keuntungan. Aktiviti syarikat subsidiari pula terdedah kepada risiko pasaran melalui persaingan dengan lain-lain syarikat yang menjalankan perniagaan yang sama.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi perakaunan yang berikut diterima pakai oleh Lembaga dan ianya konsisten dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

3.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Lembaga telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata kewangan ini mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

3.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Lembaga dan syarikat subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Sebarang bentuk urusan di antara Lembaga dengan syarikat subsidiari dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan hanya mencerminkan urusan dengan pihak ketiga.

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan yang didiami dan dimiliki oleh Lembaga dan syarikat subsidiari, dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan penurunan nilai harta, kecuali tanah milik bebas.

Aset Lembaga yang dibeli RM1,000 dan ke bawah akan diiktiraf sebagai belanja dan yang bernilai RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Aset Tetap.

Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah pegangan kekal. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut :

Alat dan Mesin	20%
Alatan Pejabat	20%
Bangunan	2.5%
Gerai	20%
Kandang Lembu/Kambing	20%
Kenderaan	20%
Kolam Ikan	50%
Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)	10%
Tanah Pajak	mengikut tempoh tahun pajak
Tangki Minyak	7.5%

3.4 Penurunan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Pada setiap tarikh lembaranimbangan, Lembaga menyemak nilai bawaan aset selain daripada inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud petunjuk-petunjuk tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula. Nilai boleh diperolehi semula dianggarkan bagi setiap aset atau jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.4 Penurunan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian rosotnilai dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebih penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Peningkatan nilai berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula aset dianggap sebagai penerbalikan kemerosotan terdahulu dan diiktiraf sehingga tahap nilai simpanan aset akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerugian kemerosotan telah diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Jika kerugian rosotnilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, penerbalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

3.5 Aset Tetap Berbentuk Kemudahan Asas

Mulai tahun 2010, semua pembelian aset Akaun Pembangunan diperakaunkan di dalam akaun yang sama selaras MASB 31. Pada tahun sebelum, aset tetap bagi projek-projek berbentuk kemudahan asas khusus bagi pemasaran pertanian yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pembangunan dipindah samada kepada Kumpulan Wang Mengurus atau/dan Kumpulan Wang Perniagaan apabila siap untuk beroperasi. Ini termasuk Bilik Sejuk, Pusat Pemasaran Hasil Pertanian, Pusat Menggred Koko dan Kenderaan.

3.6 Stok

3.6.1 Stok dan stok makanan proses direkodkan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh direalis bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dahulu, keluar-dahulu.

3.6.2 Kuantiti stok akhir berdasarkan kepada pengiraan kuantiti stok fizikal yang sebenar.

3.7 Kos Pengeluaran

3.7.1 Kos pengeluaran makanan proses meliputi kos bahan mentah dan bahan campuran, kos buruh langsung dan kos overhead kilang.

3.7.2 Perbelanjaan yang melibatkan penggunaan bersama oleh kilang dan pentadbiran dan jualan, dibahagi mengikut kadar yang telah ditentukan oleh polisi Lembaga iaitu 75% kepada kos pengilangan dan 25% kepada kos pentadbiran dan jualan.

3.8 Pelaburan

3.8.1 Pelaburan Syarikat Subsidiari

Pelaburan tidak tersiarharga dinyatakan pada kos. Peruntukan rosotnilai dibuat apabila Ahli Lembaga Pengarah berpendapat terdapat pengurangan nilai yang kekal dalam pelaburan.

3.8.2 Pelaburan

Pelaburan tersiarharga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.9 Penghutang Perniagaan dan Pelbagai

Merupakan hutang yang terhasil dari transaksi urusanniaga yang biasa. Ianya tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh berbayar yang tetap.

3.10 Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu bagi penghutang Akaun Perniagaan dibuat secara am ke atas baki hutang yang melebihi 121 hari. Bagi penghutang pendahuluan ialah secara am ke atas ke semua bakinya. Baki penghutang Pusat-pusat Memproses yang melebihi 121 hari, peruntukan hutang ragu dibuat secara khusus ke atas setiap penghutang.

Kadar-kadar yang digunakan ialah :-

Penghutang Perniagaan	50%
Penghutang Pendahuluan	75%

Peruntukan hutang ragu pada kadar 100% hanya akan dibuat setelah Penghutang Perniagaan tersebut berusia melebihi 1 tahun. Bagi Penghutang Pendahuluan yang berusia 7 tahun, peruntukan hutang ragu adalah pada kadar 100%.

3.11 Pencukai Dan Cukai Tertunda

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar atas keuntungan yang dicukai bagi tahun kewangan semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh lembaran imbangan.

Kadar cukai yang termaktub atau sebahagian besarnya telah termaktub pada tarikh lembaran imbangan digunakan bagi menentukan cukai tertunda.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai bawaan aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada tarikh lembaran imbangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan potongan sementara, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai terdapat untuk digunakan atas perbezaan potongan sementara, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum diguna.

3.12 Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai

Amaun merupakan piutang yang terhasil dari transaksi urusanniaga yang biasa. Ianya tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh berbayar yang tetap.

3.13 Pertaruhan Bayaran

Merupakan bayaran yang dibuat ke atas pertaruhan untuk sewaan, utiliti, tender dan lain-lain. Pertaruhan ini akan dikendalikan semula selepas tamat tempoh perjanjian.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

